

GAYA BAHASA DALAM CERITA RAKYAT SABAH:
PENELITIAN TERHADAP TEKS *MAGIS SANG MANUK*
BURA

NOORARFAH BINTI MOHD NOOR

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

2024



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

GAYA BAHASA DALAM CERITA RAKYAT SABAH:
PENELITIAN TERHADAP TEKS *MAGIS SANG MANUK
BURA*

NOORARFAH BINTI MOHD NOOR

TESIS INI MENGEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN
WARISAN

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2024

PENGESAHAN TESIS

Dengan ini saya mengesahkan bahawa semua hasil kerja yang terkandung di dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

TERBUKA

saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh.....Sehingga.....

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit dibawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

Mengandung maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan juga mempunyai hak untuk membuat salinan bertujuan untuk pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan

Noorarfah Binti Mohd Noor

C20A1168

Tarikh : / /2024

Tandatangan Penyelia

Dr. Mohd Firdaus Che Yaacob

Tarikh : / /2024

PENGHARGAAN

Bismillahir-Rahmanir-Rahim dan Assalamualaikum

Terlebih dahulu saya ingin melafazkan rasa syukur kepada Allah Swt kerana dengan limpah dan kurniaanya, saya dapat menyiapkan penulisan projek penyelidikan ini dengan sempurna dalam jangka masa yang telah ditetapkan. Kejayaan dalam menyiapkan penulisan ini melibatkan beberapa pihak sama ada secara langsung dan tidak langsung dalam memberi dorongan, pandangan dan berkongsi maklumat kepada diri saya yang kerdil ini.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ibu bapa saya yang telah memberi dorongan dan sokongan yang berterusan serta mendoakan sepanjang saya menyiapkan penulisan ini. Dengan dorongan dan sokongan yang diberikan membuatkan saya terus bersemangat dan sabar dalam menghasilkan sebuah tesis yang baik dan bermanfaat. Terima kasih juga kepada sahabat sepejuangan saya yang sentiasa membantu dalam menghadapi masalah dalam menjayakan penulisan ini. Segala jasa budi yang dicurahkan amatlah saya hargai. Dengan ini, segala kekurangan dan kelemahan datangnya dari saya dan segala kebaikan semuanya daripada Allah SWT.

Setinggi - tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Mohd Firdaus Bin Che Yaacob selaku penyelia dan pensyarah yang berperanan penting dalam menyiapkan penulisan ini. Hal ini demikian kerana, beliau seorang yang tidak mengenal erti penat lelah dalam memberi tunjuk ajar, nasihat dan sabar dalam mendidik dan menyemak penulisan ini. Bantuan yang telah dicurahkan oleh beliau hanya Allah SWT sahaja yang dapat membalas segala jasa baik beliau.

Sekian, terima kasih.

Noorarfah Binti Mohd Noor
Lot1767, Taman Guru Pintu Geng
15100, Kota Bharu
Kelantan.
01115785918
Emel: c20a1168@siswa.umk.edu.my

JADUAL KANDUNGAN

| KANDUNGAN | HALAMAN |
|--|---------|
| PENGESAHAN TESIS | I |
| PENGHARGAAN | ii |
| JADUAL KANDUNGAN | iii |
| SENARAI JADUAL | V |
| SENARAI CARTA | vi |
| SENARAI RAJAH | vii |
| ABSTRAK | viii |
| ABSTRACT | ix |
| | |
| BAB 1 PENDAHULUAN | |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Pernyataan Masalah | 5 |
| 1.3 Persoalan Kajian | 7 |
| 1.4 Objektif Kajian | 8 |
| 1.5 Batasan Kajian | 9 |
| 1.6 Kepentingan Kajian | 13 |
| 1.7 Definisi Operasional | 15 |
| 1.7.1 Cerita Rakyat | 15 |
| 1.7.2 Gaya Bahasa | 16 |
| 1.7.3 Teori Pengkaedahan Melayu | 16 |
| 1.8 Organisasi Kajian | 17 |
| 1.9 Penutup | 19 |
| | |
| BAB 2 SOROTAN KAJIAN LEPAS | |
| 2.1 Pengenalan | 20 |
| 2.2 Pengkajian Cerita Rakyat Di Malaysia | 21 |
| 2.3 Pengkajian Gaya Bahasa dalam Karya Sastera | 40 |
| 2.4 Pengkajian Teori Pengkaedahan Melayu | 54 |
| 2.5 Penutup | 70 |
| | |
| BAB 3 METODOLOGI KAJIAN | |
| 3.1 Pengenalan | 71 |
| 3.2 Rekabentuk Kajian | 71 |
| 3.3 Kaedah Kajian | 72 |
| 3.3.1 Kajian Kepustakaan | 72 |
| 3.3.2 Rujukan Teks | 72 |
| 3.4 Teori Pengkaedahan Melayu | 73 |
| 3.4.1 Pengkaedahan Alamiah | 74 |
| 3.4.1.1 Pendekatan Gunaan | 75 |
| 3.4.1.2 Pendekatan Moral | 75 |
| 3.4.1.3 Pendekatan Firasat | 75 |
| 3.4.2 Pengkaedahan Keagamaan | 76 |
| 3.4.2.1 Pendekatan Seni | 76 |
| 3.4.2.2 Pendekatan Kemasyarakatan | 76 |
| 3.5 Penutup | 78 |
| | |
| BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN | |
| 4.1 Pengenalan | 79 |
| 4.2 Gaya Bahasa Perbandingan | 80 |
| 4.2.1 Gaya Bahasa Simile | 81 |
| 4.2.2 Gaya Bahasa Metafora | 86 |

| | |
|--|-----|
| 4.2.3 Gaya Bahasa Personofikasi | 93 |
| 4.2.4 Gaya Bahasa Imej | 96 |
| 4.3 Gaya Bahasa Pertentangan | 98 |
| 4.3.1 Gaya Bahasa Hiperbola | 99 |
| 4.3.2 Gaya Bahasa Paradoks | 104 |
| 4.4 Gaya Bahasa Penyirnaan | 108 |
| 4.4.1 Gaya Bahasa Sinkope | 108 |
| 4.5 Gaya Bahasa Sindiran | 112 |
| 4.5.1 Gaya Bahasa Ironi | 113 |
| 4.5.2 Gaya Bahasa Sinisme | 115 |
| 4.6 Gaya Bahasa Perulangan | 117 |
| 4.6.1 Gaya Bahasa Anafora | 117 |
| 4.6.2 Gaya Bahasa Asonansi | 119 |
| 4.6.3 Gaya Bahasa Aliterasi | 121 |
| 4.7 Penutup | 123 |
| BAB 5 RUMUSAN, CADANGAN DAN PENUTUP | |
| 5.1 Pengenalan | 124 |
| 5.2 Rumusan | 125 |
| 5.3 Perbincangan | 126 |
| 5.4 Cadangan | 128 |
| 5.5 Penutup | 130 |
| RUJUKAN | 131 |
| BIODATA PENULIS | 136 |

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN


| SENARAI JADUAL | HALAMAN |
|--|---------|
| Jadual 1.5:Senarai Tajuk Cerita Rakyat dan Gaya Bahasa | 10 |




UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



UNIVERSITI




MALAYSIA




KELANTAN



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

GAYA BAHASA DALAM CERITA RAKYAT SABAH: PENELITIAN TERHADAP TEKS
MAGIS SANG MANUK BURA

ABSTRAK

Cerita rakyat merupakan sebuah karya sastra agung yang disampaikan melalui lisan menjadi turun-temurun dari individu ke individu yang lain. Cerita rakyat adalah cerita yang telah wujud pada zaman dahulu yang masih disampaikan melalui mulut ke mulut pada masa kini. Cerita rakyat dapat diperlihatkan melalui perutusan positif dalam mendidik masyarakat membentuk jati diri bermoral. Cerita rakyat terhasil daripada penglipur lara yang bertanggungjawab sebagai penyebaran cerita rakyat kepada masyarakat. Cerita rakyat ini mempunyai unsur keindahan yang dapat dijadikan karya menjadi kemas dan senang untuk difahami. Hal ini demikian kerana, gaya bahasa merupakan karya penulisan kreatif yang dapat memberi pengajaran dalam karya penulisan bukan kreatif. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti gaya bahasa yang terkandung dalam *teks Magis Sang Manuk Bura*, menganalisis gaya bahasa yang terkandung dalam *teks Magis Sang Manuk Bura* dan merumuskan gaya bahasa dalam *teks Magis Sang Manuk Bura* melalui pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu. Batasan kajian ini untuk kegunaan pengkaji kerana hanya memilih satu buku cerita rakyat untuk memberi fokus tentang general rakyat. Buku yang dipilih adalah berjudul *Magis Sang Manuk Bura* karya Angela Engkuan yang diterbitkan pada tahun 2018. Di dalam *teks Magis Sang Manuk Bura* mempunyai tajuk-tajuk kecil iaitu, Magis Sang Manuk Bura, Tompukili, Puteri Nubung, Baju Ajaib Si Gadis Kerdil, Sungkabai dan Indaman, Kisah Isteri Yang Setia, Mondou Totomou dan Sumandak, Moloheng yang Malang, Kayu Tundugon, Keturunan Atuk Tongguan, Bangkau Si Kura-Kura, Celepa Emas, Kisah Kusoi dengan Kogiu, Kisah Tujuh Orang Gadis, Tanakanak dan Sumpit Sakti, Oran Utan, Kisah Pemuda yang Bertuah, Kisah Si Anak, dan Kisah Awang Si Penangkap Burung. Selain itu, rekabentuk kajian ini adalah bersifat kualitatif yang merujuk kepada kaedah kepustakaan dan kaedah rujukan teks. Dalam kajian ini, pengkaji mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu sebagai satu landasan untuk membentuk keindahan dalam sebuah teks karya menjadi lebih indah dan dapat menyampaikan satu makna yang mantap. Teori Pengkaedahan Melayu dapat memperlihatkan tentang cerminan sikap dan nilai budaya serta mengkaji keindahan gaya bahasa di dalam kajian. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa menerusi *teks Magis Sang Manuk Bura* sememangnya terkandung gaya bahasa yang dapat mempengaruhi emosi pembaca atau pendengar untuk lebih meyakinkan perasaan.

Kata Kunci: Cerita Rakyat, Gaya Bahasa, *Teks Magis Sang Manuk Bura*, Teori Pengkaedahan Melayu.

LANGUAGE STYLE IN SABAH FOLK-TALES: A RESEARCH ON *THE TEXT OF
MAGIS SANG MANUK BURA*

ABSTRACT

Folklore is a great literary work that is passed down orally from one individual to another. Folktales are stories that have existed in ancient times and are still passed on through word of mouth today. Folktales can be shown through a positive message in educating the community to form a moral identity. Folktales are the result of comforters who are responsible for spreading folktales to the community. This folk tale has an element of beauty that can be made into a neat and easy to understand work. This is so because language style is a work of creative writing that can give lessons in non-creative writing. This study aims to identify the language style contained in the *Magis Sang Manuk Bura* text *Magis Sang Manuk Bura*, analyze the language style contained in the text and formulate the language style in the *Magis Sang Manuk Bura* text through the application of the theory of Malay Methodology. The limitation of this study is for the researcher's use because he only chose one book of folklore to focus on general folk. The book chosen is titled *Magis Sang Manuk Bura* by Angela Engkuan which was published in 2018. In the text *Magis Sang Manuk Bura* has sub-titles namely, Magis Sang Manuk Bura, Tompukili, Puteri Nubung, Baju Ajaib Si Gadis Kerdil, Sungkabai dan Indaman, Kisah Isteri Yang Setia, Mondou Totomou dan Sumandak, Moloheng yang Malang, Kayu Tundungon, Keturunan Atuk Tongguan, Bangkau Si Kura-Kura, Celepa Emas, Kisah Kusoi dengan Kogiu, Kisah Tujuh Orang Gadis, Tanakanak dan Sumpit Sakti, Oran Utan, Kisah Pemuda yang Bertuah, Kisah Si Anak, dan Kisah Awang Si Penangkap Burung. In addition, the design of this study is qualitative which refers to bibliographic methods and text reference methods. In this study, the researcher applied the theory of Pengkaedahan Malay as a basis to shape the beauty in a work text to be more beautiful and able to convey a solid meaning. Malay Methodology Theory can show about the reflection of cultural attitudes and values as well as examine the beauty of language style in the study. The results of the study found that through the *Magis Sang Manuk Bura* there is indeed a style of language that can influence the emotions of the reader or listener to make the feelings more convincing.

Keywords: Folklore, Language Style, *The text of Magis Sang Manuk Bura*, Teori Pengkaedahan Melayu.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kesusasteraan adalah ciptaan hasil seni yang dicipta untuk disampaikan melalui bahasa. Pertuturan disebut sebagai sastera lisan manakala penulisan disebut sebagai sastera tulisan (Hashim Awang, 1987). Menurut Ali Ahmad (1994) pula memberi pandangan bahawa bahasa sastera berasal daripada bahasa sanskrit iaitu, *castra* yang disebut sebagai *systra* yang membawa maksud kitab suci. Kesusasteraan mempunyai erti seni sastera atau seni bahasa. Menurut tokoh Muhammad Haji Salleh (1995) mengemukakan pandangan bahawa kesusasteraan merujuk kepada suatu karya lisan dan tulisan yang terkandung unsur-unsur cerita rekaan yang disampaikan melalui bahasa dan pelbagai perkataan.

Menurut pandangan yang dinyatakan di atas berkenaan dapat didefinisikan bahawa kesusasteraan dapat difahami konsep kesusasteraan. Hal ini demikian kerana, kesusasteraan ini dapat dilihat melalui citra keindahan bahasa yang dihasilkan melalui pertuturan dan penulisan. Menurut Ali Ahmad (1994) kesusasteraan dapat dilihat melalui keindahan penggunaan bahasa yang menjadi asas dalam mewujudkan hasil kesusasteraan. Tambahan pula, keindahan yang terhasil sebuah karya sastera sama ada secara lisan dan tulisan. Hal ini disebabkan oleh, penggunaan bahasa yang bersifat suci, halus dan estetik mengandungi mesej, pemikiran yang dapat dilontarkan oleh pengarang dalam menghasilkan karya sastera yang berkualiti.

Selain itu, cerita rakyat adalah cerita yang disampaikan melalui lisan yang menjadi turun - temurun dari generasi ke generasi. Menurut Ismail Hamid (1986) cerita rakyat yang disampaikan melalui lisan dari individu ke individu yang lain. Cerita rakyat adalah Sebuah cerita sastra milik orang Melayu yang dituturkan melalui lisan dari satu generasi ke generasi pada zaman dahulu (Mohd Taib Othman, 1976). Manakala, menurut Wan Abdul Kadir (2000), menyatakan nilai-nilai murni yang terkandung di dalam cerita rakyat dapat diserap kepada pembaca melalui penyampaian cerita rakyat agar dapat menimbulkan rasa kehalusan, peradaban, nilai murni, keagamaan dan sebagainya.

Pada waktu yang sama, cerita rakyat adalah cerita lama yang telah lama wujud pada zaman nenek moyang yang tersebar melalui lisan yang disampaikan individu kepada individu yang lain dengan tanpa adanya sistem tulisan. Cerita rakyat ini telah berkembang dan tersebar sehingga hari ini. Walaupun dunia berkembang pesat dengan peredaran masa, cerita rakyat masih tersebar melalui tradisi lisan dalam kalangan orang Melayu. Cerita rakyat terhasil daripada penglipur lara yang bertanggungjawab sebagai penyebaran cerita rakyat kepada masyarakat. Cerita rakyat yang disampaikan mempunyai pelbagai variasi mengikut daerah. Masyarakat yang terdiri daripada datuk, nenek, moyang yang turut menyebarkan cerita rakyat kepada generasi baharu. Hal ini menyebabkan cerita rakyat semakin berkembang pada hari ini. Sebagai contoh, nenek menceritakan kepada cucunya tentang cerita rakyat yang pernah di dengar olehnya. Maka, dengan penyampaian cerita rakyat itu membuatkan penyebaran cerita rakyat semakin pesat. Cerita rakyat disampaikan melalui lisan menyebabkan rakyat tidak mengenali siapa pengarang yang mencipta cerita-cerita tersebut. Rakyat bebas menceritakan tentang cerita rakyat sehingga wujudnya beberapa variasi. Cerita rakyat mempunyai pelbagai bentuk mitos, legenda dongeng dan lain-lain. Cerita rakyat ini dijadikan hiburan dalam aspek pendidikan dan mempamerkan nilai agama, kebudayaan

serta pengajaran. Bahan bacaan kanak-kanak termasuk cerita rakyat mempunyai hiburan dan pengajian kepada kanak-kanak (Hadijah Rahmat, 2016).

Karya penulisan kreatif semestinya mempunyai gaya bahasa di dalam setiap penulisan. Hal ini demikian kerana, gaya bahasa berperanan penting dalam menghasilkan sesebuah hasil karya kreatif. Menurut Wan Akmal Wan Ismail (2019) menyatakan bahawa gaya adalah berkaitan dengan penggunaan kata, perulangan, irama dan lain-lain. Setiap penggunaan kata yang digunakan oleh pengarang dapat menjadikan sesebuah karya lebih menarik untuk dibaca. Gaya bahasa merupakan keindahan bahasa berdasarkan ayat-ayat yang terdapat di dalam karya. Manakala, menurut Nik Hassan Basri Nik Ab Kadir (2005) mengatakan bahawa gaya bahasa penulisan kreatif dan penulisan bukan kreatif mempunyai kepentingan dalam penghasilan karya kerana ia peranan penting untuk menghidupkan sebuah karya kreatif. Hal ini terjadi kerana, gaya bahasa penting untuk menghidupkan sesebuah karya kreatif kerana dianggap sebagai nadi untuk karya menjadi mantap. Gaya bahasa merujuk kepada aspek keindahan. Hal ini disebabkan oleh, setiap karya yang diolah oleh penulis dengan menggunakan gaya bahasa akan meningkatkan kesan kepada khalayak ketika menghayati sesebuah teks yang dibaca. Gaya bahasa mempunyai pelbagai jenis yang dapat menimbulkan kesan kepada pembaca. Terdapat lima jenis gaya bahasa iaitu, gaya bahasa Perbandingan, gaya bahasa perbandingan, gaya bahasa pernyirnaan, gaya bahasa pertautan dan gaya bahasa pertentangan. Gaya bahasa terdiri daripada metafora, simbol dan perlambangan, simile, hiperbola serta banyak lagi. Gaya bahasa ini yang akan membuatkan pembaca lebih gemar dalam menghayati karya yang dibaca. Penggunaan gaya bahasa mempunyai perbezaan antara novel yang bersifat bebas berbanding prosa tradisonal.

Dalam hal ini, pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu dapat dikaitkan dengan masyarakat Melayu. Teori Pengkaedahan Melayu adalah teori tempatan yang dapat dilihat tentang gaya hidup masyarakat Melayu. Teori Pengkaedahan Melayu telah digagaskan oleh Hashim Awang pada (1989). Menurut Hashim Awang (2002) telah menyatakan bahawa Teori Pengkaedahan Melayu adalah sebuah teori yang dikenali sebagai *grounded Theory* yang membentuk daripada hasil penyelidikan yang berbentuk kualitatif. Manakala, menurut Syaidul Azam Kamarudin & Arbai'e Sujud (2017) mengatakan Teori Pengkaedahan Melayu ini dapat diterapkan melalui karya penulisan Melayu yang mempengaruhi kepada alam dan berpaksikan kepada agama Islam. Teori Pengkaedahan Melayu yang telah digagaskan oleh Hashim Awang (1989) yang telah terbahagi kepada dua pecahan iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Setiap pecahan tersebut mempunyai tiga pecahan. Pada Pengkaedahan Alamiah mengandungi tiga pendekatan iaitu, pendekatan gunaan, pendekatan moral dan pendekatan firasat. Manakala, pada pengkaedahan keagamaan pula mempunyai pendekatan dakwah, pendekatan seni dan pendekatan kemasyarakatan. Pemilihan teori ini adalah untuk melihat tentang sikap kehidupan masyarakat Melayu yang dapat dikaitkan dengan sumber alam sebagai sebahagian daripada dirinya.

Berbalik dalam konteks kajian yang dapat disimpulkan bahawa cerita rakyat adalah cerita warisan yang perlu diperjuangkan sehingga hari ini. Penggunaan gaya bahasa di dalam cerita rakyat yang digunakan sangatlah penting kepada pembaca untuk meningkatkan daya tarikan. Penggunaan teori pengkaedahan Melayu dapat dikaitkan dengan gaya bahasa kerana bertujuan untuk member kesan keindahan dan menggambarkan kesan kehidupan masyarakat Melayu. Penggunaan gaya bahasa yang beragam dapat membantu dalam menjelaskan kepada pembaca untuk lebih memahami idea yang disampaikan.

1.2 Pernyataan Masalah

Setiap kajian yang dilakukan oleh pengkaji semestinya mempunyai permasalahan kajian tersendiri. Berdasarkan kajian penyelidikan ini mempunyai banyak permasalahan yang dapat dikesan oleh pengkaji.

Yang pertama, cerita rakyat adalah karya Melayu yang mempunyai nilai sosio budaya masyarakat yang dapat dilihat melalui etika dan moral. Hal ini dikatakan demikian, cerita rakyat ini mempunyai nilai budaya masyarakat setempat yang dapat dilihat dalam novel *Magis Sang Manuk Bura* (2018). Lanjutan itu, cerita rakyat ini mempunyai budaya masyarakat sabah yang dapat ditonjolkan agar dapat memberi pengajaran kepada masyarakat.

Seterusnya, pengkaji telah menunjukkan kajian terhadap kajian lepas dalam penyelidikan yang dijalankan tentang gaya bahasa dalam konteks cerita rakyat sabah . antaranya, Analisis Cerita Rakyat Orang Asal Sabah Sebagai Medium Pembelajaran Asas Literasi: Analisis Keperluan oleh Mohd Nazri Abdul Rahman, Mariani Md Nor, Romli Darus, Ahmad Shobry Mohd Noor, Arun Daud, Rinau Lintang, Nor Asiah Muhamad (2017), Analisis Watak dan Nilai Positif dalam Cerita Jenaka Etnik Peribumi Terpilih di Sabah oleh Norsuhaila Sulaiman dan Asmiaty Amat (2023), Analisis Cerita Rakyat Kaum Bajau Semporna, Sabah: Suatu Analisis Citra Masyarakat oleh Abdul Halim Bin Bandan (1999), Analisis Nilai Kepahlawanan Dalam Tangon Terpilih Suku Kimaragang Di Sabah oleh Jamail Masador, Abdul Halim Ali dan Azhar Wahid (2021), Analisis Superioriti Rakyat dalam Lelucon Cerita Abu Nawas Asal dan Cerita Abu Nawas Versi Sabah oleh Low Kok On (2014), Analisis Nilai Pendidikan Dalam Tangon-Tangon Masyarakat Kadazandusun oleh Florina Jumil, Norjietta Julita Taisin (2017), dan Analisis Asal-usul Kampung Nelumad: Analisis dari

Perspektif Mitos dan Legenda Masyarakat Dusun di Ranau, Sabah oleh Budi Anto Mohd Tamring, Veronica Petrus Atin, Nelson Justin Adeg (2023)

Berdasarkan penelitian memperjelaskan tentang kajian lepas yang menumpukan kepada genre cerita rakyat dalam kontek gaya bahasa. Kajian berkaitan gaya bahasa dapat menunjukkan keindahan di dalam novel ini untuk mewujudkan budaya rakyat sabah dalam keindahan penggunaan gaya bahasa. Oleh itu, kajian penyelidikan bertujuan untuk menonjolkan gaya bahasa yang ada di dalam novel *Magis Sang Manuk Bura* karya Angela Engkuan (2018).



1.3 Persoalan Kajian

Berikut merupakan persoalan kajian:

1.3.1 Apakah gaya bahasa yang terkandung dalam teks cerita rakyat *Magis Sang Manuk Bura*?

1.3.2 Bagaimanakah gaya bahasa yang terkandung dalam teks cerita rakyat *Magis Sang Manuk Bura*?

1.3.3 Sejauhmanakah gaya bahasa yang terkandung dalam teks *Magis Sang Manuk Bura* dapat diaplikasikan melalui teori Pengkaedahan Melayu?

1.4 Objektif Kajian

Berikut adalah objektif kajian

1.4.1 Mengenal pasti gaya bahasa yang terkandung dalam teks cerita rakyat *Magis Sang Manuk Bura*.

1.4.2 Menganalisis gaya bahasa yang terkandung dalam teks cerita rakyat *Magis Sang Manuk Bura*.

1.4.3 Merumuskan gaya bahasa yang terkandung dalam teks *Magis Sang Manuk Bura* melalui pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu secara mendalam.

1.5 Batasan Kajian

Dalam menghasilkan kajian ini, terdapat beberapa kajian yang dibataskan untuk kegunaan pengkaji. Pengkaji perlu memilih satu buku cerita rakyat untuk memberi fokus terhadap genre cerita rakyat. Buku cerita rakyat yang dipilih berjudul *Magis Sang Manuk Bura* yang disusun oleh Angela Engkuan. Buku ini dicetak pada tahun 2018 oleh pencetakan Bumi Restu Sdn Bhd. Buku ini terdiri sebanyak 276 muka surat dan terkandung 19 buah cerita rakyat. Buku yang digunakan oleh pengkaji ini merupakan cetakan pertama pada 2018. Pemilihan buku ini mempunyai justifikasi kepada pengkaji untuk dijadikan sumber rujukan utama. Pertama, ia merujuk kepada struktur dalaman buku itu sendiri yang dapat dilihat bermula pada awal hingga akhir muka surat. Selain itu, cerita rakyat disusun rapi dalam mempamerkan pembahagian cerita.

Seterusnya, penggunaan bahasa yang dikarang oleh seorang penulis sememangnya dapat dibaca dan difahami. Hal ini dikatakan demikian kerana, bahasa Melayu yang digunakan oleh pengarang sememangnya ringkas dan mempunyai makna yang padat. Penyusunan buku ini menggunakan bahasa yang sederhana yang tidak membebani pembaca. Penggunaan bahasa yang gramatis, ringkas dan padat dalam cerita rakyat. Maka, mereka dapat mengenalpasti apa matlamat utama yang ingin disampaikan. Lain daripada itu, cerita rakyat yang terkadang dalam buku ini mengandungi pelbagai cerita rakyat dan turut mempunyai jenis-jenis yang sesuai dan menarik dibaca pada waktu lapang. Buku yang dikaji mempunyai unsur-unsur mitos, yang membuatkan pengkaji lebih seronok untuk membaca. Plot cerita rakyat adalah berbeza dan dapat memberi pengajaran dan penambahan ilmu kepada pembaca.

Di samping itu, buku ini kaya dengan gaya bahasa, budaya dan teksdealisme dan sebagainya. Budaya yang terdapat di dalam cerita rakyat ini dapat dijadikan ilmu pengetahuan dan pembelajaran dalam mengenali rakyat sabah.Pada masa yang sama, ia juga dapat memberi pengetahuan yang luas kepada pembaca untuk mendalami tentang kehidupan orang sabah pada gaya bahasa juga dapat dilihat di dalam buku ini yang mempunyai pelbagai gaya bahasa seperti perlambangan, hiperbola, pengaruh bahasa asing dan banyak lagi. Gaya bahasa ini dapat memberi kesan keindahan dalam penghasilan buku. Teori Pengkaedahan Melayu memberi kesan keindahan di dalam teks yang dikaji. Berdasarkan buku yang telah dipilih pengkaji hanya mengutamakan cerita rakyat yang mengandungi gaya bahasa.

Berdasarkan teks *Magis Sang Manuk Bura*, pengkaji menggunakan beberapa buah cerita rakyat untuk dianalisis teks yang mengandungi gaya bahasa. Sebanyak 19 buah cerita rakyat dapat dijadikan sebagai sumber kajian.

Berikut adalah jadual yang mengandungi gaya bahasa dalam cerita rakyat yang dipilih:

| Bil | Tajuk Cerita Rakyat | Gaya Bahasa |
|------------|---------------------------------|---|
| 1 | Magis Sang Manuk Bura | Simile, Metafora, Ironi |
| 2 | Tompukili | Simbol, Metafora, Hiperbola, Personaikasi |
| 3 | Puteri Nubung | Hiperbola, Sinkof, Simile, Metafora |
| 4 | Baju Ajaib Si Gadis Kerdil | Sinkof, Metafora, Inversi |
| 5 | Sungkabai dan Indaman | Inversi, Simile, Ironi |
| 6 | Kisah Isteri Yang Setia | Metafora, Hiperbola |
| 7 | Mondou Totomou dan Sumandak | Sinkof, Simile |
| 8 | Moloheng Yang Malang | Sinkof |
| 9 | Kayu Tundungan | Metafora, Sinkof |
| 10 | Keturunan Atuk Tongguan | Perlambangan, |
| 11 | Bungkau Si Kura-kura | Hiperbola |
| 12 | Celepa Emas | Hiperbola |
| 13 | Kisah Kusoi dengan Kogiu | Perlambangan, Sinkof, Metafora, Hiperbola |
| 14 | Kisah Tujuh Orang Gadis | Hiperbola,Perlambangan |
| 15 | Tanakanak dan Sumpit Sakti | Perlambangan |
| 16 | Orang Utan | Metafora, Perlambangan |
| 17 | Kisah Pemuda Yang Bertuah | Perlambangan, Hiperbola |
| 18 | Kisah Si Anak | Hiperbola, Perlambangan |
| 19 | Kisah Awang Si Penangkap Burung | Sinkof, Paradoks |

Jadual 1.5: Senarai Tajuk Cerita dan Gaya Bahasa

Di samping itu, Kajian ini menggunakan teori sastera yang dibina oleh sarjana tempatan iaitu, Teori Pengkaedahan Melayu yang diasaskan oleh Hashim Awang (1989) yang merupakan tokoh perkembangan dan kemajuan kesusasteraan di Malaysia. Pengasas teori ini menggunakan pendekatan Melayu dan islam.

Penggunaan Teori Pengkaedahan Melayu kerana teori barat tidak bersesuaian untuk diterapkan pada kajian ini. Hal ini dikatakan kerana, penggunaan teori ini mempunyai hubungkait dengan gaya hidup masyarakat Melayu. Teori ini juga dapat dikaitkan dengan keindahan alam sekitar sebagai sebahagian daripada kehidupan yang berhubung rapat dengan manusia. Alam merupakan faktor utama dalam kehidupan manusia bagi memberikan sumber pekerjaan, pembelajaran serta kebajikan. Unsur ini dapat dikaitkan untuk memberi kebaikan kepada masyarakat.



1.6 Kepentingan Kajian

Berdasarkan penelitian dengan lebih mendalam terhadap pemikiran pengarang melalui teks *Magis Sang Manuk Bura* karya Angela Engkuan yang telah menyampaikan kepada pembaca mengenai kehidupan budaya masyarakat Sabah. Kepentingan kajian ini bertujuan untuk mengemukakan gaya bahasa yang terkandung di dalam cerita rakyat yang dapat dijadikan suatu yang kebaikan kepada masyarakat. Gaya bahasa yang ditonjolkan dapat memberi kebaikan kepada teks dari segi bahasa dan mewujudkan keindahan di dalam teks.

Berdasarkan kajian yang dijalankan melalui cerita rakyat yang telah memberi kesan yang sangat besar terhadap seorang pengkaji berdasarkan gaya bahasa yang cuba diketengahkan. Hal ini dikatakan demikian kerana, gaya bahasa yang disediakan telah mempengaruhi keindahan bahasa yang digunakan oleh pengarang. Kepentingan kajian ini dapat melihat pada watak dan alam sekitar untuk memainkan peranan bagi menggerakkan atau menghidupkan sesebuah cerita dalam sesebuah karya. Penggunaan karya *Magis Sang Manuk Bura* karya Angela Engkuan ini dapat memberikan kesan keindahan dan dapat menunjukkan kepada pengarang telah berjaya menambahkan ilmu baru kepada pembaca.

Selain itu, penggunaan teori dalam kajian ini merupakan salah satu kepentingan kajian. Teori pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hasim Awang (1987) akan diaplikasikan dalam kajian penyelidikan ini untuk menganalisis dapatan kajian yang diperoleh dalam memfokuskan gaya bahasa dalam konteks cerita rakyat. Penggunaan teori ini penting untuk memastikan dapatan kajian disusun dengan kemas dan tepat

dengan kajian yang dijalankan. Penggunaan teori ini adalah bertujuan untuk memberi fokus kepada keindahan gaya bahasa yang digunakan dalam teks *Magis Sang Manuk Bura* karya *Angela Engkuan*. Dalam menjalankan sesuatu kajian semestinya penggunaan teori sangatlah penting untuk memastikan dapatan kajian tersusun dan tepat dalam menjalankan kajian.

Harapan dalam menjalankan kepentingan kajian ini dapat membantu para pengkaji dalam menjayakan penyelidikan mereka secara lebih mendalam dan lebih jelas dalam memberi peluang serta kebaikan kepada mereka untuk memperkembangkan tentang penggunaan teori Pengkaedahan Melayu dapat membincangkan berkaitan dengan konteks kesusasteraan.

1.7 Definisi Operasional

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh pengkaji yang bertajuk *Gaya Bahasa Dalam Cerita Rakyat Sabah: Penelitian Terhadap Teks Magis Sang Manuk Bura*. Berdasarkan kajian yang dilakukan ini terdapat beberapa kata kunci yang penting dan perlu ditekankan di dalam kajian ini seperti cerita rakyat, gaya bahasa dan juga teori Pengkaedahan Melayu.

1.7.1 Cerita Rakyat

Menurut Mohamad Taib Osman (1976) menyatakan cerita rakyat adalah sastera lisan. Pertuturan yang mengandungi segala bentuk bahasa yang memiliki unsur nilai keindahan dan dapat dijadikan tauladan. Selain itu, cerita rakyat ini disampaikan melalui lisan daripada individu-individu yang lain (Harun Mat Piah, et al 2006). Menurut Normaliza Abdul Rahim (2014) pula berpendapat bahawa perkembangan cerita rakyat ini melalui dari generasi terdahulu sehingga diminati pada generasi sekarang.

Oleh hal yang demikian, cerita rakyat dapat disimpulkan bahwa cerita rakyat diperkenalkan dan melalui lisan yang disampaikan melalui generasi ke generasi baharu. Hal ini demikian kerana, cerita rakyat yang disampaikan melalui mulut ke mulut menjadikan rakyat tidak ketahui siapakah pengarang asalnya dan berkembang pesat sehingga hari ini. Cerita rakyat ini memberi kebaikan dapat menjadikan tauladan, nasihat, pengajaran dan didikan kepada kehidupan agar hidup kekal harmoni dan aman sejahtera.

1.7.2 Gaya Bahasa

Menurut Siti Hajar Abdul Aziz (2011), penyampaian cerita yang dihasilkan oleh pengarang menggunakan gaya bahasa yang merujuk kepada kata frasa dan ayat. Penggunaan bahasa yang baik dan kreatif menjadikan pengkarya mewujudkan idea pemikiran untuk menghasilkan sebuah teks yang indah sebagai unsur keindahan atau gaya bahasa (Fadzri Aris, et al 2013). Gaya bahasa dapat ditafsirkan sebagai keindahan dalam penghasilan buku. Hal ini demikian kerana, gaya bahasadapat mencetus idea pengkarya dalam menghasilkan buku yang lebih menarik melalui unsur keindahan yang dapat memberi kesan keindahan melalui kata frasa dan ayat

1.7.3 Teori Pengkaedahan Melayu

Teori pengkaedahan Melayu diperkenalkan oleh Hashim Awang (1989) pengkaedahan keagamaan. Teori Pengkaedahan Melayu menggunakan pendekatan seni. Kajian banyak unsur keindahan di dalam novel *Magis Sang Manuk Bura* yang dapat menunjukkan keindahan bahasa di dalam teks yang dikaryakan. Novel *Magis Sang Manuk Bura* sangat menarik untuk dibaca kerana mengandungi pelbagai cerita dan kehidupan yang dapat diberikan pengajaran kepada pembaca.



1.8 Organisasi Kajian

Organisasi kajian adalah berkaitan terhadap kajian yang dihasilkan berdasarkan setiap bab. Kajian ini menyediakan 5 bab sahaja. Setiap bab mempunyai kandungan yang berbeza:

Pada bab satu merupakan bahagian pengenalan terhadap kajian. Bab ini mempunyai aspek-aspek seperti pengenalan, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi operasional, organisasi kajian dan penutup. Bahagian ini merupakan pendahuluan kajian.

Bab dua ini berkaitan sorotan kajian lepas pengkaji akan melibatkan diri dalam proses membaca dan meneliti kajian lepas yang telah dilaksanakan oleh para sarjana lepas. Proses ini bertujuan untuk melihat sama ada kajian dalam konteks gaya bahasa pernah dijalankan oleh para sarjana yang lepas. Selain itu, pengkaji juga turut menggunakan kajian lepas sebagai sumber rujukan dalam mengkaji gaya bahasa. Pengkaji memilih tajuk kajian lepas dengan menggunakan tajuk yang bersesuaian dengan tajuk yang dikaji iaitu, gaya bahasa dalam cerita rakyat dan teori pengkaedahan Melayu dalam karya sastera.

Bab tiga ini merujuk kepada metodologi kajian. Bahagian ini pengkaji menetapkan tentang kaedah yang pengkaji perlu lakukan dalam menjayakan kajian ini. Pengkaji menjelaskan kaedah yang digunakan dengan menganalisis teks dan penggunaan teori dalam kajian. Metodologi kajian sangat penting dalam kajian ini. Hal ini kerana adanya metodologi kajian membuatkan sebuah kajian yang dilaksanakan menjadi lebih kemas dan teratur.

Bab empat ini berkaitan dapatan kajian. Analisis kajian dengan lebih teliti dalam buku *Magis Sang Manuk Bura*. Pengkaji perlu mewujudkan gaya bahasa dalam cerita rakyat dengan mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang. Gaya bahasa atau unsur keindahan merupakan penyampaian sesuatu maksud berdasarkan penggunaan bahasa.

Bab lima ini merupakan kesimpulan iaitu, bahagian akhir untuk kajian yang dilaksanakan. Pengkaji perlu merumuskan secara keseluruhan melalui hasil dapatan kajian berdasarkan objektif kajian. Rumusan dan cadangan mestilah disertakan pada bahagian bab ini.



Kesimpulannya, kajian ini menyentuh tentang gaya bahasa yang memberi fokus terhadap cerita rakyat sahaja. Melalui gaya bahasa yang terdapat dalam cerita rakyat dapat memberi kesan keindahan dalam penghasilan sebuah teks. Hal ini demikian kerana, gaya bahasa dapat mewujudkan tentang suatu maksud seperti penggunaan kata yang puitis dapat menggambarkan tentang penggunaan bahasa. Selain itu, bahagian ini membincangkan tentang aspek berlandaskan satu perbincangan untuk bab-bab seterusnya. Oleh itu, pengkaji berharap dapat menjalankan kajian bertulis ini sebaik mungkin untuk mencapai objektif kajian dalam memastikan kajian ini menjadi lengkap dan kemas.



BAB2

SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.1 Pengenalan

Pada bahagian bab dua ini, pengkaji perlu menjalankan satu penelitian tentang kajian dahulu yang telah dijalankan oleh pengkaji yang lepas. Pengkaji perlu menghasilkan kajian ini melalui proses penelitian terhadap kajian gaya bahasa yang pernah dilakukan oleh pengkaji yang lepas. Pengkaji akan membahagikan kepada tiga pecahan. Bahagian pertama hanyamemberi fokus kepada tajuk utama iaitu cerita rakyat. Yang kedua berkaitan gaya bahasa. Akhir sekali adalah teori yang dipilih. Pada bab ini menerangkan tentang kajian lepas dengan lebih terperinci.

2.2 Pengkajian Cerita Rakyat dalam Malaysia

Suatu Penyelidikan Tentang Jati Diri Dalam Masyarakat Melayu Berdasarkan Gambaran Budaya Dalam Penelitian Cerita Rakyat Melayu oleh Mohd Fahmi Ismail et al (2015). Kajian ini adalah memfokuskan cerita rakyat. Menurut pengkaji bahawa cerita rakyat membawa makna kepada sastera rakyat yang diceritakan dari seorang ke seorang dari zaman berzaman. Masalah kajian ini adalah arus teknologi yang mengakibatkan keruntuhan ketamadunan masyarakat. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji dengan mengenalpasti dan membincangkan tentang sifat keperibadian yang terdapat pada cerita rakyat yang menjadi pilihan pengkaji. Kajian ini mengaplikasikan teori Ekologi Budaya dalam untuk mendapatkan kajian yang mantap. Pengkaji menggunakan beberapa buah cerita rakyat untuk mengaplikasikan kaedah kualitatif melalui buku yang dihasilkan oleh Aripin Said dan Othman Puteh untuk menjelaskan tentang jati diri. Pengkaji mengemukakan bahawa di dalam kajian ini mempunyai semangat jati diri yang unggul dan dapat dikongsi bersama masyarakat pada masa kini.

Analisis Himpunan Seuntai 366 Cerita Rakyat di Malaysia Dengan Meneliti Nilai-Nilai Murni oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2015). Penulisan ini memberi fokus kepada penelitian aspek nilai-nilai murni dalam sastera rakyat berdasarkan buku seuntai himpunan 366 cerita rakyat Malaysia. Tujuan Kajian ini adalah untuk analisis dan mendefinisikan nilai murni dalam buku yang dipilih oleh pengkaji dengan lebih mendalam. Mengkaji menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan kajian yang berkualiti. Dalam kajian ini meneliti dan menghuraikan empat konsep iaitu minda, rohani, emosi dan jasmani. Pengkaji mendapati kajian ini dijalankan dalam sastera rakyat Melayu mengandungi nilai murni yang penuh dengan pengajaran.

Mengangkat sastera rakyat masyarakat Melayu dengan penggunaan multimedia oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2017). Pengkaji membuktikan kajian yang dilakukan dapat menjadikan bahan bacaan dan rujukan untuk masyarakat berbangsa Melayu. Kajian ini membincangkan tentang seni budaya berfikir dan daya pemikiran masyarakat Melayu dalam memutuskan sesuatu masalah. Objektif kajian adalah menganalisis pemikiran tamadun dan akal budaya dalam masyarakat berbangsa Melayu yang diperoleh dalam contoh-contoh sastera rakyat bangsa Melayu serta memikirkan tentang penggunaan perisian bahan teknologi berkaitan multimedia dalam mengangkat sastera rakyat Melayu secara am. Metodologi kajian yang dijalankan melalui kaedah kualitatif dengan mengumpul data serta analisis data secara berfakta. Pengkaji menyatakan sastera rakyat boleh membina budaya pemikiran masyarakat Melayu dalam memutuskan masalah yang berlaku dan teknologi dalam penyampaian mesej yang dapat memberi kesan dalam pembentukan keperibadian bangsa Melayu yang sempurna.

Kalangan Pelajar Korea dengan Menganalisis Wacana Cerita Rakyat Melayu oleh Normaliza Abd Rahim, et al (2017). Pengkaji memberi tumpuan kepada gambaran pelajar terhadap sastera rakyat bangsa Melayu. Pengkaji menerangkan tentang tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti serta perbincangan pendapat pelajar kepada sastera rakyat. Pengkaji telah melakukan kajian ini dengan memberi sampel kajian kepada 20 subjek kepada kaum adam dan hawa di *Hong Kong University of foreign studies, Korea*. Menurut Brown & Yule (1983) menyatakan bahawa komunikasi mereka yang dirakam dan dianalisis dengan menggunakan analisis wacana. Keputusan kajian yang didapati oleh pengkaji bahawa pelajar telah membuat pendapat dan keterangan melalui percakapan tentang sastera rakyat tersebut. Pengkaji menyatakan pelajar Korea amat mengemarkan dengan sastera rakyat kerana sebuah cerita adalah sangat menarik

dan senang difahami oleh pembaca. Harapan pengkaji adalah pada masa akan datang dapat membezakan di antara sastera rakyat Melayu dengan sastera rakyat Korea.

Analisis citra masyarakat dengan penelitian cerita rakyat kaum Bajau Semporna Sabah oleh Abdul Halim Bandan (1999). Pengkaji menyelidik kajian ini dengan merujuk kaum Bajau bertujuan untuk mengkaji citra masyarakat. Kajian ini adalah untuk menganalisis cerita rakyat kaum bajau dengan menggunakan pendekatan sosiologi. Pengkaji merujuk sebanyak 15 buah cerita yang mempunyai unsur sosial, unsur politik dan unsur ekonomi dalam masyarakat kaum Bajau. Pengkaji menggunakan kaedah penelitian kaedah perpustakaan dengan menggunakan teori swinge wood. Hasil dapatan yang peroleh daripada kajian, pengkaji memperoleh bahawa masyarakat sabah yang mempunyai ciri-ciri masyarakat yang sama dengan masyarakat berbangsa Melayu.

Cerita rakyat kanak-kanak dengan penelitian Kemajuan Warisan Budaya Masyarakat Berbangsa Melayu pantai timur oleh Siti Zuhaidah Zakeria dan Nik Rafidah Nik Muhammad Affandi (2016). Pengkaji menerangkan terhadap sastera rakyat adalah satu Jenderal sastera yang memberi peranan sebagai ekspresi budaya masyarakat. Permasalahan kajian yang disampaikan oleh pengkaji adalah berlawanan sesetengah pihak yang berlainan pandangan tentang sastera ini dan ada juga sesetengah masyarakat yang menganggap sastera rakyat hanya membawa kepada khalayak dangam baran semata-mata. Objektif kajian yang disampaikan oleh pengkaji adalah mengenalpasti kemajuan ciri budaya yang masih ada digolongan masyarakat bangsa Melayu di kawasan pantai timur dan analisis ciri budaya yang masih ada dalam golongan masyarakat bangsa Melayu pantai timur terhadap sastera rakyat. Metodologi kajian yang dikaji oleh pengkaji dengan menggunakan kaedah menganalisis teks. Pengkaji menganalisis naskah himpunan 366 cerita rakyat Malaysia pada cetakan 2011. Hasil penelitian dan perbahasan

yang dilakukan oleh pengkaji memberikan tentang unsur-unsur budaya tradisional yang dominan. Pengkaji juga mengemukakan unsur-unsur budaya pada zaman dahulu adalah unsur yang terdapat di dalam unsur pergabungan budaya Melayu sehingga kini dan mempunyai aspek budaya yang telah di kesan seperti kepercayaan, perubatan tradisional dan seni budaya ekspresif. Pengkaji menyimpulkan ajaran moral dan unsur intelektual dan kreativiti orang Melayu yang perlu dipelajari oleh generasi sehingga kini.

Di samping itu, kajian lepas sastera rakyat negeri Sabah sebagai media pendidikan melalui asas literasi berkaitan penyelidikan keperluan oleh Muhammad Nazrin Abdul Rahman et al (2017). Penulisan yang dihasilkan ini memberi fokus terhadap cerita rakyat orang Sabah yang disampaikan oleh penglipur lara dari seorang ke orang lain dan disampaikan berzaman. Kajian yang dihasilkan berkaitan isu pelajar yang tidak dapat menguasai keupayaan dalam literasi dan numerasi yang telah wujud pada awal pembubaran sistem pembelajaran. Tujuan kajian ini untuk mendapatkan pengesahan pakar terhadap kesesuaian sastera rakyat sebagai model pembelajaran. Tujuan kajian yang dihasilkan ini adalah untuk mengenalpasti sastera rakyat yang sesuai untuk kanak-kanak bagi menjalankan aktiviti pembelajaran asas literasi. Kajian yang dihasilkan dengan menggunakan pendekatan fuzzy delphi. Proses menganalisis data dan analisis pendekatan fuzzy delphi melibatkan pendapat dan pandangan setiap pakar. Pengkaji menggunakan kaedah pengumpulan dan menganalisis data nilai threshold. Pengkaji menyimpulkan bahawa sastera rakyat masyarakat asal orang sabah dapat memenuhi aspirasi pendekatan pembelajaran asas literasi untuk membentuk nilai serta amalan di dalam tradisi masyarakat orang sabah.

Cerita Rakyat Melayu melalui Cerminan Moral Positif oleh Mohd Firdaus Che Yaacob et al. (2017). Sastera rakyat adalah cerita yang disampaikan melalui percakapan yang

memajukan sehingga hari ini. Pernyataan masalah yang dikemukakan oleh pengkaji adalah kesan cerita rakyat hanyalah untuk dewasa dan bukan untuk kanak-kanak. Tujuan kajian adalah mengenal pasti dan analisis gambaran nilai moral yang baik terhadap masyarakat bangsa Melayu yang terdapat di dalam sastera rakyat Melayu. Pengkaji mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu. Penulisan yang dijalankan dengan melakukan untuk mengemukakan nilai-nilai murni dalam karya. Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengumpul data serta memilih buku Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia. Dapatan kajian diperoleh oleh pengkaji adalah mempunyai banyak nilai pengajaran yang terdapat di dalam masyarakat. Di dalam kajian yang dikaji oleh pengkaji mempunyai nilai kejujuran dari segi amanah, ikhlas dan sebagainya.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) merupakan pengkaji kajian lepas yang berjudul Nilai-nilai Murni Dalam Cerita Rakyat di Kota Bharu, Kelantan. Pengkaji menjalankan penyelidikan berkaitan peneliti dan mempertimbangkan terhadap nilai-nilai murni yang terdapat di dalam sastera rakyat yang telah dipilih. Menurut pandangan Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) mengatakan nilai murni adalah satu perbuatan mulia yang diamalkan oleh kelompok masyarakat. Penulisan ini memiliki objekti kajian yang utama untuk mengenal pasti serta analisis cerita legenda dengan penelitian nilai-nilai murni. Kajian ini fokus kepada pemikiran nilai murni dan sebagainya. Batasan kajian yang dilakukan oleh pengkaji, pengkaji perlu memilih kawasan di kota Bharu sebanyak lima buah sastera rakyat. Penulisan yang dilakukan melalui temubual dan memdapatkan maklumat daripada perpustakaan serta mengaplikasikan teori takmilah melalui peraturan ketujuh iaitu hubungan audien dengan karya. Nilai kebaikan yang diwujudkan oleh pengkaji iaitu belas-kasihan, rendah diri, pemaaf, pembersih dan bertanggungjawab.

Pengadaptasian Teks Dan Persembahan Animasi Cerita Bangsawan Puteri Saadong oleh Nurul Hanis binti Muhammad Nasir et al (2016). Pengkaji membincangkan kerja pembangunan animasi dua dimensi untuk persembahan. Kajian ini berkaitan pengolahan kisah lagenda Puteri Saadong yang diambil menerusi teks sastera tradisional yang bertajuk hikayat seri Kelantan dan kefahaman terhadap seni persembahan tradisional bangsawan. Masih yang dijalankan oleh pengkaji yang dinamakan sebagai bangsawan Puteri Saadong. Kajian ini memberi sebab keperibadian seperti usia, taraf pendidikan dan hobi yang mempengaruhi kehidupan setiap individu.

Kajian lepas oleh Muhammad Nur al-hakim Mohammad Hanafiah et al (2022) telah menghasilkan kajian yang bertajuk Perspektif Pelajar Universiti Malaysia Kelantan Terhadap Nilai Islam Yang Terkandung Dalam Cerita Rakyat Di Tumpat, Kelantan melalui Aplikasi Quizuzz. Pengkaji mempunyai objektif iaitu mengenalpasti dan analisis pendapat daripada pelajar UMK terhadap nilai keagamaan yang terdapat di dalam sastera rakyat yang dikaji. Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif yang melalui rujukan sumber kepustakaan, temubual dan ke kaedah lapangan untuk memperoleh beberapa data berkaitan tajuk kajian yang dilakukan. Pengkaji memilih seramai 38 orang pelajar untuk menjalani soal selidik berdasarkan aplikasi yang dibuat. Pengkaji menganalisis maklumat berkaitan dengan sastera rakyat hanya memberi fokus di daerah Tumpat. Pengkaji menyimpulkan bahawa dengan adanya aplikasi quizizz dapat menyumbang dalam memartabatkan sastera rakyat melalui peredaran zaman moden.

Pengkaji Muhammad Irfan Waquiuddin Hasanudin telah menghasilkan kajian yang berjudul sastera rakyat bawang putih dan bawang merah versi Malaysia dan Indonesia. Pengkaji menayakan kajian beliau (2022). Cerita rakyat yang dipilih oleh pengkaji telah menggambarkan budaya masyarakat. Pengkaji mengemukakan dua objektif iaitu

menganalisis dan perbandingan latar budaya yang terkandung di dalam sastra rakyat yang dipilih oleh pengkaji. Pengkaji mendapati tiga unsur kebudayaan yang terkandung di dalam kajian yang dilakukan iaitu bahasa, agama dan kepercayaan. Kesimpulan yang dapat disimpulkan oleh pengkaji adalah aspek kebudayaan terkandung di dalam cerita rakyat melalui versi Malaysia dan Indonesia.

Pengkaji yang telah menjayakan kajian yang berjudul Akal Budi Dalam Sastra Rakyat Di Daerah Tumpat, Kelantan Dengan Menyelidik Terhadap Pendekatan Alamiah oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2022). Pengkaji mendefinisikan daya pemikiran adalah perkara yang diperoleh dalam karya sastra seperti sastra rakyat yang memiliki tujuan dalam mendidik golongan muda. Tujuan pengkaji dalam mengkaji kajian ini untuk menganalisis dan mengenalpasti daya pemikiran yang terkandung di dalam sastra rakyat di kawasan yang dipilih oleh pengkaji. Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif dengan merujuk perpustakaan dan kajian lepas. Pengkaji mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu. Keseluruhan dapatan kajian ini didapati bahawa mempunyai akal budi yang dapat memberi pengetahuan kepada masyarakat Melayu.

Kajian mengenai Nilai Kebaikan Melalui Keistimewaan Dialek Kelantan Dalam Sastra Rakyat Melayu di Kelantan oleh Mohd Firdaus che Yaacob et al (2022). Penulisan yang dihasilkan berkaitan penyelidikan terhadap sastra rakyat bangsa Melayu khususnya dikawasan Kelantan. Kajian ini dihasilkan melalui kebanyakan masyarakat kita kini berpandangan bahawa sastra rakyat hanya bersifat palsu semata-mata dan tidak mempunyai nilai kebaikan. Pengkaji menganalisis dan mengenal pasti nilai murni terhadap keistimewaan dialek Kelantan yang diperolehi dalam cerita rakyat Melayu di daerah Bachok, Kelantan. Kajian ini didapati daripada daerah Kelantan sebagai maklumat kajian yang menggunakan kaedah kualitatif sebagai petunjuk untuk mendapatkan penulisan

yang lebih teliti dan kemas. Kajian ini membuktikan penemuan melalui penyelidikan yang mendalam terhadap keistimewaan dialek Kelantan yang terkandung dalam sastera rakyat di kawasan yang dipilih untuk mempunyai amalan nilai murni

Sastera Rakyat Sebagai Lambang Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Kajian ini memiliki kekayaan dalam kebudayaan yang telah lama dilakukan oleh masyarakat Melayu pada masa dulu dan kekal sehingga hari. Pengkaji menyatakan bangsa Melayu sekarang menganggap bahawa sastera rakyat sebagai perkara yang membuang masa dan membosankan. Tujuan kajian ini dihasilkan adalah mengenalpasti dan analisis nilai kebudayaan bangsa Melayu yang terdapat di dalam sastera rakyat melalui kawasan yang dipilih. Pengkaji mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu. Pendekatan kualitatif dipilih sebagai kerangka rujukan dan penyempurnaan kajian ini. Pengkaji menyimpulkan bahawa keseluruhan daripada penulisan ini dapat menonjolkan bahawa sastera rakyat di daerah Tumpat Kelantan mempunyai nilai kebudayaan yang membentuk keperibadian bangsa Melayu.

Faktor spiritual dalam cerita lisan Melayu oleh Siti Aishah binti Jusoh et al (2021). Golongan Melayu adalah masyarakat yang memiliki pelbagai lambang kebudayaan. Cerita lisan Melayu yang mempunyai nilai keindahan sebagai rujukan dan pelajari dalam kehidupan. Kajian ini bermatlamat untuk mengenalpasti dan analisis upacara sumpahan yang terdapat di dalam cerita. Kajian ini mengaplikasikan teori budaya dalam kajian ini. Batasan kajian adalah menggunakan 12 maklumat yang di tulis dengan tulisan bahasa Melayu yang dipilih secara rawak berdasarkan buku koleksi 366 cerita rakyat di Malaysia. Dapatan kajian yang telah membuktikan setengah sastera lisan Melayu mempunyai faktor spiritual iaitu sumpahan yang menjadikan ia lebih menarik dengan mempunyai pemikiran

yang kreatif dalam menyampaikan dan menjadi medium pembelajaran kepada golongan tempatan.

Persembahan teater Orang Melayu di Sarawak Melalui Dokumentasi Tradisi Lisan oleh Muhammad Qawiem Hamizan et al (2022). Kajian ini memberi fokus kepada sastera rakyat yang melestarikan tradisi lisan. Inovasi penghasilan karya tempatan dengan mengisahkan tentang cerita-cerita tempatan yang diperolehkan dalam bentuk animasi. Penulisan ini bertujuan untuk mengenalpasti sastera rakyat Melayu Sarawak yang dipertingkatkan sebagai satu karya persembahan. Kaedah perpustakaan dan temu bual penduduk masyarakat Melayu Sarawak untuk mengumpulkan kajian ini. Pengkaji memilih cerita ini bersesuaian dengan bentuk pementasan bagi teater kanak-kanak.

Kajian lepas Gambaran Nilai Keagamaan dalam Teks 366 Cerita Rakyat Malaysia Penelitian Pendekatan Takmilah oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Kajian ini memberi fokus tentang nilai keagamaan yang terdapat di dalam teks yang dipilih oleh pengkaji. Kajian yang dihasilkan memberi pengajaran dan tauladan kepada rakyat. Tujuan kajian ini dilakukan adalah mengenalpasti dan analisis nilai-nilai Islam berdasarkan buku Koleksi 366 cerita rakyat Melayu Malaysia. Pengkaji menggunakan cara kualitatif dengan mengaplikasikan teori Takmilah. Penulisan ini menonjolkan bahawa nilai keagamaan yang diperoleh di dalam sastera rakyat dan dapat meningkatkan untuk menjadi medium pembelajaran yang memberi kesan kepada orang ramai.

Kajian yang dikaji oleh Nor Sahara Mesman (2022) yang berjudul manifestasi penghasilan pantun berlagu dalam sastera rakyat Pahang. Penyelidikan ini dilakukan untuk perbincangan tentang pantun yang dicipta untuk menyampaikan secara berlagu

berdasarkan cerita rakyat negeri yang dipilih. Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif secara bersemuka untuk mendapatkan maklumat yang sempurna. Tema yang dipilih oleh pengkaji menggambarkan aspek keagamaan dan mempunyai nasihat yang disampaikan. Penyelidik mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu dengan menggunakan pendekatan alamiah dan pendekatan dakwah. Hal ini demikian kerana, kajian ini dilakukan mendapati masyarakat Melayu berpegang teguh dengan ajaran Islam. Pengkaji menyimpulkan bahawa kajian yang dilakukan ini dapat mencerminkan pemikiran dan kebijaksanaan masyarakat Melayu.

Permasalahan dalam Sastera Rakyat dan Kesan terhadap Kanak-kanak adalah kajian lepas yang dijayakan oleh Siti Zuhaidah Zakeria dan Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2014). Pengkaji menjalankan penyelidikan ini dengan merujuk sastera rakyat yang terdapat diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti dan analisis konflik yang bergelagor dalam kalangan masyarakat Melayu pada masa dulu. Penyelidik menggunakan pendekatan kualitatif dengan menganalisis maklumat. Penyelidik mengaplikasikan pendekatan psikologi perkembangan kanak-kanak. Kajian ini menggunakan Hasil dapatan kajian yang dilakukan oleh pengkaji seperti ketinggian akal budi masyarakat Melayu yang mendapat pengajaran daripada peristiwa sejarah.

Kajian lepas oleh Syarah Aqilah Binti Zulfakar (2023) menjayakan kajian yang berjudul Pengaplikasian Teori Takmilah Melalui Teks Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia melalui penelitian Polemik. Pengkaji melihatkan penyelidikan ini untuk melihat jati diri masyarakat untuk membentuk jati diri yang moral. Objektif kajian bertujuan untuk mengenal pasti dan perbincangan tentang polemic yang terkandung dalam cerita yang dipilih oleh pengkaji. Pengkaji menggunakan 36 buah cerita yang terkandung dalam buku

yang pilih oleh pengkaji. Pengkaji mengaplikasikan pendekatan kualitatif dengan merujuk teks dan perpustakaan. penyelidik mengaplikasikan teori Takmilah untuk menimbulkan kesan keinsafan dalam diri masyarakat agar dapat meninggalkan kesan yang positif kepada masyarakat.

Seni cetakan kontemporari melalui adaptasi Kesusasteraan Cerita Rakyat Jenaka oleh Hazrul Mazran Rusli (2018). Pengkaji mencetakan blok kayu dengan mengadaptasikan bahan sastera rakyat Melayu. Pengkaji menggunakan beberapa buah cerita jenaka yang dipilih sebagai batasan kajian. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji unsure didaktif atau bersifat pengajaran yang terkandung di dalam teks yang dipilih oleh penyelidik. Tujuan kajian ini untuk menggunakan bahan sastera yang berdasarkan cerita jenaka Melayu serta mengolah, mentafsir dan menterjemah unsur-unsur didaktif yang terkandung di dalam subjek kajian. penyelidik menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan proses kepustakaan analisis dokumen, pemerhatian, temu bual dan penyelidikan studio. Hasil yang diperoleh kajian ini bahawa proses pengolahan bahan sastera dalam bentuk karya seni visual berhasil diperkayakan melalui kedua-dua bentuk kesenian.

Kajian yang berjudul pembelajaran Literasi Awal Kanak-kanak melalui Pedagogi Responsif Budaya Menerusi Cerita Rakyat oleh Mohd Nazri Abdul Rahman, et al (2021). Objektif kajian ini adalah untuk meneroka pendagogi dalam sastera rakyat untuk pendidikanawalkanak-kanak. Pengkaji menghasilkan kajian ini dengan menggunakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran untuk menunjukkan ilmu pengetahuan, kebolehan dan pembentukan sifat pelajar. Pengkaji menggunakan kaedah pengumpulan data dan kaedah temubual untuk mendapatkan kajian yang mantap. Kajian ini dilakukan keatas kanak-kanak yang berusia 4 hingga 6 tahun di tabika yang terletak di Johor. Hasil

dapatan kajian ini bercadangkan untuk pedagogi responsive tamadun berdasarkan sastera rakyat yang disampaikan oleh pengajar.

Kajian berkaitan cerita rakyat kadazandusun melalui nilai kearifan oleh minah sintian (2019). Penyelidikan ini berkaitan nilai keadilan yang terdapat di dalam sastera rakyat kaum kadazandusun. Nilai keadilan yang memberi maksud dengan perkara yang baik atau buruk benar atau salah sesuai atau tidak. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif dalam kaedah kajian kepustakaan dan analisis buku dan merujuk sebanyak 11 buah sastera rakyat. Penyelidikan ini adalah bertujuan untuk mengkaji dan mengenalpasti nilai kearifan lokal yang diperolehi dalam cerita rakyat kadazan dusun. Dapatan Kajian yang dilakukan mempunyai nilai- nilai kearifan yang menunjukkan kesan kebaikan seperti sentiasa berdoa untuk memohon pertolongan kepada Allah.

Suatu Kajian Teks Cerita Rakyat Berdasarkan Fungsi Makanan dalam Interaksi Sosial Masyarakat Melayu oleh Suhaini Md Noor dan Mohd Faizal Musa. Kajian ini dilakukan untuk melihat kepelbagaian makanan tradisional masyarakat Melayu menerusi makanan, latar belakang masyarakat serta keunikan budaya. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti keunikan budaya kelompok dalam berinteraksi. Kajian ini dilakukan untuk memerhatikan pelbagai jenis makanan yang terkandung di dalam cerita Musang berjanggut. Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif dengan mengaplikasikan pendekatan analisis teks dan interpretasi teks. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti makanan dan peranan makanan dalam masyarakat Melayu. Hasil yang diperolehi daripada kajian ini adalah mempunyai 29 jenis makanan yang terkandung di dalam kajian ini.

Cerita Rakyat Hasil Koleksi Zakaria Hitam Melalui Penelitian Nilai-nilai Kemanusiaan oleh Muhammad Azrul Deraman (2011). Pengkaji menghasilkan kajian ini dengan merujuk

sepuluh cerita kumpulan Zakaria Hitam (1972 - 1981) yang diperoleh di Pahang. Kajian ini bertujuan untuk mengenali tentang penglipur lara dengan lebih mendalam pengkajian menggunakan teori Humanisme untuk menyampaikan mesej kepada masyarakat. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan rujukan kepustakaan.

Kesan kepada Kanak-kanak Dalam Konflik Cerita Rakyat oleh Siti Zuhaidah Zakeria dan Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2014). Pengkaji menjalankan penyelidikan ini dengan merujuk kumpulan sastera rakyat dalam majalah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Kajian ini mengandungi objektif yang mengenalpasti dan analisis masalah yang berlaku di dalam kalangan masyarakat pada zaman dahulu. Hasil dapatan penyelidikan ini menunjukkan daya pemikiran masyarakat Melayu dahulu dapat memberi kesan kepada kanak-kanak agar memberi tauladan.

Buku Kanak-kanak: Analisis Unsur Estetika oleh Kaithiri Arumugam dan Rohaya Md Ali (2019). Kajian ini berkaitan buku kanak-kanak untuk kanak-kanak dan dewasa. Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji unsur keindahan untuk menonjolkan aspek bahasa kepada pembaca. Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenal pasti dan analisis unsur-unsur keindahan dalam buku yang dipilih oleh pengkaji. Pengkaji menggunakan sembilan buah buku dengan menggunakan kaedah analisis kandungan berdasarkan pendekatan estetika.

Kumpulan Cerita Rakyat Hasil Zakaria Hitam melalui Nilai-Nilai Kemanusiaan oleh Muhammad Azrul Deraman (2011). Pengkaji menghasilkan kajian ini dengan merujuk sepuluh buah cerita kumpulan Zakaria Hitam dari tahun 1972 sehingga 1981 yang terdapat di Pahang. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti pak zek tentang pendidikan

utama sehingga beliau mendapat fenomena dalam mengumpul cerita rakyat. Kajian ini bertujuan untuk mengenali tentang penglipur lara dengan lebih mendalam pengkajian menggunakan teori Humanisme untuk menyampaikan mesej kepada masyarakat. Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif dengan merujuk kaedah kajian perpustakaan. Penyelidik juga mengatakan ia merujuk perpustakaan untuk memperoleh maklumat yang lebih tepat.

Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu Sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu Berdasarkan Cerita Rakyat Melayu oleh Mohd Fahmi Ismail et al (2015). Kajian ini memfokuskan cerita rakyat Melayu untuk menunjukkan kepentingan kepada masyarakat agar mewujudkan nilai jati diri kepada kalangan masyarakat. Kajian ini bertujuan mengenal pasti dan perbincangan nilai keperibadian yang terdapat di dalam di dalam sastera rakyat dengan mengaplikasikan teori ekologi budaya. Metodologi penyelidikan yang dihasilkan oleh pengkaji adalah menggunakan pendekatan kualitatif dengan proses mengumpul maklumat dan analisis maklumat. Dapatan penyelidikan yang mempunyai nilai jati diri yang dapat memberi pengajaran kepada masyarakat.

Legenda Bukit Bagahak penelitian Nilai-nilai Moral melalui Pendekatan Moral oleh Azimah Abdul Aziz (2023). Pengkaji mengkaji tentang legenda yang berhubung kait dengan cerita rakyat. Penulisan ini mempunyai objektif adalah menganalisis nilai-nilai moral yang terdapat di dalam legenda yang di pilih dan membincangkan nilai kebaikan yang dapat dikemukakan dalam watak yang terdapat di dalam teks legenda dengan menggunakan pendekatan moral. Kajian ini memperlihatkan kepada negeri Sabah yang mempunyai sastera rakyat yang berbeza kaum, suku dan etnik. Kajian ini dijalankan untuk menunjukkan tentang nilai kebaikan yang terdapat di dalam sastera rakyat legenda bukit Bagahak. Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif dengan temubual, kepustakaan

dan teori. Dapatan Kajian yang diperoleh adalah dapat melihat daripada sifat dan tingkah laku dalam kehidupan mereka yang dapat memberi tauladan kepada pendengar serta pembaca. Hasil dapatan kajian sastera rakyat ini bukan sahaja sebagai hiburan malah ia dapat memberi pendidikan kepada masyarakat.

Cerita Jenaka Melayu Melalui Ikon Kepimpinan Dalam Teori Pengurusan Henry Fayol oleh Nurilisha Mohammad Ali (2021). Kajian ini mengkaji tentang cerita rakyat yang mempunyai kisah tentang masyarakat. Cerita jenaka ini merupakan cerita yang memperihalkan tentang kelucuan dan dapat menarik minat dalam membaca dan mendengar kisah yang disampaikan. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kepemimpinan dalam cerita jenaka dan analisis relevance cerita jenaka pada zaman kini. Penyelidik menggunakan rekabentuk kualitatif untuk menemukan ikon kepemimpinan di dalam watak yang diceritakan pada watak utama mahupun watak sampingan. Hasil dapatan yang diperoleh daripada kajian ini membuktikan watak utama mahupun watak sampingan memberi kesan kepada teori pengurusan Henry Fayol dalam mendidik dan menyampaikan mesej kebaikan.

Pemeliharaan sastera Rakyat dalam pendigitalan Sastera oleh Muhammad Zakin Haziq Mohamad Zamberi (2022). Kajian ini memberi fokus terhadap cerita rakyat yang menggunakan teknologi digital. Pengkaji membincangkan mengenai releven yang berhubung kait dengan sastera dan media digital. Objektif kajian adalah mengenal pasti sastera rakyat yang melalui proses pendigitalan pada watak dan perwatakan serta menjelaskan pentingnya digital sastera kepada masyarakat. Pengkaji menggunakan kaedah gabungan iaitu melalui kaedah kualitatif dan kuantitatif. Pengkaji menyelidik seramai 40 orang dalam menjayakan kajian ini tentang watak yang digunakan dalam cerita rakyat yang dapat menyimpan daripada cerita asal.

Koleksi Cerita Sang Kancil melalui Pembentukan Sosioemosi Kanak-kanak oleh NorAyuni M Aris (2023). Pengkaji mengkaji tentang sosio-emosi yang terdapat di dalam cerita yang dipilih untuk kanak-kanak berfikir dengan lebih matang. Masalah yang dikaitkan adalah sosial kanak-kanak pada pada zaman ini lebih pengaruh dengan sekeliling mereka serta bahan bacaan pada hari ini tidak lagi dibaca pada buku malah lebih kepada berbentuk visual. Tujuan kajian ini dihasilkan untuk mengenalpasti full memori dan mengkaji jenis pembangunan sosial emosi kanak-kanak yang dapat ditonjolkan dalam teks kumpulan cerita yang dipilih. Pengkaji juga turut menganalisis kesan daripada bahan bacaan dalam teks kumpulan cerita yang dipilih agar dapat merangsang emosi kanak-kanak. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dan teori perkembangan sosio emosi bertujuan untuk menjayakan kajiannya yang lebih kemas dan teratur. Hasil keseluruhan yang diperoleh daripada kajian ini adalah dapat membentuk sosioemosi kanak-kanak melalui unsur-unsur yang dapat merangsang emosi dalam tumbesarannya.

Analisis Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Di Gua Musang, Kelantan Dalam Penelitian Nilai Budaya oleh Mohd Fahmi Ismail (2017). Pengkaji menjalankan kajian inidengan bertitik-tolak tentang pengamatan dalam kajian ilmiah tu yang dijelaskan dalam cerita rakyat orang asli di Gua Musang. Pengkaji meneliti tentang cerita rakyat masyarakat orang asli ini kerana untuk mengisi ruang dalam mendokumentasikan cerita rakyat mereka. Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mendokumentasi dan menganalisis nilai-nilai budaya dalam cerita rakyat di daerah yang dipilih oleh penyelidik. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dan kuantitatif dengan merujuk kepustakaan dan kaedah kajian lapangan. Kajian telah merakam ketika beliau berada di kajian lapangan untuk membuktikan bahawa perkara yang dikaji itu lebih tepat dan maklumat yang benar. Pengkaji mengkaji tentang nilai kebudayaan dan kehidupan seharian yang dapat memberi kesan tersirat dan tersurat kepada masyarakat.

Sastera Lisan Dalam Masyarakat Asli Jah Hut Melalui Wadah Pemikiran Dan Konsep Kepercayaan Dalam Sastera Lisan oleh Intan Sazina (2021). Pengkaji mengkaji tentang sastera lisan yang membawa kepada pemikiran dan kepercayaan masyarakat orang asli jah hut. Pengkaji menyatakan tujuan di dalam menghasilkan kajian ini adalah mengenal pasti sastra lisan masyarakat orang asli, menganalisis kepentingan cerita orang asli kawasan yang dipilih dan mengkaji kepentingan sastera lisan kepada generasi baharu. Pengkaji menggunakan teori budaya kerana teori ini berkaitan dengan kemasyarakatan. Hasil yang diperoleh daripada kajian ini didapati bahawa cerita utama yang disampaikan adalah cerita binatang cerita asal usul dan cerita jenaka. Ini merupakan cerita rakyat yang dijadikan sebagai hiburan dan pembelajaran kepada masyarakat. Hasil dapatan kajian ini mencadangkan agar lebih banyak Kajian yang berkaitan dengan cerita lisan masyarakat orang asli. Ini merupakan warisan dari nenek moyang dahulu yang perlu kita pertahankan sehingga hari ini.

Cerita Asal usul Dengan Kepercayaan Kampung Gajah Melalui Penelitian Naratif Lisan oleh Nur Erieyana Hassan (2022). Kajian ini mengkaji kawasan perkampungan lama yang berkaitan dengan asal usul Kampung di negeri Perak. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti dan versi cerita asal usul dalam masyarakat kampung gajah. Analisis kepercayaan penduduk tentang cerita asal-usul tempat tersebut dan huraian berkaitan kesan cerita asal usul kepada penduduk. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual bersama orang kampung untuk mendapatkan kerajaan yang tepat dikawasan lapangan. Pengkaji menggunakan teori sastera budaya untuk menghuraikan impak cerita asal usul yang terdapat di dalam daerah kecil tersebut. Hasil yang diperoleh daripada rekabentuk kajian mendapati bahawa cerita asal usul membawa cerita sebenar tentang Naratif lisan yang diterima secara turun temurun. Kajian yang dihasilkan telah mendapati bahawa

kewujudan kampung lama yang kini telah ditinggal oleh zaman tetapi ia dapat memberi maklumat dan membantu pengkaji baharu untuk mengangkat perkampungan ini menjadi salah satu sejarah perkampungan lama.

Cerita Rakyat Melayu Menerusi Nilai-nilai Islam dan Pembentukan Akhlak oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2020). Kajian ini berkaitan cerita rakyat yang menggambarkan corak hidup masyarakat pada zaman dahulu. Pengkaji telah mengkaji kajian ini kerana dia ingin melihat sejauh manakah nilai Islam orang zaman lampau yang berpegang kepada agama islam. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti dan menganalisis nilai keagamaan dalam cerita rakyat terhadap pembentukan akhlak masyarakat Melayu. Pengkaji mengaplikasikan teori takmilah sebagai deduktif kajian dan menggunakan reka bentuk kualitatif menggunakan rujukan kepustakaan dan rujukan teks. Pengkaji mengkaji kajian ini mengenai nilai Islam berdasarkan teks koleksi 366 cerita rakyat Malaysia. Hasil dapatan kajian yang dilakukan mempunyai nilai Islam yang diterapkan di dalam cerita rakyat untuk membina sebuah masyarakat yang berakhlak mulia.

Cerita Rakyat Kaum Bidayuh Penelitian Nilai-nilai Moral oleh Fifi Anak Rinyuk (2017). Pengkaji menyelidik kajian ini dengan menilai kaum Bidayuh yang mempunyai nilai-nilai moral di dalam cerita rakyat yang disampaikan oleh mereka. Kajian ini bertujuan untuk menghuraikan nilai-nilai moral yang diperoleh daripada cerita rakyat Bidayuh dan hubungan nilai dalam kehidupan harian kaum mereka. Kajian ini menggunakan pendekatan moral untuk menjadikan sastera sebagai medium pendidikan khususnya kepada cerita rakyat agar mampu mendidik masyarakat menjadi individu yang berguna. Pengkaji juga turut mengkaji kajian ini kerana dapat menyampaikan mesej dan memupuk nilai moral dalam kehidupan mereka agar dapat melahirkan insan yang berakhlak mulia di dalam

pembelajaran di sekolah. Pendekatan moral yang disampaikan melalui cerita rakyat kita dapat lihat bahawa khalayak penuh dengan unsur tauladan. Hari ini menjadikan pengkaji sedar bahawa sastera rakyat masih digunakan dalam kehidupan seharian untuk memperkenalkan kepada masyarakat tentang kaum Bidayuh yang menjadi sumber rujukan ilmiah.

Cerita moden Si Tanggang Yang Mengalami Perubahan Makna Dalam Cerita AnakDerhaka oleh Shaiful Bahri Md Radzi (2015). Kajian ini adalah berkaitan dengan cerita rakyat masyarakat Melayu pada ketika dahulu. Kajian ini mempunyai mesej yang dapat disampaikan kepada anak-anak agar tidak menderhaka kepada kedua ibu bapa. Pengkaji menjalankankajian ini dengan membezakan moden dan tradisional yang mengisahkan tentang anak yang derhaka kepada ibu bapanya disumpah menjadi batu. Dalam konteks ini cerita ini menjadi alat kawalan sosial yang ditunjukkan untuk memberi pengajaran kepada golongan muda. Kajian ini untuk memperlihatkan makna dan motif anak derhaka walaupun jenerasi kotemporari pendidikan beragama. Hasil daripada keseluruhan penyelidikan ini memberi banyak mesej kebaikan kepada anak-anak dalam bertutur dan bertingkah laku untuk menjauhkan daripada menerima balasan dari Allah SWT.

2.3 Gaya Bahasa Dalam Karya Sastera

Bahasa Melayu di Sekolah Menengah melalui penelitian berkaitan Analisis Penggunaan Gaya Bahasa sastera oleh Shamsudin Othman et al (2014). Pengkaji memberi fokus tentang penggunaan bahasa sastera yang mengandungi di dalam pembelajaran bahasa Melayu. Penyelidikan ini memberi fokus tentang pembelajaran subjek bahasa Melayu di Selangor terutamanya pada area Puchong dalam peringkat sekolah menengah. Objeki kajian yang dijalankan oleh pengkaji untuk mengkaji persepsi guru terhadap penggunaan gaya bahasa dalam pembelajaran bahasa Melayu dan sejauhmanakah penggunaan gaya bahasa dalam pengajaran bahasa Melayu. Pengkaji mengumpulkan data sebanyak 118 orang guru pada peringkat sekolah menengah yang mengajar mata pelajaran bahasa Melayu. Hasil kajian didapati beberapa bilangan besar menunjukkan persepsi yang baik tentang penghasilan gaya bahasa terutamanya tentang aspek estetika dalam sastera. Namun sedemikian, masih ada beberapa bilangan yang mengalami kesukaran tentang mengaplikasikan gaya bahasa sastera dalam pengajarannya.

Kajian yang dihasilkan oleh Zubir bin Idris dan Nazri bin Atoh yang berjudul Kesantunan Berbahasa Dalam Syair Siti Zubaidah melalui Gaya Bahasa Simile (2013). Menurut pengkaji masyarakat Melayu pada zaman dahulu terkenal dengan budaya timur yang dapat menyampaikan sesuatu maksud dengan cara perhiasan yang sesuai dengan kesantunan mereka dalam berbahasa. Objektif kajian ini adalah untuk analisis gaya bahasa yang terkandung di dalam syair yang dipilih oleh pengkaji. Penggunaan gaya bahasa simile dapat menyampaikan makna dalam masyarakat pada zaman dahulu. penyelidik ini mengaplikasikan pendekatan semiotik untuk analisis gaya bahasa simile dalam syair yang dipilih oleh pengkaji. Analisis mendapati bahawa gaya bahasa simile dalam syair Siti Zubaidah mengaplikasikan perkataan dan tanda yang mempunyai

hubungan dengan persekitaran masyarakat. Gaya bahasa yang terkandung di dalam syair yang dipilih oleh pengkaji mengungkapkan sebagai kesantunan dalam berbahasa.

Selain itu, Analisis Teks Sastera Melayu Berunsur Islam penelitian Aspek Gaya bahasa oleh Mohammad Fadzeli Jaafar (2006). Pengkaji mencuba untuk memberi fokus tentang aspek gaya bahasa berasaskan konsep sastera Islam. Menurut (Leech & short, 1991) bahawa gaya bahasa dapat mencerminkan tentang pengaplikasian bahasa dalam teks sastera. Pengkaji membicarakan tentang kepelbagaian teori linguistik dan stilistik dalam kajiannya. Pada bab satu pengkaji menganalisis teks dengan menggambarkan tentang bab permulaan cerita yang mengandungi bahan berunsur Islam. Dalam kajian yang dikaji oleh kajian lepas ini, pengkaji dapat menggambarkan perkara yang bersifat manusia seperti fasik, munafik, zalim, zindiq dan kafir. Bukan itu sahaja, pengkaji juga menemukan sifat yang berlawanan dengan sifat yang diberikan oleh pengkaji seperti mukmin dan mulia. Pengkaji juga menyentuh kepada qadha' dan qadar Tuhan. Pengkaji berharap dapat menonjolkan gaya bahasa yang mempunyai unsur Islam dalam teks sastera Melayu.

Analisis Hadis Ashrat Al-sa'ah melalui Penelitian Keindahan Gaya Bahasa Simile oleh Khazri Osman et al (2020). Para pengkaji memberi fokus tentang gaya bahasa simile yang terdapat dalam hadis yang dipilih. Simile merupakan perumpamaan perbandingan atau persamaan dalam sesuatu perkataan yang dapat difahami dan dihayati oleh pembaca. Tujuan pengkaji mengkaji penulisan ini untuk mengkaji unsur gaya bahasa simile yang terkandung di dalam hadis dan analisis estetika gaya bahasa simile dalam hadis yang dipilih. Metodologi kajian pengkaji mengaplikasikan kajian kualitatif dengan menggunakan analisis kandungan sebagai reka bentuk kajian. Pengkaji merekodkan sebanyak enam hadis sebagai data kajian. Pengkaji menggunakan teori semantik-komunikatif dalam kajian yang dilakukan dan diterjemahkan kepada bahasa Melayu. Hasil dapatan kajian dapat

menonjolkan perkataan bandingan yang dapat digunakan dalam hadis. Sebagai contoh, yang dikemukakan oleh pengkaji seperti penyakit yang menimpa kambing, kepingan malam yang gelap gelita dan ombak di lautan. Pengkaji menggunakan gaya bahasa simile dalam buku Arab Al-quran dan hadis untuk memberi kesan yang lebih mendalam dalam memberitahu tentang risalah kepada manusia dengan berlatar belakang dan ideologi yang berbeza dalam mentafsirkan Naskah terutama bagi memahami keimanan dan kepercayaan pada hari kiamat.

Analisis tentang Perbilang Adat Perpatih Penelitian Gaya Bahasa oleh Norhayati Idris (1999). Pengkaji memberi fokus tentang gaya bahasa yang terdapat dalam perbilang adat Perpatih yang memberi makna tersirat dan tersurat dan yang bersifat kritis dalam menghasilkan kesusasteraan yang kaya dengan unsur-unsur keindahan bahasa. Tujuan kajian yang dikaji oleh pengkaji adalah mengenalpasti jenis gaya bahasa, mengenalpasti kesesuaian serta keberkesanan unsur gaya bahasa dalam aspek sosial dan memberi takrifan atau makna kepada perbilang adat yang dikajinya. Batasan kajian yang pengkaji lakukan adalah pengkaji perlu menjalani proses analisis falsafah dalam gaya bahasa dalam perbezaan dialek negeri Sembilan dan Minang kabau. Pentingnya kajian ini kepada pengkaji kerana perlu meneliti aspek gaya bahasa yang mengungkap tentang sistem hidup masyarakat yang dibawa oleh adat Perpatih sejak zaman-berzaman. Pengkaji menggunakan kaedah penyelidikan kaedah perpustakaan dan kajian lapangan. Bukan itu sahaja pengkaji juga dapatkan sumber atau buku rujukan melalui tajuk pengkaji untuk membuat kajian dan rujukan. Hasil dapatan kajian ini didapati bahawa penentuan kata dan diksi perbilang adat Perpatih sama dengan tempat yang dimaksudkan dengan pemilihan dan penggunaan gaya bahasa dapat menonjolkan idea, falsafah dan pemikiran yang halus. Dapatan kajian ini juga lebih kepada pemilihan kata yang simbolik dengan

makna yang merealisasikan segala hasrat dan visi kerajaan. Berdasarkan penyelidikan ini pengkaji mengaplikasikan teori stilistik dalam melaksanakan kajian.

Muhammad Yazid [et al] (2015) telah menjalankan kajian yang bertajuk Gaya Bahasa Dalam Teater Tradisional Mek Mulung. Mek mulung merupakan panggung tradisional Melayu negeri Kedah yang memiliki struktur pementasan yang mendekati dengan teater tradisional Mak Yong. Yang memberi perbezaan antara Mak Yong dengan Mek Mulung adalah dialek yang digunakan iaitu penggunaan dialek Kedah. Persembahan daripada Mek Mulung adalah menggabungkan daripada unsur gerak lakonan, gaya tari, muzik serta lagu. Tujuan penyelidikan ini dijalankan adalah mengenalpasti gaya bahasa pertuturan dan muzik yang terdapat dalam teater mek mulung. Hasil yang diperolehi dari dapatan kajian yang dilakukan oleh pengkaji dapat menonjolkan bahawa kepentingan dalam usaha menjadikan kajian sebahagian daripada dokumen berunsurkan ilmu sebagai sumber rujukan dan meningkatkan kumpulan penyelidikan yang sesuai dengan penyata mek mulung sebagai seni warisan hak milik masyarakat negeri Kedah. Metodologi penyelidikan ini menggunakan rujukan kepustakaan juga untuk penelitian dan analisis gaya bahasa yang terkandung di dalam dialog cerita Putera cahaya bulan yang dihasilkan dan disusun semula lalu ditayangkan melalui bentuk peredaran zaman. Pengkaji mendapati di dalam penggunaan dialog dan lagu terdapat gaya bahasa pengulangan seperti anafora dan epifora. Gaya bahasa yang digunakan dalam lakonan tersebut memberi penguat atau pengukuhan dalam menyampaikan mesej yang ingin disampaikan di dalam sebuah plot penceritaannya. Gaya bahasa yang turut dijumpai oleh pengkaji seperti personifikasi kiasan sinkof dan paradoks. Kepelbagaian penggunaan gaya bahasa dan maksud peribahasa dalam teater dapat memberi cerminan kepada keindahan bahasa Melayu dalam penggunaan dialek negeri Kedah serta sosial budaya masyarakat melalui Melayu Kedah pada satu ketika dahulu.

Kajian lepas berkaitan Perutusan Agama Dalam Kumpulan Puisi Sewaktu Pesawat Runduk melalui penelitian terhadap Kesepaduan Gaya Bahasa Dan Pemikiran oleh Norawizah Haji Kata et. Al (2022). Pengkaji mengkaji penulisan ini dengan bertujuan untuk mengemukakan gaya bahasa yang terkandung dalam kumpulan puisi untuk mengenalpasti dan analisis faktor gaya bahasa dan daya berfikir melalui perutusan keagamaan di dalam teks kumpulan puisi yang dipilih oleh pengkaji. Pengkaji mengaplikasikan kaedah analisis kandungan dan analisis deskriptif juga menggunakan kaedah kajian kepustakaan. Pengkaji menggunakan gaya bahasa untuk mengkaji Kajian yang dilakukan untuk memperoleh keindahan di dalam sebuah karya dengan berunsurkan Islam berdasarkan puisi yang dikaji.

Analisis Semantik inkuisitif melalui penelitian gaya bahasa Ironi dalam Bahasa Kiasan Punjabi oleh Balveen Kaur dan Mary Fatimah Subet (2019). Ironi merupakan salah satu gaya bahasa. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti ciri-ciri binatang dalam bahasa kiasan. Penyelidikan ini membataskan 5 bahasa kiasan setelah menemu bual dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui proses temubual dan pengumpulan data daripada bangsa punjabi. Hasil dapatan kajian didapati pelbagai makna yang dapat dikaitkan dengan kehidupan manusia.

Berdasarkan Hikayat Pilihan Model GTRFK dengan Penelitian Unsur Magis Sebagai Proses Katarsis Melalui Gaya Bahasa Pengarang oleh Afidatul Syazwani Afandi (2022). Kajian ini mengkaji unsur mitos yang terkandung di dalam hikayat. Objektif penyelidikan ini adalah mengenalpasti 53 unsur magis yang terdapat pada teks kajian dan 107 unsur magis dikesan melalui penggunaan cadangan model GTRFK untuk mengaitkan gaya bahasa pengarang. Kajian ini meneliti unsur magis melalui gaya bahasa pengarang berupaya merangsang emosi-emosi tertentu dan memberi kesan katarsis kepada

khalayak. Penyelidikan ini mengaplikasikan kaedah analisis tekstual dan pendekatan teoritikal. Berdasarkan pendekatan teoritikal, pengkaji menggunakan teori gabungan iaitu model GTRFK untuk melihat gaya bahasa pengarang terhadap empat emosi utama.

Sampai Iban Penelitian Gaya Bahasa Metafora oleh Saripah Anak Banseng (2016). Penulisan ini ialah bertujuan untuk mengkaji tentang bahasa kiasan dalam struktur sampi. Penyataan masalah yang diperoleh dalam kajian ini merupakan kepercayaan warisi tidak lagi diamalkan termasuklah mubaligh Kristian yang mengubah kepercayaan tradisi kaum Iban. Objektif penyelidikan ini adalah mengenalpasti lapisan bahasa pembinaan struktur sampi, Mengkaji jenis ayat serta menganalisis unsur bahasa kiasan berbentuk metafora dalam struktur sampi. Pengkaji menggunakan dua buah sampi untuk pengumpulan data. penyelidikan ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif dengan merujuk dua buah menterayang diambil dari buku yang dipilih oleh pengkaji. Hasil dapatan kajian yang menunjukkan lapisan bahasa mempunyai sampi seperti permulaan, bertabik dan pengenalandiri.

Kajian ini adalah mengkaji metafora yang terkandung di dalam bahasa Melayu. Metafora ini adalah satu bahasa kiasan bertujuan untuk menjaga hati masyarakat daripada berlakunya rasa tersinggung. Objektif penyelidikan ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti metafora anatomi dalam penggunaan bahasa Melayu mengkaji anatomi yang memberi makna kepada gaya bahasa metafora serta analisis gaya bahasa metafora berdasarkan kepelbagaian makna. Batasan penyelidikan ini adalah hanya fokus kepada ciri-ciri anatomi yang diperoleh dalam buku yang dipilih oleh pengkaji yang disebut sebagai tubuh badan. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis untuk mendapatkan bukti pelbagai makna di dalam teks yang dipilih oleh pengkaji.

Pengkaji memanfaatkan teori Medan makna untuk mengenalpasti yang terkandung di dalam teks yang dipilih oleh pengkaji.

Bahasa Melayu dengan penelitian metafora anatomi oleh Nur hasnor Mohamad Nor (2017). Kajian ini adalah mengkaji metafora yang terkandung di dalam bahasa Melayu. Metafora ini adalah satu bahasa kiasan bertujuan untuk menjaga hati masyarakat daripada berlakunya rasa tersinggung. Objektif penyelidikan ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti metafora dalam penggunaan bahasa malaysia serta mengkaji gaya bahasa yang memberi maksud metafora dan analisis metafora berdasarkan kepelbagaian makna. Batasan penyelidikan ini adalah unsur metaora yang terdapat di dalam buku yang digunakan oleh pengkaji yang disebut sebagai tubuh badan. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis untuk mendapatkan bukti pelbagai makna di dalam buku yang dipilih oleh pengkaji. Pengkaji memanfaatkan teori Medan makna untuk mengenal pasti yang terkandung di dalam teks yang dipilih oleh pengkaji.

Pengaplikasian teori Relevans dan Rangka Rujuk Silang Berdasarkan Gaya Bahasa Metafora Bunga Kiambang dalam Pantun Melayu oleh Zarina Tajuddin dan Anida Saruddin (2017). Penyelidikan yang dihasilkan ini adalah mengkaji tentang pantun Melayu yang mempunyai akal budi dan falsafah bangsa Melayu. Objektif kajian ini adalah mengkaji dan menganalisis metafora bunga kiambang daripada empat subtopik. Batasan kajian adalah pengkaji membataskan kepada penggunaan karya yang unggul dan bertajuk bingkisan permata himpunan Harun Mat Piah (2007). Metodologi penyelidikan yang digunakan oleh pengkaji adalah kaedah kualitatif yang menganalisis teks yang dipilih oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat data yang lengkap dan mantap. Pengkaji mengaplikasikan teori relevans untuk memperoleh interpretasi bunga kiambang dalam pantun Melayu untuk mengkaji makna tersirat dengan lebih mendalam.

Pengaplikasikan teori stilistik berdasarkan karya Jangan Bunuh Rama-rama karya Nordin Hassan melalui penelitian unsur gaya bahasa metafora oleh suhaiza Khir Johari (2021). Kajian ini mempunyai tujuan utama iaitu untuk mengkaji unsur metafora di dalam teks yang dipilih oleh pengkaji. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti dan mengkaji unsur-unsur metafora yang terkandung di dalam jangan bunuh rama-rama yang akan memberi kesan kepada penghasilan drama. Penyelidik menggunakan pendekatan kualitatif dalam mengumpuldata dan maklumat untuk memperoleh unsur-unsur metafora dengan mengaplikasikan teoristilistik. Hasil yang diperoleh dari kajian ini adalah karya yang dipilih mempunyai unsur-unsur metafora dengan penelitian Teoristilistik.

Novel Selancar Empat Penelitian Metafora oleh Mala Varadan (2018). Kajian ini mengkaji tentang metafora yang terdapat di dalam novel yang dipilih oleh pengkaji. Pengkaji malah fokuskan tentang metafora dengan bertujuan untuk mengenalpasti jenis metafora serta mengkaji perselisihan maksud metafora antara penulis dengan responden. Pengkaji mengaplikasikan pendekatan kualitatif untuk menganalisis jenis metafora agar mendapatkan Kajian yang lebih mantap. Pengkaji juga menggunakan kajian pemerhatian dengan menggunakan borang klasifikasi untuk menganalisis jenis-jenis metafora untuk soal selidik responden. Pengkaji menggunakan kaedah temubual untuk mendapatkan jenis metafora yang terkandung di dalam novel yang dipilih oleh pengkaji.

Novel Elachia Payanam penelitian Analisis Metafora oleh Manokaran Rengasamy (2019). Kajian ini mengkaji tentang jenis-jenis metafora yang terdapat di dalam novel. Tujuan kajian ini dijalankan adalah mengenalpasti jenis-jenis metafora di dalam novel dan menganalisis jenis-jenis metafora dengan menginterpretasikan makna metafora dengan penulis novel. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dengan proses deskriptif dengan menggunakan 30 metafora sebagai simple utama untuk mengkaji metafora di dalam

sebuah novel. Pengkaji mengaplikasikan teori konseptual untuk memperoleh jenis-jenis metafora. Hasil dapatan kajian yang menunjukkan di dalam novel yang dipilih oleh pengkaji mempunyai unsur metafora dari segi struktur dan ontologi.

Analisis Puisi Lisan Dalam Tradisional Kadazandusun Penelitian Unsur Metafora oleh Norjietta Julita Taisin (2019). Bagi menganalisis tentang puisi lisan berdasarkan kaum kadazan dusun di Sabah dengan mengandungi elemen, muzik, dan sebagainya. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti perkataan yang mempunyai unsur metafora yang terkandung di dalam puisi tradisional masyarakat kadazan dusun serta menjelaskan fungsi tersirat di dalam pantun kadazan dusun dengan mengaplikasikan unsur metafora. Kajian ini membataskan penggunaan unsur metafora yang terdapat di dalam puisi lisan melalui konteks jenaka dan sindiran. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif di dalam general puisi lisan tradisional untuk pemerhatian seseorang individu, masyarakat, peristiwa dan budaya. Pengkaji menggunakan teknik temubual untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam kepada Kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Pengkaji juga turut membuat kerja lapangan dengan mengumpul dan merakam tradisi lisan Rakyat kadazan dusun. Hasil dapatan kajian ini adalah memperoleh puisi lisan tradisional terdapat di dalam pantun yang membawa maksud tersirat dan tersurat dan juga mempunyai unsur metafora.

Tafsiran Pragmatik Dalam Puisi Usman Awang Penelitian Emosi Dan Ironi oleh Mary Fatimah Subet (2017). Kajian ini adalah mengkaji tentang emosi dan perspektif reguistea dalam bidang psikologi. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti unsur emosi di dalam makna tersirat dan menganalisis tentang unsur ironi sebagai bahasa sindiran. Pengkaji mendapati bahawa data Kajian yang diperoleh daripada kaedah kualitatif dan kuantitatif mempunyai data analisis yang diperoleh daripada 50 orang responden untuk mengenalpasti unsur emosi tersirat. Kajian ini memberi kesan kepada responden untuk

merasakan dan meluahkan emosi pembaca dengan berlebihan makna tersirat melalui analisis teori relevan. Hasil dapatan kajian membuktikan teori yang digunakan oleh pengkaji dapat merungkai makna dan emosi yang terkandung di dalam sajak.

Aplikasikan Teori Stilistik Dalam Cara penulisan Dan Gaya bahasa Berdasarkan Novel Magis Karya Ramlee Awang murshid oleh Wan Nur Akmal Wan Ismail (2023). Pengkaji-pengkaji gaya bahasa yang terdapat di dalam novel dan cara penulisan yang betul. Pengkaji menyatakan masalah bahawa novel yang digunakan dalam kajian ini tidak ada yang menjadikan satu kajian yang berbentuk ilmiah. Tujuan kajian ini adalah mengenal pasti gaya bahasa serta menganalisis teknik penulisan yang diolah oleh pengarang melalui novel yang dipilih. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan serta rujukan teks. Pengkaji mengaplikasikan teori stilistik untuk memperkuat lagi kajian ini agar dapat memberi pengajaran serta memperoleh banyak gaya bahasa serta cara penulisan yang dijumpai di dalam novel ini.

Ujaran Vlog Menggunakan Bahasa Sindiran oleh Siti Norsyahida Mohd A Rashid dan Nor Azuwan Yaakob (2016). Sindiran yang dinyatakan pada tajuk yang berkaitan dengan gaya bahasa sindiran. Bahasa sindiran yang membawa maksud tersirat yang disampaikan melalui pertuturan dan tulisan. Penyelidik mengkaji kajian ini untuk mengenal pasti sekerap dan jenis penggunaan bahasa sindiran dalam vlog Mat Luthfi. Penyelidik mengkaji dengan menonton video daripada laman sesawang yang dimuat naik pada tahun 2011 hingga 2014. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif untuk melihat Dan memerhatikan ungkapan sindiran yang digunakan dalam pertuturannya. Di dalam data yang diperoleh daripada Kajian yang dilakukan mendapati bahawa pemilik vlog menggunakan lebih banyak bahasa sindiran sinisme berbanding sindiran yang lain. Ini

membuktikan bahawa pengkaji mengkaji bahasa sindiran yang terdapat di dalam ujaran pemilik vlog.

Teori Relevans diaplikasikan dalam Peribahasa melalui Penelitian Sindiran Halus dan Lembut oleh Nur Nabilah Mohd Razi (2021). Kajian sindiran yang harus mempunyai hubungkait dengan gaya bahasa. Pengkaji menjelaskan tentang peribahasa Melayu yang terdapat di dalam kajiannya untuk menonjolkan tentang falsafah kepada orang Melayu. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti jenis gaya bahasa sindiran dan analisis pemikiran sindiran halus dalam penggunaan teori relevan. Pengkaji mengumpul teks peribahasa sebanyak 100 pepatah Melayu. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif untuk membuat pemerhatian terhadap teks yang digunakan untuk mewujudkan peribahasa sindiran yang terdapat di dalam teks. Kajian ini telah membuktikan bahawa bahasa sindiran dapat digunakan dalam teks agar dapat memberi pemikiran dan bahasa ke dalam peribahasa serta akan menimbulkan kesan yang baik kerana melalui bahasa halus.

Peribahasa Melayu Penelitian Keindahan Perlambangan Alam Melalui Teori Keindahan Braginsky oleh Aisyah Humaira Mustapha Faidzul (2022). Kajian ini berkaitan dengan peribahasa yang merupakan jendral kesusasteraan tradisi yang sangat berharga kepada masyarakat Melayu. Melalui kajian ini ia lebih kepada melihat keindahan alam sekitar. Berdasarkan kajian ini lebih memfokuskan kepada perwatakan manusia menerusi peribahasa dan cara menyampaikan bahasa yang halus dan berbudi bahasa. Objektif kajian adalah mengenalpasti perlambangan alam semulajadi dan analisis estetika maksud perlambangan alam semula jadi berpaksikan teori yang dipilih. Pengkaji menggunakan buku kamus peribahasa Melayu dan memahami asal usul peribahasa Melayu. Pengkaji menggunakan teori keindahan braginsky untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat melalui pendekatan keindahan dalaman. Keindahan gaya bahasa yang terdapat di dalam

kajian ini menjadikan peribahasa menjadi luar biasa dan dapat dijadikan sebagai sumber ilmu dalam pembelajaran.

Gaya Pop Suralisme Dalam Penelitian Gaya Bahasa Metafora Melalui Isu Komentor Sosial oleh Hidayatullah Hamzah (2021). Kajian ini mengkaji tentang unsur metafora yang terdapat di dalam catan pop surrealisme. Kajian ini lebih kepada Kajian yang mempunyai unsur metafora yang terkandung di dalam catan. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti dan analisis karya peribadi dengan menggunakan unsur metafora. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dalam penyelidikannya untuk mengumpul data dan mengukuhkan lagi Kajian yang dihasilkan. Pengkaji menggunakan teori ikonografi dan teori semantik untuk mengukuhkan lagi Kajian yang berkaitan catanpop surrealisme. Ini akan membantu penyelidik untuk mengemukakan idea pesanan dan pengajaran yang lebih tepat dan jelas dalam penggunaan unsur metafora.

Aspek sindiran dan Kenyataan Dalam Seloka Pak Pandir Dan Pak Kaduk Melalui Kearifan oleh Mohammad Nor Fahmi Adaha Che Ayub (2022). Kajian ini memberi fokus kepada keadilan yang lokal dalam seloka melalui dari aspek sindiran dan kenyataan. Kajian ini merupakan kajian Warisan yang ingin dirungkai untuk mengetahui tentang tujuan dalam penyampaian sama ada menyindir atau kenyataan. Tujuan kajian ini adalah mengenalpasti fungsi seloka sebagai hiburan, mengkaji sindiran sebagai alat kawalan sosial dan analisis dalam bentuk pembelajaran yang diambil daripada seloka. Pengkaji menggunakan sumber rujukan seperti jurnal kepustakaan buku-buku dan sebagainya. Pengkaji ingin mengetahui tentang seloka yang dipilih mempunyai lawak jenaka atau sebaliknya. Pengkaji dan mendapati hasil daripada kajian ini mempunyai pengajaran yang boleh dijadikan sebagai pembelajaran dan dapat menasihati masyarakat dan pembaca.

Teori Teksdealisme Dalam Kepengarangan Shamsuddin Othman Melalui Kumpulan Puisi Taman Insaniah Dalam Aspek Instrinsik dan Pengaruh Retorik oleh Muhamad Izzuddin Ramli (2022). Kajian ini dijalankan untuk mengkaji aspek intristik yang terkandung di dalam puisi yang dipilih oleh pengkaji. Objektif kajian ini adalah mengkaji dan mengenal pasti pemikiran pengarang dalam olahan karyanya menerusi aspek interistik melalui tema dan gaya bahasa. Objektif kajian juga adalah analisis unsur retorik yang terdapat di dalam puisi. Pengkaji menggunakan teori teks ptyalism untuk merungkai tema dan gaya bahasa dalampenulisan puisi. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dengan analisis keunggulan karya dengan memerhatikan dan rujukan puisi yang dipilih. Pengkaji menggunakan teori dan rekabentuk kualitatif untukmendapatkan maklumat yang tepat dalam penghasilan kajiannya.

Gaya Bahasa Melayu Dalam Konsep Ilmu Al-Bayan Melalui Sorotan perbezaan Dan Manfaat Dalam Pembelajaran oleh Zulazhan Ab Halimetal (2018). Kajian ini mengkaji tentang ilmu balaghah yang menjadi hasil kepada pelajar Malaysia yang belajar dalam subjek bahasa Arab. Pengolahan ilmu ini dalam kokurikulum di sekolah menengah dan pengajian tinggi agak berbeza dengan bahasa Malaysia. Pengkaji membandingkan satu wacana melalui ilmu balaghah untuk memperlihatkan gaya bahasa Melayu dapat dimanfaatkan dalam sesi pembelajaran agar dapat membantu pelajar faham tentang ilmu balaghah secara lebih mendalam. Tujuan pengkaji menghasilkan kajian ini untuk mengenalpasti dan mengkaji gaya bahasa Melayu dapat membezakan konsep ilmu balaghah dan dapat memberi manfaat kepada pembelajaran. Pengkaji mencuba untuk menerapkan ilmu balaghah dengan gaya bahasa Malaysia untuk menjadikan ilmu yang lebih memanafaat serta mengangkat kembali isu yang diperkatakan agar dapat melahirkan pelajar yang menghayati tentang ilmu yang diberi.

Puitika Sastera Melayu diaplikasikan Dalam Penyelidikan Estetika dan Kebijaksanaan Dalam Pantun Melayu oleh Nur Amelia Farhana Zuraimi (2022). Pengkaji memilih pantun sebagai sumber utama dalam menghasilkan kajian ini kerana pantun adalah perlambangan yang dapat ditonjolkan dalam karya kreatif ketika penghasilan pantun. Tujuan kajian ini adalah analisis nilai estetika berdasarkan teori puitika Sastera Melayu dan mengkaji unsur estetikayang terdapat dalam pantun Melayu. Pengkaji menggunakan rekabentuk kualitatif dengan menggunakan teori puitika Sastera Melayu. Pengkaji menggunakan kaedah rujukan pustakaan dan rujukan teks agar dapat maklumat yang lebih tepat dan jelas. Bahasa yang mempengaruhi estetika dalam pantun Melayu dapat memberi kesan kepada pembaca dan pendengar kerana mempunyai unsur-unsur yang lebih sopan ketika kita menghayati bahasa yang digunakan.

Puisi Kemanusiaan Dalam Teknik Kepengarangan Baha Zain Melalui Teori Teksdealisme oleh Mohd Faradi Mohamed Ghazali (2022). Dalam kajian ini pengkaji menggambarkan bahawa penyair sering menggunakan tema kemanusiaan yang mempertahankan hak bagi golongan yang tertindas serta mengusahakan masyarakat dalam pemikiran intelektual. Kajian ini bertujuan untuk meneliti tahap keunggulan teknik kepengarangan puisi Baha Zain dalam tema, bentuk dan gaya bahasa. Kajian ini menekankan gaya bahasa yang terdapat di dalam kajian ini agar dapat mewujudkan keindahan dalam penghasilan puisi. Selain itu, karya yang dihasilkan itu juga mempunyai tema tentang kemanusiaan yang dapat diberi perhatian. Pengkaji menggunakan reka bentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan serta beberapa koleksi puisi awal dan mutakhir. Pengkaji menggunakan teori teksdealisme mengaplikasikan empat prinsip yang terkandung di dalam teori yang dipilih. Keseluruhan yang dapat membuktikan bahawa Baha Zain mempunyai identiti yang mempertahankan kemanusiaan dalam hidup masyarakat agar tidak ditindas.

2.4 Pengkajian Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Karya Sastera

Satu penelitian Pengkaedahan Melayu menerusi nilai-nilai murni dalam teks naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018). Naratif lisan yang di sampaikan membawa maksud kepada mengikut turutan penceritaan kepada masyarakat. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti dan analisis nilai-nilai kebaikan yang diperoleh dalam cerita lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Penulisan ini mengaplikasikan pengkaedahan alamiah dan keagamaan berdasarkan teori pengkaedahan Melayu. Batasan kajian ini menggunakan 43 buah cerita lisan yang diperoleh dari tempat yang dipilih oleh pengkaji. Teori yang dipilih sebagai gagasan untuk menguatkan lagi analisis menerusi aspek pengkaedahan Alamiah dan pengkaedahan Keagamaan.

Penelitian Teori Pengkaedahan Melayu menerusi Pantun Peribahasa Melayu dengan Analisis Daripada Perspektif oleh Johari Yahaya (2015). Penyelidikan ini memberi fokus tentang pantun Melayu yang dikenali sebagai budi bahasa dan bersopan serta berbudaya ketimuran yang dapat dikenal pasti dalam aspek nilai dan norma hidup yang dapat dibentuk dalam nasihat, sindiran, gurauan dan tempat meluahkan perasaan. Objektif kajian adalah mengenalpasti peribahasa Melayu dalam teks pantun peribahasa Melayu, analisis tentang keadilan tempatan serta kebolehan dalam bidang daya cipta yang dinamik dan kreatif oleh orang Melayu zaman dahulu serta perbincangan tentang nilai murni, nilai-nilai kemelayuan, sosial budaya masyarakat Melayu lama yang terdapat di dalam pantun. Di dalam penulisan yang dihasilkan oleh pengkaji ini dengan menggunakan teori pengkaedahan Melayu yang diperkenalkan oleh Hashim Awang untuk menjelaskan pandangan dan keadilan serta kebijaksanaan yang dapat dikenalpasti di dalam kajian yang dilakukan. Menurut pengkaji tentang estetika dalam pantun Melayu yang dilakarkan

dapat menggambarkan setiap keperibadian dan juga khazanah Melayu yang sangat berkualiti dan bernilai.

Analisis Cerpen Terpilih Karya Zurinah Hassan Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Naizalaila Mustapha (2019). Nilai kemasyarakatan yang mempunyai nilai baik seperti positif dan nilai buruk yang negatif terdapat di dalam kehidupan sebuah masyarakat. Berdasarkan kajian ini menggunakan cerpen yang dipilih oleh pengkaji yang mengemukakan dua objektif utama iaitu mengenalpasti nilai-nilai kemasyarakatan yang terdapat di dalam cerpen-cerpen yang terpilih karya zurinah Hassan dan menganalisis cabaran-cabaran yang berlaku di dalam cerpen terpilih untuk mencapai sebuah matlamat. Dengan adanya kajian ini dapat memberi kesabaran dan ketabahan di dalam sebuah matlamat atau tujuan dalam kehidupan. Kajian ini menggunakan teori pengkaedahan Melayu dalam menerusi pendekatan kemasyarakatan. Berdasarkan Kajian yang dihasilkan mempunyai nilai-nilai kemasyarakatan yang dapat melahirkan masyarakat yang di tuntutan oleh Islam.

Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa yang dipilih oleh pengkaji dengan mengkaji Unsur Patriotisme dengan mengaplikasikan penggunaan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Nur Hanis Mohd Ramlee (2023). Kajian ini bertujuan untuk mengkaji penelitian yang membangkitkan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat. Kajian ini melibatkan satu penyelidikan tentang pembentukan moral kepada masyarakat. Kajian ini adalah untuk mengenalpasti dan menganalisis unsur patriotisme dalam novel yang dipilih oleh pengkaji serta kepentingan unsur patriotisme. Pengkaji membataskan kajian dengan menggunakan empat patriotisme. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif menerusi kaedah kepustakaan, kaedah tekstual dan kaedah teoritikal. Kajian ini menggunakan teori

pengkaedahan Melayu mengaplikasikan pendekatan moral untuk membuktikan unsur patriotisme.

Pengaplikasian teori pengkaedahan Melayu menerusi penelitian unsur keagamaan dalam cerita pendek antara sejadah ibadah karya Radzeman bolhasan oleh Siti Munirah Sayuti (2023). Kajian ini mengkaji cerpen yang membawa maksud kepada cerita pendek. Penyelidik mengkaji kajian ini bertujuan untuk melihat nilai ketakwaan kepada Tuhan. Masalah yang di peroleh ketika menjalani kajian ini adalah untuk membuktikan kepada masyarakat bahawa masih ada segolongan masyarakat yang mengalami masalah sosial menyebabkan kurangnya penghayatan terhadap agama Islam. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti unsur keagamaan yang diperoleh daripada cerpen yang dipilih. Selain itu, ia juga untuk analisis masalah yang diperoleh daripada karya dengan penelitian kehidupan untuk mewujudkan rasa kecintaan kepada Tuhan serta memartabatkan nilai ketakwaan kepada Allah berdasarkan cerita pendek yang dipilih. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan merujuk kepustakaan dan analisis teks. Pengkaji menggunakan teori pengkaedahan Melayu untuk menghasilkan kajian ini dengan lebih mantap agar dapat membentuk tujuan yang sebenar dalam penghasilan karya ini.

Fenomena Sosial Dalam Teks Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan : Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu oleh Muhamad Firdaus Kamaruzaman (2023). Kajian yang menceritakan tentang cerita rakyat yang memiliki jenis genre seperti sejarah, mistik, tokoh, binatang dan sebagainya. Objektif kajian ialah mengenalpasti dan menganalisis fenomena sosial yang terdapat pada kajian. Pengkaji membataskan kepada 49 cerita rakyat Melayu yang dipilih menerusi teks yang dipilih oleh pengkaji. Pengkaji mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu dengan menggunakan pengkaedahan Alamiah dan pengkaedahan keagamaan. Kajian ini didapati bahawa fenomena sosial yang berlaku dalam cerita rakyat kepada kehidupan masyarakat.

Sajak Sebagai Medium Mendidik Masyarakat: Satu Penelitian Terhadap Puisi Terpilih Zurinah Hassan Berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Nur Hanis Athirah Rosazlan (2023). Kajian ini mementingkan aspek intelektualisme dan ilmu seperti medium mendidik masyarakat melalui sajak yang menganggap sebagai sesi luahan perasaan. Objektif kajian adalah mengenalpasti dan menganalisis nilai-nilai yang terkandung di dalam sajak-sajak terpilih oleh Zurinah Hassan dengan menggunakan pendekatan moral dan teori pengkaedahan Melayu dan membincangkan kepentingan genre sajak sebagai medium dalam mendidik masyarakat Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu melalui pendekatan moral untuk mendidik masyarakat.

Nilai Kemelayuan Dalam Himpunan Drama Melayu Popular Terpilih Di Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu oleh Norzatul Iqma Mohd Noor (2020). Drama yang dikaji oleh pengkaji yang mengandungi unsur kesenian yang dapat memberi keseronokan dan keindahan. Objektif kajian adalah mengenalpasti nilai-nilai kemelayuan yang terdapat dalam drama-drama Melayu popular. Kajian ini bertujuan untuk merumuskan dan membincangkan kesan nilai-nilai kemelayuan. Teori pengkaedahan Melayu diaplikasikan di dalam kajian ini oleh Hashim Awang (1989). Kajian ini menggunakan pendekatan keagamaan yang menggunakan rekabentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan, rujukan teks atau dokumen, sumber internet dan teori pengkaedahan Melayu.

Nilai-nilai Kemanusiaan Dalam Novel Srengenge Karya Shahnnon Ahmad: Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu oleh Mastura Othman (2022). Kajian ini menunjukkan dengan nilai kemanusiaan yang dapat memberikan sumber teladan dan ilmu pengetahuan kepada

khalayak pembaca. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti dan menganalisis nilai-nilai kemausiaan dalam novel yang dipilih oleh pengkaji dengan mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu. Kajian ini membataskan sebuah novel yang berkaitan kisah cinta berbanding novel fiksyen. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang dipilih oleh untuk menyempurnakan kajian berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu yang diilhamkan oleh Hashim Awang (1989) sebagai gagasan bagi mengukuhkan lagi analisis kajian ini.

Unsur Budaya Dalam Teks Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu oleh Maizatul Akma Shamsuddin (2022). Kajian ini mengkaji tentang cerita rakyat yang mempunyai unsur budayayangdikaji untuk menyumbang kepada jati diri individu. Kajian ini dijalankan dengan menganalisis unsur budaya dalam teks yang dipilih oleh pengkaji dan membataskan kajiannya dengan menggunakan 20 buah cerita rakyat daripada cerita tokoh dan cerita binatang berdasarkan teks yang pilih oleh pengkaji. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif menerusi kaedah kepustakaan dan rujukan teks. Pengkaji mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu melalui pendekatan moral, pendekatan dakwah dan pendekatan kemasyarakatan.

Unsur Nilai Dalam Teks Seuntai Naratif Lisan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu Oleh Hashim Awang (1989) oleh Eiffa Yuhanis Roslan (2022). Cerita rakyat yang dijalankan oleh pengkaji untuk menyelidik unsur nilai yang terkandung di dalam cerita-cerita rakyat Melayu. Kajian ini untuk pembentukan kebudayaan masyarakat yang progresif. Kajian ini bertujuan untuk mengisi kelompongan kajian-kajian lepas yang lebih berfokuskan kepada aspek nilai dan moral dalam cerita rakyat. Objektif kajian adalah mengenalpasti dan menganalisis unsur nilai yang terkandung di dalam teks yang dipilih oleh pengkaji. Pengkaji membataskan kepada

20 cerita rakyat dengan menggunakan aplikasian teori pengkaedahan Melayu pendekatan dakwah. Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif secara kepustakaan dan rujukan teks.

Analisis Cerpen-cerpen Terpilih Di Dalam Kumpulan Cerita Bidadari Burung Dengan Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Wan Khairul Faiz Wan Kamarull Ariffin (2019). Kajian ini menggunakan penceritaan berdasarkan kedua-dua buah cerpen yang di pilih iaitu cerpen moluska dan cerpen bidadari burung karya Syed Mohd Zakir. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti serta membahaskan kepincangan yang berlaku di dalam cerpen untuk memaparkan kehidupan masyarakat dan memfokuskan kepada masalah keganasan dan salah guna kuasa serta menganalisis nilai-nilai dan ajaran Islam yang terdapat di dalam cerpen yang dipilih melalui watak-watak. Di dalam kajian ini menggunakan teori pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang dengan menggunakan pengkaedahan keagamaan dengan pendekatan masyarakat. Kajian ini memberi perbincangan serta analisis secara terperinci mengikut perspektif Islam dengan kepincangan masalah sosial. Penghuraian mengenai nilai dan moral yang baik dapat di dalam kedua-dua buah cerpen turut dijalankan melalui pendekatan kemasyarakatan untuk pelajar lebih memahami.

Kumpulan Cerpen Melamar Rindu Oleh Osman Ayob Melalui Dakwah Islamiah Dengan Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hadijah Johari, Nor Shahida Mohd Shaker dan Farra Humairah Mohd (2020). Kajian ini adalah menganalisis dan mengumpul 18 buahcerpen untuk memaparkan tentang dakwah islamiah. Kajian ini adalah untuk melihat tentang keupayaan penulisan Osman air dalam menghasilkan isu-isu semasa melalui pengalaman hidup beliau sehingga dapat menghasilkan cerpen yang menarik dengan penggunaan keindahan bahasa. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti serta

menganalisis unsur dakwah di dalam kumpulan cerpen melamar rindu. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan data deskriptif dengan menggunakan pendekatan dakwah dalam teori pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang. Pengkaji menggunakan pengkaedahan keagamaan. Hasil dapatan kajian yang diperoleh oleh pengkaji melalui tiga buah cerpen melamar rindu mempunyai unsur dakwah islamiah serta nilai keagamaan yang dapat membantu penyelidik memartabatkan Sastera Melayu.

Analisis pendekatan dakwah melalui Unsur Kerohanian dalam Filem Munafik karya Shamsul Yusof boleh Nasya Azreena Mohd Jaihan et al (2022). Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai kerohanian dalam filem yang dibeli oleh pengkaji dengan mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu. Pengkaji menggunakan pendekatan dakwah di dalam kajian ini untuk menjelaskan tentang Nilai kerohanian kepada masyarakat Batasan kajian ini adalah pengkaji hanya menggunakan filem munafik kepada skop yang lebih terhad agar kajian menjadi lebih kemas. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan rujukan teks dan kepustakaan untuk mendapatkan maklumat tentang Kajian yang dihasilkan. Hasil dapatan kajian yang diperoleh bahawa kajian ini mempunyai kaedah dakwah yang mempunyai nilai-nilai Islam yang terkandung di dalam filem yang diberi oleh pengkaji. Di dalam kajian ini mempunyai bentuk Islam dengan mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu yang dapat mewujudkan nasihat dan mesej yang positif kepada masyarakat.

Teks Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan Penelitian Unsur Mitos oleh Nor Muhammad Shahir Nordin (2022). Kajian ini mengkaji tentang unsur mitologi di dalam naratif lisan yang dipilih oleh pengkaji. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti dan menganalisis unsur mitos yang terkandung di dalam teks Seuntai Naratif Lisan di lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Batasan Kajian yang

dilakukan oleh pengkaji adalah menggunakan 30 cerita rakyat yang dipilih. Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan rujukan teks dan perpustakaan. Pengkaji mengaplikasikan teori pendekatan Melayu melalui pendekatan firasat untuk analisis dan dapatan kajian yang lebih mendalam tentang unsur mitos. Hasil dapatan kajian pengkaji peroleh unsur mitos yang dapat menarik yang menjadi hiburan serta memiliki pemikiran kreatif kepada masyarakat tempatan.

Gurindam Jiwa Penawar Duka Karya Amy masra Penelitian Nilai-nilai Moral dan Pembentukan Akhlak oleh Nasha Azleena Mohd Jaihan (2023). Kajian ini adalah mengkaji tentang gurindam yang berkaitan nilai-nilai moral. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti nilai-nilai moral dan pembentukan akhlakdi dalam gurindam yang dipilih oleh pengkaji. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis dan kaedah kepustakaan secara deskriptif. Pengkaji menghasilkan kajian ini untuk memberi nilai pengajaran yang dapat membentuk akhlak individu dan masyarakat. Kajian ini menggunakan teori pengkaedahan Melayu dengan menggunakan pendekatan moral. Hasil dapatan kajian yang diperoleh oleh pengkaji adalah menemukan nilai nilai moral seperti nilai kepercayaan kepada Tuhan, nilai hormat-menghormati, nilai kejujuran serta banyak lagi. Hasil penemuan ini dapat memberi nilai pengajaran serta mewujudkan kehidupan yang unggul.

Teks Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan Penelitian Pemikiran Penglipur Lara oleh Anis Nazurah Md Karim (2023). Kajian ini mengkaji tentang teks Naratif Lisan yang mengkaji tentang kebenaran atau tidak benar oleh penglipur lara yang dapat dijadikan sebagai satu wadah pembentukan masyarakat yang lebih bertamadun. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tentang kurangnya kajian berkaitan pemikiran penglipur lara. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti dan menganalisis pemikiran penglipur lara dalam teks yang dipilih oleh pengkaji dengan mengaplikasikan

teori pengkaedahan Melayu. Batasan kajian pengkaji hanyalah menggunakan 24 cerita rakyat yang dipilih oleh pengkaji. Pengkaji mengaplikasikan kaedah kualitatif dalam kajiannya melalui proses kepustakaan, rujukan teks dan dokumen serta melayari internet untuk mendapatkan rujukan dan data yang lebih mantap. Pengkaji menggunakan teori pengkaedahan Melayu dengan menerapkan pendekatan kemasyarakatan, dakwah dan moral. Hasil dapatan kajian pengkaji memperoleh pengajaran dan tauladan di dalam pemikiran penglipur lara agar dapat membentuk insan yang lebih bertamadun.

Pantun Kurik Kundi Merah Saga Sebagai Bahasa Kiasan Dengan Mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Nor Aqma Fazlin Shahidin (2023). Pengkaji mengkaji tentang pantun lisan dengan penggunaan teori pengkaedahan Melayu. Objektif kajian ini adalah menganalisis fungsi-fungsi bahasa kiasan dan mengenalpasti jenis-jenis bahasa kiasan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan proses kepustakaan, teori dan sumber Internet. Batasan kajian ini hanya memfokuskan kepada pantun lisan yang bertemakan kiasan. Kajian ini memperlihatkan dan memperjelaskan jenis-jenis bahasa kiasan dan fungsi bahasa kiasan di dalam buku yang dipilih oleh pengkaji. Hasil dapatan kajian adalah menggabungkan pendekatan binaandi dalam teori pengkaedahan Melayu dapat memberi idea sebagai sumber rujukan yang bernas.

Penelitian Pendekatan Moral Dalam Teks Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan Melalui Unsur Didaktik oleh Siti Norsyahira Md Sabri (2022). Kajian ini adalah mengkaji tentang cerita rakyat yang dapat memberi pendidikan serta pengajaran kepada masyarakat. Masalah yang berlaku adalah pengkaji mendapati bahawa masih belum pengkaji lepas menghasilkan hadrah ini di dalam kajian yang mereka lakukan. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti dan menganalisis unsur didaktif di dalam teks yang dipilih oleh pengkaji sebagai suatu pendekatan moral. Pengkaji

membataskan sebanyak 24 cerita rakyat di dalam teks yang dipilih oleh pengkaji dengan menggunakan teori pengkaedahan Melayu. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan proses kepustakaan dan teks dalam menghasilkan Kajian yang dikaji oleh pengkaji. Hasil dapatan kajian ini membuktikan teks yang dipilih mempunyai nilai-nilai moral dalam kalangan masyarakat.

Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan Penelitian Unsur Budaya Mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu (2022). Kajian ini berkaitan dengan cerita rakyat yang memberi banyak nilai murni dan pengajaran kepada masyarakat. Cerita rakyat merupakan Naratif lisan yang menjadi turun-temurun kepada generasi ke generasi baharu melalui lisan. Objektif kajian ini adalah menganalisis dan mengkaji unsur budaya dalam teks yang dipilih oleh pengkaji. Batasan kajian ini adalah membataskan kepada 20 buah cerita rakyat yang dipilih oleh pengkaji dalam teks yang dipilih. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dengan merujuk keputusan kanan dan rujukan teks. Pengkaji menggunakan teori pengkaedahan Melayu melalui pendekatan moral, pendekatan dakwah dan pendekatan kemasyarakatan. Hasil dapatan kajian ini membuktikan bahawa cerita rakyat ini mempunyai pengajaran serta tauladan yang dapat membentuk keperibadian yang unggul dalam jati diri seseorang.

Satu pendekatan moral melalui cerita rakyat di Kota Bharu Kelantan terhadap pembentukan jati diri kanak-kanak penelitian Nilai-nilai kemanusiaan oleh Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2022). Penulisan ini mengkaji tentang nilai kemanusiaan yang terkandung di dalam sastera rakyat yang disampaikan di kota Bharu dengan menggunakan pembentukan keperibadian dalam kanak-kanak. Penyelidikan ini analisis dan mengenalpasti nilai kemanusiaan dalam sastera rakyat di daerah yang dipilih oleh pengkaji dengan pembangunan keperibadian dalam diri kanak-

kanak. Batasan penyelidikan ini adalah untuk penelitian nilai kemanusiaan dalam sastra rakyat di daerah yang dipilih sahaja. Metodologi yang digunakan dalam penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu rujukan maklumat daripada kepustakaan dan lapangan dalam menghasilkan Kajian yang sempurna dan mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu melalui pendekatan moral.

Revolusi Kepemimpinan Terhadap Kanak-kanak Dan Remaja dalam mencetus Cerita Rakyat Kilatan Emas penelitian Interaksi Sosioekonomi oleh Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2022). Kajian ini berkaitan cerita rakyat yang mempunyai sosioekonomi dalam kajian yang dihasilkan bertujuan untuk mengenal pasti dan analisis perhubungan sosioekonomi dalam sastra rakyat yang dipilih oleh pengkaji dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu. Metodologi penulisan ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan perpustakaan dan kaedah bersemuka. Penyelidikan yang dihasilkan dapat menunjukkan sikap pemimpin terhadap kanak-kanak dan remaja.

Karya zurinah Hassan yang berjudul puisi Salasilah penelitian pemaknaan kosmologi biotik dengan mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu oleh Muhamad Fadzil Yusoff et al (2010). Kajian ini adalah berkaitan dengan sumber alam lebih kepada kehidupan alam semesta yang terdapat di dalam bumi Allah. Tujuan kajian ini adalah berkaitan dengan analisis puisi karya yang dipilih dengan berdasarkan teori pengkaedahan Melayu. Penyelidik perlu mengemukakan tentang flora dan fauna di dalam kajian yang beliau jalankan. Di dalam kajian ini beliau perlu mengaitkan tentang persekitaran sosial serta pemikiran dan pendapat di dalam puisi yang dikaji. Hal ini pengkaji mengkaji tentang makna yang diperoleh melalui teori yang diterapkan untuk membawa kepada kepentingan terhadap jiwa masyarakat untuk memartabatkan manusia sejagat.

Sosio budaya dalam suku kimaragang tradisi penelitian unsur pemikiran melalui teksTangon-Tangon oleh Jamail Masador et al. Kajian ini mengutamakan tentang sosio budaya dalam buku yang dipilih oleh penyelidik. Tujuan penyelidik dalam mengkaji kajian ini adalah untuk menganalisis pemikiran sosiobudaya yang terkandung dalam teks yang digunakan dalam kajian. Penyelidik menggunakan kaedah kualitatif dalam mengumpul maklumat melalui pendekatan Alamiah untuk mendapatkan data yang lengkap dan sempurna. Hasil dapatan yang di peroleh daripada kajian ini membuatkan penyelidikan yang dihasilkan di dapati terdapat simbol yang boleh diketengahkan dapat menjadi gambaran pemikiran kepada masyarakat.

Peribahasa Melayu tadi dan air sebagai tanda melalui pendekatan firasat oleh NoorAini Abd Syukor (2016). Berdasarkan penyelidikan ini pengkaji menghasilkan sebuah Kajianyang mempunyai peribahasa yang melibatkan sastera tradisional. Kajian ini bertujuan untuk meneliti unsur alam serta menggambarkan bentuk bahasa yang indah yang dapat melahirkan peribahasa. Pengkaji menggunakan dua unsur alam iaitu padi dan air yang dapat menjadikan Kajian yang dihasilkan dapat membentuk objektif yang sebenar di dalam kajian yang dihasilkan. Objektif kajian adalah mengenal pasti unsur alam dalam teks yang dipilih serta analisis maksud yang terkandung dalam teks. Penyelidik terbatas dalam menghasilkan kajian ini kerana ia hanya fokus kepada unsur alam seperti perlambangan dan kehidupan manusia. Pengkaji mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu dengan menggunakan pendekatan firasat untuk mendapatkan hasil yang lebih baik. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dalam menghasilkan kajiannya dengan merujuk teori pengkaedahan Melayu.

Cerpen Perempuan Kerudung Hitam melalui Teori Pengkaidahan Melayu oleh Sara Beden (2021). Kajian ini berkaitan dengan carian yang mempunyai fungsi tersendiri dalam menyampaikan dakwah. Penyelidikan ini lebih kepada keagamaan. Pengkaji menganalisis dan mengkaji pesanan Keagamaan yang diperoleh daripada cerpen cerpen yang dipilih. Penyelidik menggunakan tiga buah cerpen yang menjadikan batasan kajian dengan mengaplikasikan teori pengkaidahan Melayu. Pengkaji menghasilkan kajian dengan menggunakan pendekatan kualitatif dalam menganalisis teks. Pengkaji menggunakan kaedah ini untuk mengkaji pesanan dalam dakwah dan keagamaan yang terkandung di dalam cerpen yang dipilih. Pengkaji menggunakan pendekatan kemasyarakatan firasat seni dan juga dakwah untuk mencapai objektif yang tepat dalam penghasilan penyelidikan ini. Hasil daripada penyelidikan ini terbukti di dalam ketiga-tiga cerpen ini mempunyai mesej tentang nilai keagamaan.

Hikayat pelanduk jenaka dalam penelitian Alam dan Budaya Masyarakat Melayu oleh Roslina Abu Bakar (2016). Pengkaji menggunakan kajian dengan merujuk cerita Hikayat yang mengisahkan tentang kehidupan binatang di dalam hutan dan air yang melibatkan personifikasi pengarang. Masalah yang berlaku di dalam kajian ini adalah untuk merungkai keunikan alam dan budaya masyarakat Melayu. Kajian ini dilakukan untuk melihat cara hidup dan kebudayaan yang terdapat di dalam hikayat. Pengkaji mengaplikasikan teori pengkaidahan Melayu dengan menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis dokumen. Kajian ini memperoleh bahawa di dalam cerita Hikayat ini mempunyai unsur alam dan budaya yang ditayangkan melalui watak-watak binatang. Di dalam kajian ini juga pengkaji dapat mengemukakan pendekatan yang terdapat di dalam teori.

Teori Pengkaedahan Melayu Melalui Penelitian Citra Keagamaan dalam Gapura iman oleh Sara Beden dan Nur Aisyah Shahira Naimon (2021). Pengkaji-pengkaji kajian ini dengan menggunakan karya sastra yang mempunyai nilai keindahan. Penyelidik hanya memfokuskan kepada jiwa khalayak dengan mengkaji nilai-nilai murni yang memberi kesan halus dan lembut kepada diri khalayak. Pengkaji bertujuan untuk menghasilkan kajian ini dengan analisis pesanan yang disampaikan melalui teks yang dipilih oleh pengkaji dengan melibatkan nilai keagamaan. Pengkaji mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu untuk mengkaji lebih mendalam dengan menyesuaikan pendekatan keagamaan di dalam kajian yang ingin dihasilkan ini. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis buku untuk mendapatkan Kajian yang lebih kemas. Hasil daripada keseluruhan mendapati bahawa pendekatan yang digunakan ini dapat menimbulkan nilai keagamaan yang terkandung di dalam novel yang dipilih. Dengan kajian ini juga telah mewujudkan dan dapat menyampaikan pesanan yang ingin disampaikan kepada masyarakat untuk terus mencintai Allah dan tidak meninggalkan larangannya.

Gurindam Karya Mas Adeki Dengan Penelitian Nasihat Dan Pengajaran Melalui Pengkaedahan Melayu oleh Zunaidah Daud (2014). Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji tentang gurindam yang mempunyai pengajaran. Masalah yang diperoleh daripada kajian ini adalah bahawa manusia perlu mendengar nasihat serta pengajaran di dalam kehidupan harian mereka agar tidak lalai dan sentiasa mengingati Tuhan. Objektif kajian ini bertujuan untuk menganalisis kata nasihat dan pengajaran gurindam. Selain itu, pengkaji juga menganalisis teks berdasarkan teori pengkaedahan Melayu dengan menggunakan pendekatan Alamiah serta keagamaan. Pengkaji menggunakan keseluruhan pendekatan di dalam teori ini. Batasan kajian adalah pengkaji hanya fokus kepada analisis antologi gurindam sahaja. Hasil dapatan kajian pengkaji memperoleh

pengajaran dan pesanan di dalam gurindam yang dapat memberi kesan kebaikan kepada masyarakat.

Novel Atas Lantai Takdir Karya Fida Rohani menerusi Nilai Kemanusiaan oleh Siti Nur Anis Muhammad Apandi et al (2021). Kajian ini membincangkan tentang novel yang mempunyai nilai-nilai yang penuh dengan mesej tentang kehidupan manusia yang dapat menjadikan pengajaran dan tingkah laku yang baik dalam dunia ini. Tujuan kajian ini adalah mengemukakan dan analisis nilai kemanusiaan yang terdapat di dalam novel ini. Pengkaji menyatakan bahawa manusia perlu melatih diri daripada mengamalkan nilai kemanusiaan yang baik dalam diri. Pengkaji menggunakan teori pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan dakwah untuk mendapatkan nilai kemanusiaan yang terkandung di dalam novel. Pengkarya cuba mengangkat nilai kemanusiaan yang terdapat dalam novel ini untuk dijadikan pengajaran kepada masyarakat melalui nilai keagamaan.

Teori Pengkaedahan Melayu diaplikasikan Dalam Novel Di Sebalik Dinara Melalui Penelitian Aspek Moral oleh Che Wan Muhammad Othman Che Wan Md Azam et al (2022). Masalah kajian adalah melibatkan fiksyen sains yang kurang memberi perhatian dalam aspek moral secara am. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan mengenalpasti aspek moral yang terkandung di dalam novel yang dipilih oleh pengkaji. Objektif penyelidikan ini adalah mengenal pasti aspek moral yang tersirat dan tersurat di dalam novel yang dipilih dan mengkaji dengan lebih terperinci dalam aspek moral. Metodologi kajian ini menggunakan rekabentuk kualitatif dengan rujukan kepustakaan dan kaedah analisis teks serta melayari Internet. Pengkaji mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu untuk mendapatkan data yang lebih tepat dan kemas untuk mengaitkan Kajian yang dijalankan dengan pengkaedahan guna untuk mendapatkan aspek moral yang benar. Pengkaji banyak merujuk merotan Kajian yang lepas untuk mendapatkan Kajian

yang lebih baik dan sempurna. Penyelidik mendapati bahawa mempunyai banyak aspek moral yang terkandung di dalam novel yang dipilih. Hal ini akan membuatkan pengkaji dapat menyimpulkan kajiannya dengan lebih bernilai kerana di dalam novel ini mempunyai aspek-aspek yang baik untuk dibaca oleh pengkaji yang akan datang.



2.5 Rumusan

Kesimpulannya, pengkaji dapat merumuskan tentang penelitian dan pemerhatian di atas artikel oleh pengkaji lepas menunjukkan kajian dalam konteks karya sastera seperti cerita rakyat novel puisi dan sebagainya dapat menyampaikan kepada jiwa pengkaji. Pengkaji dapat menghargai karya sastera dengan mengkaji dan dapat memberi manfaat kepada orang lain. Menerusi kajian lepas dapat membuktikan kebanyakan pengkaji lebih minat dalam mengkaji dan merungkai dari gaya bahasa dalam karya sastera. Gaya bahasa tersebut dapat memberi makna keindahan dalam karya sastera. Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati kajian yang berkaitan gaya bahasa dapat diketengahkan dan dapat melaksanakan kajian dalam mengisi kelompongan dalam kajian ini.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Dalam melaksanakan kajian yang dilakukan oleh pengkaji untuk menjelaskan secara jelas serta juga padat berkaitan dengan metodologi kajian yang terdapat di dalam bab tiga ini. Menurut Kamus Dewan (2017) pula mengatakan sistem yang mencakupi seperti kaedah atau prinsip yang dijalankan dalam sesuatu kegiatan. Dalam metodologi kajian ini dapat mengkaji dan menganalisis data dengan lebih jelas untuk merangkumi reka bentuk kaedah kajian dan pengaplikasian teori untuk melaksanakan penyelidikan ini.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian adalah satu kajian yang dirancang dengan bertujuan untuk menyelidik bagi menjawab kepada persoalan kajian. Pengkaji perlu membuat keputusan dalam menetapkan reka bentuk kajian sepenuhnya melalui kaedah kualitatif dengan merangkumi dua kaedah. Kaedah yang pertama adalah berkaitan dengan kepustakaan manakala kaedah yang kedua berkaitan teks yang dipilih sebagai sumber rujukan.

3.3 Kaedah Kajian

Berdasarkan kajian ini, pengkaji menggunakan pengkaedahan kualitatif bertujuan untuk memperoleh dan mengumpul data berkaitan dengan tajuk kajian yang dipilih iaitu, gaya bahasa dalam cerita rakyat Sabah penelitian terhadap teks *Magis Sang Manuk Bura* karya Angela Engkuan agar dapat menghasilkan satu kajian penyelidikan yang kemas dan baik. Penggunaan teks ini telah mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu supaya dapat menghasilkan kajian yang baik.

3.3.1 Kajian Kepustakaan

Pengkaji telah menggunakan kaedah kepustakaan bagi mencari dan mengumpul data untuk mendapatkan maklumat dengan lebih terperinci. Kaedah ini meliputi pembacaan terhadap buku-buku jurnal definisi yang dihasilkan oleh para sarjana yang lepas. Maklumat yang diperoleh menerusi sumber dokumen akan ditapis terlebih dahulu untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan sahaja. Pengkaji menggunakan khidmat Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan dan Perpustakaan Awam Kota Bharu.


3.3.2 Teks

Kaedah rujukan teks sangat penting dalam penghasilan kajian ini. Hal ini demikian kerana, pengkaji perlu melalui beberapa proses dalam membaca meneliti dan menganalisis gaya bahasa yang terkandung di dalam teks cerita rakyat yang dipilih menerusi buku *Magis Sang Manuk Bura* oleh Angela Engkuan. Buku ini dijadikan sebagai sumber rujukan utama untuk menganalisis. Buku ini mengandungi kepelbagaian cerita rakyat yang berasal dari negeri Sabah. Selain itu buku ini turut sarat dengan kepelbagaian gaya

bahasa. Pemilihan buku ini bersesuaian dengan tujuan kajian yang dijalankan. Hal ini dikatakan demikian, menerusi buku tersebut terkandung teks yang memaparkan gaya bahasa. Dengan adanya gaya bahasa yang terkandung di dalam buku ini dapat mengumpul dan akan dimasukkan pada bahagian 4 itu analisis kajian untuk analisis secara lebih terperinci.

3.4 Teori Pengkaedahan Melayu

Dengan pemilihan Teori Pengkaedahan Melayu adalah teori yang dihasilkan oleh seorang sarjana tanah air iaitu, Hashim Awang (1989). Teori tempatan ini sangat sesuai untuk digunakan dalam menganalisis karya-karya sastera Melayu yang menunjukkan keindahan kepada bahasa yang digunakan oleh pengarang. Teori ini diperkenalkan berlandaskan pada tahun 1989 dengan aspek kehidupan manusia. Teori ini berkait rapat dengan kehidupan manusia serta alam yang menjadi sebahagian daripada kehidupan. Teori ini dianggap bermakna kerana mampu menganalisis karya Sastera Melayu oleh para penulis karya tempatan. Teori pengkaedahan Melayu terbahagi kepada 2 iaitu, pengkaedahan Alamiah dan pengkaedahan keagamaan. Di dalam pengkaedahan keagamaan mempunyai pendekatan yang berteraskan nilai keimanan dan ketaqwaan yang berkaitan akidah agama Islam. Di dalam pengkaedahan keagamaan ini terbahagi kepada tiga iaitu, pendekatan dakwah, pendekatan seni dan pendekatan Kemasyarakatan yang saling berkait antara satu sama lain. Manakala, pengkaedahan Alamiah pula terbahagi kepada tiga iaitu, pendekatan gunaan, pendekatan moral, dan pendekatan firasat.



Carta 3.4: Teori Pengkaedahan Melayu

Teori pengkaedahan Melayu digunakan diaplikasikan di dalam kajian ini untuk mengkaji tentang keindahan yang terkandung di dalam teks Cerita Rakyat Sabah.

3.4.1 Pengkaedahan Alamiah

Menurut Hashim Awang (1989) mengatakan pengkaedahan Melayu adalah satu pendekatan yang menjelaskan tentang konsep keindahan alam tentang kebaikan, keindahan serta manfaat oleh manusia untuk mengjritik karya-karya sastera. Di bawah pengkaedahan Melayu mempunyai tiga pendekatan iaitu, pendekatan gunaan, pendekatan moral dan pendekatan firasat.

3.4.1.1 Pendekatan Gunaan

Pendekatan gunaan adalah yang berfokus tentang kebajikan di dalam sastera yang berbentuk isi yang berteraskan kepada kelebihan serta tatasusila. Pendekatan gunaan ini mempunyai elemen kepercayaan yang bercirikan tentang konsep alam dan mempunyai sebab yang tersendiri serta mempunyai fungsi dan matlamat yang bertunjangkan kepada aspek ekstrinsik dan intrinsik. Pendekatan gunaan mendefinisikan sebagai penekanan yang luas kepada aspek kebajikan dan ketatasusilaan (Hashim Awang, 2002). Melalui aspek yang telah memberi makna kepada Hashim Awang telah menjadikan seorang pengkritik dapat memerhatikan dan melihat sejauhmana pencapaian karya serta pengarang berusaha untuk menunjukkan segala persoalan yang muncul tentang segala kebaikan atau amalan yang menunjukkan segala perbuatan yang ingin disampaikan oleh pengarang.

3.4.1.2 Pendekatan Moral

Pendekatan moral pula adalah mencerminkan kesusasteraan dalam bentuk kejadian dan objek. Menurut Hashim Awang (1989) mengatakan pendekatan moral adalah suatu manfaat yang mempunyai ketinggian nilai terhadap sesuatu yang lebih yang melibatkan konsep pengalaman hidup seperti tingkah laku perbuatan yang berlakunya peristiwa diri seseorang yang akan menjadikan satu pengajaran sebagai satu iktibar.

3.4.1.3 Pendekatan Firasat

Pendekatan firasat adalah satu yang berkaitan dengan alam semesta yang membentuk sebagai pengalaman yang menjadikan kehidupan seorang insan. Pendekatan firasat ini dapat diperhatikan di dalam sastera yang mengandungi makna tersirat sebagai lambang yang menceritakan sesuatu kejadian.

3.4.2 Pengkaedahan keagamaan

Pengkaedahan keagamaan adalah bentuk pendekatan yang berlandaskan aspek akidah Islamiah. Menurut Hashim Awang (2002) menjelaskan bahawa pendekatan agama adalah sifat yang menggambarkan tanda keagungan dan kekuasaan Allah SWT. Pendekatan agama ini terdapat dua utama iaitu, nilai estetika dan moral.


3.4.2.1 Pendekatan Seni

Pendekatan seni merupakan di bawah pengkaedahan keagamaan. Pendekatan seni merupakan nilai-nilai estetika yang dapat dijadikan aspek keindahan penting untuk mewujudkan pokok persoalan. Menurut Hashim Awang (1989) menjelaskan berkenaan ciri-ciri yang terkandung di dalam pendekatan seni yang dapat diteruskan sebagai aspek agama Islam untuk mengamati keindahan yang terkandung. Unsur keindahan terjalin daripada perkara yang melibatkan tema dan watak.

3.4.2.2 Pendekatan Kemasyarakatan

Pendekatan kemasyarakatan adalah lebih terperinci kepada manfaat keadilan dan serta mencari kebaikan di dalam aspek keagamaan yang dapat membentuk satu komponen bertujuan keharmonian dan kebahagiaan kehidupan seseorang manusia. Perkara ini dapat menjadikan dan menghasilkan satu pengkajian yang dapat melihat sikap ketidakadilan dalam perkara negatif yang menjurus kepada keruntuhan akhlak.

3.5 Kerangka Konseptual



Rajah3.5: Kerangka Konseptual

3.6 Penutup

Bab ketika ini pengkaji lebih memperincikan tentang cara-cara yang digunakan untuk penghasilan kajian ini. Dalam bab ini juga pengkaji perlu mengemukakan kaedah kajian dan juga mengaplikasikan teori. Hal ini dikatakan demikian kerana, ia bertujuan untuk memastikan kajian yang dihasilkan mengikut prosedur yang diatur dan tersusun kemas. Pada bab 3 ini akan memastikan segala maklumat yang telah dicari dan dikumpulkan mengikut kehendak tajuk kajian yang ingin dijalankan. Penggunaan teori pengkaedahan Melayu adalah sebagai kajian dalam membentuk satu hujah atau analisis yang mantap. Metodologi kajian yang menggunakan kaedah kualitatif iaitu, kaedah kepustakaan dan rujukan teks serta penggunaan teori pengkaedahan Melayu berdasarkan ciri keindahan dapat digunakan oleh pengkaji dalam menghasilkan satu kajian yang menyentuh unsur gaya bahasa dalam genre cerita rakyat.

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Pada bahagian ini adalah untuk membentangkan menganalisis data yang telah dikumpulkan dan diperoleh oleh pengkaji dengan mengikut objektif kajian. Objektif pertama ialah mengenalpasti gaya bahasa dalam teks *Magis Sang Manuk Bura*. Objektif kedua pula adalah bincangkan gaya bahasa dalam teks *Magis Sang Manuk Bura* dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaji akan menghuraikan berkenaan data yang berkaitan gaya bahasa yang terdapat di dalam teks *Magis Sang Manuk Bura* oleh Angela Engkuan. Selain itu, pengkaji perlu menganalisis teks-teks dengan menggunakan satu prinsip dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaji hanya fokus kepada gaya bahasa sebanyak 6 gaya bahasa iaitu, gaya bahasa perbandingan, gaya bahasa pertentangan, gaya bahasa penyirnaan, gaya bahasa sindiran, dan gaya bahasa perulangan.

4.2 Gaya Bahasa Perbandingan

Menurut Wan Akmal Wan Semara (2005) mengatakan bahawa gaya bahasa perbandingan atau gaya bahasa kiasan adalah penggunaan bahasa secara kiasan untuk membuat perbandingan antara perkara dengan perihal lain untuk menjadikan suatu persamaan. Nik Hassan Nik Basri (2005) pula memberi pandangan bahawa bentuk bahasa perbandingan yang indah ini dapat memberi kesan dan membawa makna yang tertentu kepada pembaca. Gaya bahasa perbandingan adalah suatu teknik dalam kesusasteraan yang dapat digunakan untuk perbandingan kata. Menurut Za'ba (1990) menjelaskan tentang gaya bahasa yang mempunyai kiasan yang berasal dari analogi untuk membandingkan sesuatu perkara dengan perkara yang lain. Gaya bahasa perbandingan ini sangat jelas tentang membandingkan antara satu perkara dengan perkara yang dapat membawa makna yang berbeza. Gaya bahasa perbandingan ini dapat membentuk kesan sampingan kepada pembaca agar dapat menghayati penulisan yang disampaikan. Bahasa kiasan yang digunakan kebiasaannya untuk menjaga perasaan pembaca agar tidak mengguris hati pembaca, Bukan itu sahaja, bahasa kiasan ini juga digunakan untuk menjadikan ayat itu indah dan lebih gramatis.

Menurut pandangan Za'ba yang mengatakan bahasa kiasan ini berasal dari analogi, perbandingan bagi suatu perkara dengan sesuatu perkara yang lain agar dapat memberi kesan kiasan kepada objek perbandingan. Sebagai contoh gaya bahasa perbandingan yang kita dapat lihat adalah *'matanya bersinar bagaikan bintang di malam hari'*. Perbandingan yang melibatkan pelbagai aspek termasuk sifat dan perasaan akan lebih terperinci dan menggambarkan suatu objek dengan merujuk situasi perbandingan untuk membantu agar lebih memahami maksud yang ingin disampaikan secara tersurat dan tersirat. Gaya bahasa perbandingan ini terdiri daripada gaya bahasa simile, gaya bahasa metafora, gaya bahasa sinkope dan gaya bahasa imejan atau perlambangan. Gaya

bahasa perbandingan ini dapat mewujudkan satu bahasa yang indah kepada pembaca agar dapat mendengar dengan fokus. Gaya bahasa perbandingan ini dapat menimbulkan kesan yang menarik dan dapat menunjukkan keindahan pada bentuk yang bersifat indah dari segi isi, maksud dan rumusan.

4.2.1 Gaya Bahasa Simile

Gaya bahasa simile adalah gaya bahasa yang menggunakan kata banding. Gaya bahasa simile ini mempunyai perbezaan antara gaya bahasa yang lain kerana adanya penggunaan kata banding pada ayat yang ingin digunakan dalam sesebuah karya. Gaya bahasa simile merupakan gaya bahasa perbandingan yang membandingkan-bandingkan antara keadaan, peristiwa benda dengan benda yang lain. Perbandingan yang dapat dikenali kebiasaannya berlaku pada pengalaman khalayak. Simile adalah satu gaya bahasa yang membanding bandingkan antara perkara dengan perkara yang lain untuk menjelaskan sesuatu. Hal ini dikatakan demikian kerana, Setiap perkara yang dibandingkan mempunyai kata-kata 'seperti' 'bak' 'umpama' atau 'bagai' contohnya boleh dilihat berdasarkan petikan di bawah. Gaya bahasa simile adalah gaya bahasa perbandingan yang menggunakan perumpamaan kepada memberi makna terhadap setiap setiap perbandingan. Gaya bahasa simile telah menggambarkan terhadap dua aspek yang mempunyai perbezaan tetapi memiliki persamaan kepada perkataan yang ingin disampaikan.

Menurut Kamus Dewan (2016) simile adalah perumpamaan yang dijelaskan di dalam pengungkapan samada persamaan atau perbandingan antara orang, benda dan sesuatu perkara. Berdasarkan pandangan Sarjana mengatakan bahawa gaya bahasa yang berkaitan dengan perbandingan sesuatu dengan sesuatu benda yang lain. Nik Hassan

Basri (2005) mengatakan bahawa gaya bahasa simile merupakan kiasan secara jelas diungkapkan berdasarkan sesuatu perbandingan kata atau sesuatu benda yang dianggap sama. Gaya bahasa yang dijelaskan sememangnya berkaitan dengan perbandingan dengan menggunakan kata banding untuk menjelaskan ayat yang ingin di sampaikan agar dapat memberi kesan kepada pembaca. Md. Sidin & Mohd Saleeh (1998) setiap ungkapan gaya bahasa simile mempunyai gambaran melalui kata atau ungkapan yang dapat membentuk kepada deria. Gaya bahasa simile telah diberi pandangan oleh para sarjana telah mengatakan bahawa gaya bahasa simile akan memberi pandangan melalui kata yang disampaikan melalui deria.

Gaya bahasa simile ini dapat dilihat dalam cerita rakyat yang bertajuk *Magis Sang Manuk Bura*. Gaya bahasa simile yang diperoleh melalui teks dapat menjelaskan tentang perbandingan kata seperti:

Petikan 1

Kononnya pada zaman dahulu, ada sepasang suami isteri yang kaya-raya tinggal di sebuah kampung di negeri Sabah. Rumah mereka sangat besar dan cantik bagaikan istana. Meskipun kaya-raya, namun pasangan ini sangat baik hati dan bergaul mesra dengan penduduk kampung.

(Angela Engkuan, 2018: 1)

Menurut Fadzri Aris et al., (2013) mengatakan gaya bahasa simile adalah suatu perbandingan antara penggunaan kata seperti 'bak' 'umpama' atau 'bagai'. Berdasarkan gaya bahasa simile ini berkaitan dengan perbandingan dari perkataan yang diikuti dengan kata. Gaya bahasa simile ini adalah memdefiniskan kepada suatu kata yang telah

dibandingkan dengan menggunakan penegasan kata perbandingan. Gaya bahasa simile ini dapat membandingkan rumah mewah yang dimiliki oleh pasangan sejoli disamakan dengan istana. Hal ini dikatakan kerana, rumah yang dimiliki oleh mereka sangat besar dan mewah. Pada gaya bahasa simile 1 ini menunjukkan tentang rumah pemilik suami isteri yang hidup dalam keadaan kaya raya telah menggambarkan rumah yang dimiliki oleh mereka sangat mewah sehinggakan menggambarkan rumah yang mereka duduki sama seperti istana. Pasangan yang diceritakan pada teks *Magis Sang Manuk Bura* telah menggambarkan seorang yang memiliki kemewahan. Dengan menggunakan perkataan bagai akan menimbulkan kesan penegasan dalam maksud yang ingin disampaikan. Gaya bahasa simile ini dapat menjelaskan tentang gambaran yang ingin ditonjolkan atau mengindahkan pernyataan yang ingin disampaikan oleh penulis.

Petikan 2

Setelah mempunyai cahaya mata, mereka tidak lagi mengembara kerana hendak menjaga dan memberi sepenuh perhatian kepada satu-satunya anak lelaki mereka. Manuk Bura membesar dengan penuh kasih sayang, ditatang bagaikan minyak yang penuh.

(Angela Engkuan, 2018: 2)

Menurut Muhammad Haji Salleh (2006) menyatakan tentang estetika gaya bahasa simile adalah mempunyai keindahan dalam pengungkapan melalui kesusahan dan kesedihan. Menurut Muhammad Haji Salleh telah menjelaskan bahawa keindahan terhadap gaya bahasa dapat menggambarkan perasaan kepada setiap individu. Gaya bahasa simile yang terdapat pada gaya bahasa 2 ini telah menunjukkan adanya perbandingan yang ingin disampaikan oleh pengarang. Gaya bahasa simile yang dapat dijelaskan di dalam cerita ini adalah perbandingan kata dengan perkara yang lain. Pada gaya bahasa simile ini

mengatakan ditatang bagaikan minyak yang penuh. Penggunaan kata 'bagai' merupakan satu gaya bahasa simile yang dapat menegaskan kata tersebut. Penggunaan kata perbandingan ini untuk menunjukkan sikap suami isteri yang bersifat menjaga anak mereka dengan penuh kasih sayang dan membesarkan anak dengan memberi didikan yang sempurna. Gaya bahasa simile ini telah memberi kesan kepada ayat yang ingin disampaikan kepada pembaca atau audien. Gaya bahasa simile yang digunakan pada gaya bahasa 2 menunjukkan anak yang bernama Manuk Bura yang hidup membesar dengan penuh kasih sayang dan dibandingkan dengan ditatang bagaikan minyak yang penuh adalah membawa makna kepada penjagaan dengan teliti. Penggunaan kata bagai dapat menimbulkan kesan penegasan maksud yang ingin disampaikan seperti menjaga dengan dengan penuh kasih sayang.

Petikan 3

Puteri Nubung juga sudah lupa tentang pakaian sejak kehadiran anaknya. Namun demi melihat pakaian itu, hatinya bagaikan dipalu, berdebar kencang. Kini baru Puteri Nubung sedar, pakaian sakti yang disangkanya hilang diambil kera itu rupanya pakaian sakti miliknya itu disorok di rumah itu, disembunyikan oleh suaminya sendiri.

(Angela Engkuan, 2018: 69)

Menurut pandangan Afzan Bin Ali Hussin (2018) telah mendefinisikan tentang gaya bahasa simile adalah satu perbandingan dengan menggunakan kata banding seperti bak, bagai, ibarat, umpama dan sebagainya. Berdasarkan gaya bahasa simile ini menunjukkan tentang gaya bahasa yang cuba menyampaikan tentang perbandingan tetapi menyamakan makna yang ingin dinyatakan di dalam penulisan. Pengarang menghasilkan karya dengan menggunakan gaya bahasa simile untuk memudahkan khalayak memahami dan mudah untuk mengenali perbandingan tetapi sama maksud yang ingin disampaikan. Gaya

bahasa simile yang terkandung di dalam teks yang dikaji ini adalah kiasan yang menggambarkan kiasan yang membandingkan kata untuk menggambarkan perasaan seseorang. Gaya bahasa simile yang terdapat pada teks ini dapat menggambarkan perasaan seseorang yang dapat menegaskan dalam maksud yang sebenar. Gambaran yang dapat menggambarkan gambaran seorang puteri Nubung bahawa hatinya bercampur baur apabila mengetahui tentang bajunya yang telah disembunyikan oleh suaminya. Di dalam gaya bahasa 3 ini menunjukkan perasaan seorang isteri yang bercampur baur dengan marah, sedih kerana sikap suami yang menyembunyikan pakaiannya demi mendapatkannya. penggunaan perkataan 'bagai' menegaskan hatinya berdebar-debar menahan kemarahan.

Gaya bahasa simile yang dapat dikaitkan dengan teori pengkaedahan Melayu adalah pendekatan moral. Berdasarkan teks *Magis Sang Manuk Bura* karya angela Engkuan dapat mengkaitkan dengan konsep pengalaman hidup. Hal ini dikatakan kerana, pendekatan moral ini dapat menggambarkan tentang keindahan di dalam kehidupan masyarakat. Pendekatan moral ini sememangnya mempunyai nilai moral yang dapat menjadi contoh kepada masyarakat terutama pembaca. Pendekatan moral dapat dikaitkan dengan sumber alam yang dapat mewujudkan tentang sesuatu benda melainkan pengalaman hidup. Pendekatan moral ini mengkaitkan dengan keindahan kepada pembaca untuk menghayati teks yang disampaikan oleh pengarang untuk menjadikan sesebuah karya yang dihasilkan menjadi sebuah karya yang unggul. Dengan adanya gaya bahasa yang diterapkan dapat membantu pembaca lebih mempengaruhi emosi dan lebih yakin dengan sesebuah cerita yang disampaikan.

4.2.2 Gaya Bahasa Metafora

Gaya bahasa metafora adalah gaya bahasa perbandingan yang sama dengan gaya bahasa simile. Gaya bahasa metafora adalah gaya bahasa perbandingan untuk menghubungkan sesuatu objek kepada objek yang lain untuk menggambarkan suatu objek. Gaya bahasa metafora bersifat ringkas, tersusun rapi dan padat dengan maksud yang ingin disampaikan. Berdasarkan teks *Magis Sang Manuk Bura* karya Angela Engkuan mempunyai gaya bahasa yang berkaitan dengan perbandingan antara konkrit dan abstrak. Gaya bahasa ini merupakan bahasa kiasan yang digunakan sama ada secara lisan ataupun tulisan. Gaya bahasa metafora terdiri daripada satu perkataan yang bersifat konkrit dan satu lagi bersifat abstrak. Gaya bahasa mempunyai perbandingan secara tersirat dalam dua objek yang ingin disampaikan melalui daya imaginasi sehinggakan melahirkan konotasi yang segar dan baharu. gaya bahasa metafora ini mempunyai satu perbandingan antara dua objek yang dapat menggambarkan diri dan menerbitkan makna tersurat dan bahasa kiasan.

Muhammad Haji Salleh (2006) yang mengatakan bahawa nilai estetika dalam rasa agar dapat menjurus kepada melahirkan rasa setelah membaca atau mendengar serta menghayati teks sastera. Muhammad Haji Salleh menjelaskan bahawa gaya bahasa metafora ini mempunyai kesan keindahan untuk menggambarkan perasaan yang ingin disampaikan kepada pembaca ketika menghayati karya sastera. Abdullah Hassan (1993) metafora adalah sebuah kiasan yang tergolong dalam unsur penyindiran. Abdullah Hassan turut memberi pandangan tentang gaya bahasa metafora ini merupakan satu bahasa kiasan yang mempunyai unsur penyindiran terhadap sesebuah makna yang ingin disampaikan oleh penulis. Menurut Rahman Shaari (2001) menyatakan bahawa gaya

bahasa metafora adalah untuk memperlihatkan makna yang tersurat dan tersirat. Hal ini dikatakan kerana, gaya bahasa metafora ini dapat dilihat melalui makna yang disampaikan melalui nilai intrinsik dan nilai ekstrinsik.

Pada teks *Magis Sang Manuk Bura* karya Angela Engkuan (2018) mempunyai gaya bahasa metafora. Gaya bahasa metafora yang mempunyai makna kiasan yang dapat memwujudkan daya imaginasi kepada audien

Petikan 4

Memandangkan ibu bapa Manuk Bura kian berusia, lalu mereka pun merancang untuk mencarikan jodoh bagi anak tunggal mereka yang sudah semakin meningkat dewasa itu. Maka ibu Manuk Bura menyampaikan hasrat itu kepadanya.

(Angela Engkuan, 2018: 2)

Gaya bahasa metafora yang terdapat di dalam teks *Magis Sang Manuk Bura* adalah perbandingan antara dua perbezaan makna yang ingin disampaikan. Menurut Fadzri Aris et al. (2013) mengatakan metafora adalah perbandingan atau kiasan yang membandingkan dua perkataan yang mengandungi konkrit dan abstrak. Gaya bahasa ini mempunyai konkrit pada perkataan 'Anak' dan mempunyai abstrak 'tunggal'. Gaya bahasa metafora ini menggambarkan dua perkataan yang berbeza tapi menjadikan satu perkataan yang jelas untuk difahami. Sebagai contoh perkataan 'Anak Tunggal' ini menggambarkan seorang anak yang sememangnya tidak mempunyai adik beradik. Gaya bahasa metafora ini menunjukkan perbezaan makna yang dikaryakan oleh penulis seperti Anak dan Tunggal. Anak bermaksud baka yang diturunkan oleh ibu dan ayah. Manakala, tunggal pula membawa maksud hanya satu dan tidak ada yang lain lagi. Perkataan Anak dan Tunggal itu digabungkan telah menjadi satu makna yang dapat membawa maksud

anak yang tidak mempunyai adik-beradik yang lain. Hal ini dikatakan kerana, anak tunggal ini merupakan satu-satunya pewaris yang ada di dalam hubungan kekeluargaan itu.

Petikan 5

“Baiklah, ibu. Makanlah, ibu. Mulai hari ini kita tidak akan kelaparan lagi”
kata Umandak dengan wajah berseri-seri”

Sesungguhnya Umandak berasa hairan bagaimana *wakid* besar itu mampu memuatkan begitu banyak jenis makanan. Bukan itu sahaja, *wakid* itu juga tidak kering mengeluarkan makanan.

(Angela Engkuan, 2018 : 48)

Berdasarkan gaya bahasa metafora yang terdapat di dalam petikan di atas adalah mendefinisikan kepada makna yang disampaikan dalam tersurat dan tersirat yang dapat menjadi sebagai bahasa kiasan. Menurut Maslinda Yusof (1999) mengatakan metafora merujuk kepada proses linguistik yang melibatkan aspek kepada sesuatu objek yang membawa atau dipindahkankan kepada objek yang lain. Di dalam gaya bahasa 5 ini mempunyai gaya bahasa metafora yang menunjukkan dua objek yang berbeza. Dua perkataan yang digunakan adalah ‘wajah berseri-seri’ menggambarkan seseorang yang ceria dan bahagia. Dua perkataan yang berbeza makna tetapi dapat menjelaskan tentang apa yang berlaku di dalam penceritaan yang disampaikan. Dua perkataan yang digabungkan untuk menjadi sebuah kiasan yang dipanggil sebuah kiasan. Hal ini dikatakan kerana, gaya bahasa metafora yang dihasilkan oleh penulis mempunyai dua perkataan seperti ‘wajah’ dan ‘berseri-seri’. Wajah membawa maksud kepada anggota badan manusia yang dikategorikan sebagai mata, hidung dan mulut. Manakala, berseri-seri adalah membawa maksud kepada bercahaya atau lebih tersirat lagi adalah kelihatan cantik. Berdasarkan gaya bahasa di atas ia lebih membawa makna kepada wajahnya

seorang anak yang ceria ketika dapat menyenangkan hati seorang ibunya yang menyatakan bahawa mereka tidak akan kelaparan lagi.

Petikan 6

Penduduk kampung itu hidup bersatu hati dan saling bantu-membantu. Kesemua ikan hasil tangkapan mereka akan dikumpulkan dan akan dijual bersama. Kemudian hasil pendapatan pun akan dibahagi-bahagikan sama rata.

(Angela Engkuan, 2018: 53)

Gaya bahasa metafora yang dapat diambil dalam teks *Magis Sang Manuk Bura* adalah pada perkataan bersatu hati. Menurut Asmah Haji Omar (1996) menyatakan metafora terbatas terhadap bunga-bunga bahasa atau bahasa yang indah tetapi lebih kepada pengertian yang menggambarkan sistem konseptual sesuatu bahasa dan kepercayaan terhadap kebudayaan para penutur asli bahasa tersebut. Gaya bahasa metafora 6 menunjukkan perbezaan antara dua objek yang dinyatakan untuk memperkukuhkan makna dan kiasan yang disampaikan demi memudahkan pembaca menggerakkan daya imaginasi ketika menghayati karya. Perkataan bersatu hati merupakan satu gaya bahasa metafora adalah yang membawa maksud kepada makna tersurat dan makna tersirat. Hal ini dikatakan demikian kerana, penggunaan kata bersatu hati merupakan satu objek yang kita dapat lihat dan satu kita hanya boleh dengar dan tidak dapat dilihat. Ini akan mengakibatkan kita hanya boleh menilai sebagai satu makna tersurat dan makna yang tersirat agar dapat kita menjadikan sebuah makna kiasan. Bersatu membawa maksud kepada bergabung. Hati yang membawa maksud kepada anggota badan manusia di bahagian dalaman. Manakala, makna yang sebenar yang ingin disampaikan adalah bekerjasama.

Petikan 7

“Saya ada kerja di tempat lain ...,” jawab Dumaring tanpa memandangi muka isterinya.

Dumaring tidak berani untuk bertanya lagi kerana suaminya kelihatan dingin. Dumaring tidak sudi memandangi wajahnya lagi. Kindaman hanya mendiamkan diri. Berat mulutnya bertanya lagi apabila melihat suaminya seperti tidak suka ditanya

(Angela Engkuan, 2018: 119)

Gaya bahasa metafora adalah dua perkataan yang membawa makna kepada tersurat dan terkiasan. Menurut Maniyamin Haji Ibrahim (2006) mengatakan bahawa metafora adalah gaya bahasa kiasan secara langsung atau perbandingan yang berkaitan dua perkara tanpa menggunakan kata banding. Gaya bahasa metafora adalah gaya bahasa yang mempunyai perbandingan yang telah menghubungkan suatu objek dengan objek yang lain untuk menjadi suatu konsep. Gaya bahasa 7 ini mempunyai perkataan yang berhubung antara konkrit dan abstrak. Perkataan yang berhubung dengan konkrit adalah berat. Manakala, abstrak pula menunjukkan perkataan mulut. Gabungan perkataan berat mulut ini telah menggambarkan seperti mulut yang telah dikunci dan tidak dapat mengeluarkan apa-apa perkataan. Gaya bahasa metafora dapat dilihat pada perkataan berat mulut yang membawa makna kepada kiasan. Berat adalah membawa maksud kepada bebanan dan mulut adalah anggota badan manusia. Tetapi makna kiasan yang dikemukakan ini yang membawa maksud kepada orang yang tidak bercakap banyak atau pendiam. Berat mulut yang dimaksudkan oleh penulis ini dapat dikatakan bahawa Kindaman mendiamkan diri kerana melihat suaminya yang menunjukkan riaksi seperti tidak suka untuk ditanya.

Petikan 8

Jika tidak, sudah tentu dia dan ibunya tidak dapat makan apabila padi simpang mereka yang hanya sedikit itu sudah habis. Sementara, dia tidak mahu menghampakan ibunya jika dia balik dengan tangan kosong

(Angela Engkuan, 2018: 90)

Gaya bahasa metafora adalah penggunaan kata-kata yang dapat mengemukakan makna yang lain daripada makna tersurat atau lebih dikenali sebagai bahasa kiasan dengan gabungan kata konkrit dan abstrak. Berdasarkan gaya bahasa 8 ini mempunyai kata konkrit pada perkataan tangan dan abstrak pada perkataan kosong. Perkataan tangan kosong ini menunjukkan perbandingan pada satu objek tangan kepada satu objek kosong. Gaya bahasa metafora yang dapat dilihat dalam perkataan tangan kosong. Hal ini dikatakan demikian kerana, pada perkataan tangan yang terlihat jelas daripada konkrit dan abstrak. Tangan membawa maksud kepada anggota badan manusia. Kosong merupakan nilai. Manakala, tangan kosong membawa maksud kepada tidak membawa apa-apa barangan atau buah tangan. Tangan kosong ini merupakan bahasa kiasan yang dapat difahami untuk menegaskan agar dapat menggerakkan imaginasi pembaca.

Petikan 9

Rokiyah dan Yumandak sudah lama berkahwin tetapi belum dikurniakan cahaya mata. sudah lama mereka menunggu kehadiran anak dalam keluarga mereka belum menjadi kenyataan

(Angela Engkuan, 2018: 142)

Gaya bahasa metafora yang terdapat dalam teks *Magis Sang Manuk Bura* adalah pada perkataan cahaya mata. Gaya bahasa metafora ini menggambarkan penggunaan kata yang mengemukakan makna yang lain daripada yang lain. Metafora merupakan bahasa

kiasan yang menggunakan kata bandingan. perkataan cahaya mata merupakan gaya bahasa metafora kerana ia merupakan satu perbandingan gabungan antara cahaya mata. Seperti yang ramai memahaminya tentang cahaya adalah sesuatu yang dapat menerangi. Mata pula bermaksud anggota badan di bahagian muka. Tetapi, berdasarkan maksud yang cahaya mata adalah anak. Penggunaan perkataan cahaya mata pada petikan di atas adalah membawa maksud pasangan suami isteri yang masih menunggu kehadiran anak yang masih belum dikurniakan oleh Allah SWT.

Petikan 10

Maka sejak itu kusoi menjadi teman hidup si kogi. Kogi betina itu pula sungguh sayang kepada kusoi. Setiap hari Kogi itu akan turun dari pokok di atas pokok mencari buah-buahan yang sedap untuk Kusoi. Oleh sebab tempat itu terlalu tinggi sehinggalah mencecah awam, Kusoi tidak mampu berbuat apa-apa.

(Angela Engkuan, 2018: 191)

Gaya bahasa metafora merupakan bahasa kiasan yang digunakan dalam menyampaikan satu perkataan yang memberi makna kepada kata-kata banding. Gaya bahasa metafora ini mempunyai dua perkataan yang membandingkan ayat agar dapat memberi kesan penegasan kepada pembaca. Penggunaan kata teman hidup ini mempunyai kata banding antara teman dan hidup. Teman membawa maksud kepada kawan atau kenalan. Hidup adalah satu sifat yang bernyawa atau bernafas. Apabila digabungkan perbandingan kata tersebut menjadikan perkataan tersebut membawa makna kepada kawan di atas dunia ini.

Pada waktu yang sama, Mohammad Haji Salleh (1989) mengatakan bahawa gaya bahasa metafora yang diaplikasikan dalam karya dapat menggerakkan imaginasi pembaca. Gaya bahasa metafora sememangnya bersifat ringkas dan padat pada penggunaan bahasa

supaya mampu menghasilkan sebuah karya yang mantap. Berdasarkan teks *Magis Sang Manuk Bura* yang menceritakan tentang kehidupan masyarakat yang berkaitan dengan sumber alam di dalam kehidupan. Hal ini menunjukkan bahawa, teori pengkaedahan Melayu yang diaplikasikan dapat menggambarkan tentang kehidupan sesebuah masyarakat orang sabah mengikut kepercayaan mereka. Dengan adanya penulisan kreatif di dalam cerita rakyat sabah ini dapat menggerakkan imaginasi pembaca dengan menggambarkan watak-watak yang dinyatakan dalam teks. Unsur metafora yang digunakan sangat sesuai untuk kehidupan masyarakat dengan sumber alam. Dengan mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu dapat mengkaitkan dengan pendekatan kemasyarakatan. Teori ini dapat dikaitkan dengan masyarakat Melayu yang menjadikan alam sebagai sumber utama untuk memberikan kebaikan kepada pekerjaan, pengajaran dan sebagainya.

4.2.3 Gaya bahasa Personifikasi

Gaya bahasa personifikasi adalah satu unsur dalam kesusasteraan yang dapat digunakan pada kiasan atau perbandingan yang mempunyai sifat-sifat manusia sama ada dari segi perasaan, perwatakan mahupun tindak tanduk lainnya kepada objek-objek mati atau kepada binatang, idea atau hal-hal yang lebih abstrak. Gaya bahasa personifikasi adalah satu gaya bahasa yang mempunyai perbandingan melalui sifat manusia dengan perkara, haiwan, tumbuhan dan perkara yang tidak hidup. Gaya bahasa ini membandingkan kerana untuk menghasilkan satu kiasan yang dapat mewujudkan unsur realistik kepada kehidupan seorang manusia. Gaya bahasa personifikasi adalah pemberian sifat manusia kepada binatang, tumbuhan, atau benda yang bukan hidup. Ia dapat dilihat melalui benda atau objek, binatang, alam, seperti tumbuhan, bulan, binatang,

udara dan sebagainya yang berkaitan dengan peribadi, kecerdasan fizikal dan emosi seseorang manusia. Penggunaan gaya bahasa personifikasi dapat menjelaskan makna yang ingin disampaikan oleh penulis kepada pembaca atau audien.

Rahman Shaari (1993) gaya bahasa personifikasi adalah gambaran yang menggambarkan sifat manusia kepada sesuatu objek. Menurut pandangan tokoh yang mendefinisikan tentang gaya bahasa personifikasi adalah kerana kejadian gaya bahasa ini menimbulkan satu kiasan yang berlaku dengan gambaran objek dan sifat manusia. Sebagai contoh yang dapat diberikan adalah 'pokok sedang melambai-lambai'. Pokok merupakan tumbuhan. Mekanala, melambai-lambai adalah sifat manusia yang melambai. Jeniri Amir (2013) mengatakan personifikasi adalah perkataan yang diambil dari perkataan latin yang membawa maksud pelaku atau pelakon. Selain itu, Md. Sidin Ahmad Ishak & Mohd Saleeh Rahamad (2008) menyatakan gaya bahasa personifikasi adalah penampilan yang merujuk kepada benda yang tidak bernyawa dan dapat digantikan nama diri yang ketiga. Gaya bahasa personifikasi ini menggambarkan perkara yang tidak hidup dengan menggantikan kepada ganti nama diri yang ketiga.

Petikan 11

Setiap kali bertemu, Beruang sangat suka mempersendakan kura-kura. Beruang juga terkenal sebagai binatang yang sombong di dalam hutan itu, malah sangat suka berlagak

(Angela Engkuan, 2018: 30)

Gaya bahasa personifikasi adalah satu pemberian sifat manusia pada haiwan, tumbuhan dan objek yang tidak bernyawa. Gaya bahasa personifikasi ini menunjukkan satu unsur

kesusasteraan yang menggunakan kiasan atau perbandingan antara perandai manusia dengan perasaan, perwatakan ataupun kelakuan dengan objek yang tidak hidup atau objek mati seperti binatang, pokok, bulan, air dan sebagainya. Menurut Mohd Khir Kassim (2004) mengatakan bahawa personifikasi membawa maksud kepada pemberian sifat manusia kepada sesuatu benda seperti binatang, tumbuhan, keadaan atau peristiwa. Menurut pandangan Mohd Khir Kassim memberi pandangan terhadap gaya bahasa personafikasi yang menunjukkan sikap manusia kepada perkara yang tidak hidup. Pada gaya bahasa personafikasi mempunyai watak binatang yang menggunakan sifat manusia. Gaya bahasa personifikasi yang dapat dilihat seekor binatang yang bersifat lagak manusia. Hal ini dikatakan kerana, sikap seekor beruang itu menunjukkan sifat manusia yang mempunyai sifat sombong dan berlagak dengan penduduk di kawasan hutan itu. Seperti sedia maklum, kita tahu bahawa binatang adalah makhluk hidup yang berbagai spesies mamalia. Sifat sombong pula telah menggambarkan sifat manusia. Jadi kita dapat lihat bahawa sifat manusia ini terdapat pada watak binatang yang menggerakkan imaginasi pembaca untuk menyatakan maksud yang ingin disampaikan oleh penulis.

Berdasarkan teks *Magis Sang Manuk Bura* dapat dilihat melalui gaya bahasa personifikasi yang dapat menggambarkan tentang perbandingan antara manusia dengan objek yang tidak bernyawa. Hal ini dikatakan demikian kerana, pengaplikasian teori pengkaedahan Melayu yang dapat dikaitkan dengan gaya bahasa personafikasi ini dapat dikaitkan dengan pendekatan moral. Hal ini disebabkan kerana, pendekatan moral ini dapat menunjukkan tentang kehidupan manusia yang hidup sombong dan berlagak. Melalui pendekatan moral yang digunakan dapat dilihat pada watak beruang ini menggunakan sifat manusia yang angkuh sesama kehidupan haiwan-haiwan lain.

4.2.4 Gaya Bahasa Imejan/Perlambangan

Gaya bahasa imejan atau perlambangan adalah suatu objek, hidupan atau benda yang dapat mewakili kepada sesuatu makna yang besar. Imejan dan perlambangan adalah kata-kata tertentu yang dapat digunakan berupaya dalam mengatakan sesuatu luar kata yang tersendiri. Simbol sebenarnya berhubung dengan sifat konotasi. Sesuatu imejan yang berkaitan dengan sastera berimejkan dengan konsep iaitu, perkataan itu sendiri menjadi imejan. imejan atau perlambangan ini adalah merujuk kepada sesuatu yang besar makna dan mempunyai pecahan dan makna yang lain. Hal ini dikatakan demikian kerana, perlambangan boleh membentuk hal peribadi dan penggunaan perlambang ini begitu luas yang diambil daripada kata-kata seperti unsur alam, unsur binatang atau perlambangan yang boleh dibentuk demi mengatakan sesuatu yang umum demi menunjukkan gaya bahasa perlambangan.

Menurut Dewan Bahasa (2004) simbol adalah suatu yang melambangkan kepada sesuatu perkara subjek seperti Raja adalah kepala Negara. Perlambangan adalah perkara yang memberi perlambangan kepada satu subjek yang umum demi menunjukkan kepada sesuatu yang jelas dapat difahami. Menurut Fadzri Aris et al (2013), menyatakan suatu perkataan atau frasa yang digunakan untuk membawa maksud kepada sesuatu yang lain. Gaya bahasa imejan ini mempunyai suatu perkataan yang dapat digunakan untuk membawa makna kepada satu perkara yang lain. Imejan atau perlambangan adalah himpunan gambaran yang digunakan dalam sesebuah puisi untuk pembaca merasai maksud yang terkandung di dalam puisi menurut Yahaya (2010) pada kajian beliau di dalam penulisan *Sastera Penggerak Bahasa*. Perlambangan adalah satu kumpulan yang dapat digambarkan tentang perlambangan yang dapat dilihat pada pada sebuah puisi agar

pembaca dapat menghayati puisi yang dibaca mengandung makna yang tersirat dan tersurat.

Berdasarkan teks *Magis Sang Manuk Bura* karya Angela Engkuan (2018) mempunyai gaya bahasa imejan atau perlambangan yang menunjukkan satu kata yang dapat melambangkan suatu objek sama ada hidupan sama ada binatang, tumbuhan atau apa-apa perkara yang boleh dilihat untuk menunjukkan satu simbol yang umum.

Petikan 12

Tidak jauh dari pondok usang mereka, terdapat sebatang sungai. Setiap pagi umandak akan pergi ke sungai itu untuk memancing. Hasil Umandak memancing itulah akan menjadi makanan mereka setiap hari. Umandak juga akan Memetik pucuk paku yang boleh dimakan sebagai tambahan makanan mereka kerana hasil tanaman ubi kayu, keladi dan jagung tidak mampu lagi untuk menampung keperluan mereka anak-beranak.

(Angela Engkuan, 2018: 43)

Menurut pengkaji lepas Wan Akmal Wan Ismail (2023) yang mengkaji tentang gaya bahasa telah mendefinisikan tentang imejan adalah satu perlambangan kata-kata untuk menerangkan sesuatu benda, keadaan atau peristiwa untuk mewujudkan satu maksud yang mendalam terhadap penggunaan unsur alam. Gaya bahasa perlambangan adalah suatu perkara yang bernyawa atau tidak bernyawa atau benda yang mewakili atau mengambil tempat sesuatu yang lain. Lebih untuk difahami, simbol ini dapat dilihat daripada kata-kata unsur alam, simbol boleh dibentuk dan dapat diwujudkan daripada nama-nama terkenal. Menurut ayat penulis “tidak jauh dari pondok usang” menunjukkan kisah sekeluarga orang yang susah tinggal di rumah yang kecil dan serba kekurangan. Pondok usang menunjukkan sebuah pondok yang sudah lama dan ketidakmampuan dalam memperbaiki rumah.

Intihanya, teks *Magis Sang Manuk Bura* karya Angela Engkuan yang menunjukkan penggunaan gaya bahasa perlambangan. Melalui pengaplikasian teori pengkaedahan Melayu dapat dikaitkan dengan pendekatan moral. Hal ini dikatakan demikian kerana, Pendekatan Moral dapat dilihat pada gaya bahasa ini kerana mempunyai sifat tentang kehidupan masyarakat yang hidup dalam kesusahan. Kita dapat lihat di dalam kehidupan harian mesti akan adanya orang yang susah dan tidak berkemampuan. Bukannya mereka tidak berusaha, mereka telah pun berusaha tetapi nasib tidak menyebelahi mereka. Ini juga boleh dikaitkan dengan keagamaan di mana Allah mahu menguji hambanya. Tuhan juga menjanjikan selepas turunnya hujan akan adanya sinaran pelangi yang dapat meringankan beban mereka yang telah berjuang dalam mengharungi ujian yang mereka hadapi.

4.3 Gaya Bahasa Pertentangan

Gaya bahasa pertentangan membawa maksud kepada sesuatu gaya yang dapat dilihat pada pencanggahan makna atau maksud di dalam sesuatu ayat. Menurut pandangan Nadjua (2002) menjelaskan gaya bahasa pertentangan ini mempunyai makna yang bercanggah. Pandangan Nik Hassan Nik Basri (2005) menjelaskan bahawa gaya bahasa pertentangan ini mempunyai makna bentuk bahasa yang berbeza antara perkara dengan perkara yang lain. Gaya bahasa pertentangan juga adalah suatu teknik penyusunan kata atau frasa yang mempunyai tujuan dalam dua hal yang berlawanan untuk memberi gambaran kepada perbezaan signifikasi. Gaya bahasa pertentangan mempunyai tiga bahagian iaitu, gaya bahasa hiperbola, paradoks dan inversi (Abdullah Yusof, 2014).

4.3.1 Gaya Bahasa Hiperbola

Gaya bahasa hiperbola adalah berasal daripada perkataan Yunani yang membawa maksud kepada 'membesar-besarkan'. Gaya bahasa hiperbola adalah sebuah gaya bahasa yang dapat dilihat seperti berlebih-lebihan dalam menggunakan kiasan yang disampaikan. Gaya bahasa hiperbola ini dapat dilihat dalam penyampaian yang diungkapkan seperti bahasa kiasan secara berlebih-lebihan. Hal ini membawa maksud perkataan yang kecil sahaja tetapi memperbesarkan untuk memperlihatkan agar dapat memberi penegasan ketika sesuatu perkara yang ingin diketengahkan. Hiperbola menggambarkan sesuatu untuk menarik perhatian orang agar dapat mempercayainya.

Menurut Vijaya (2006) gaya bahasa hiperbola adalah sebuah gaya bahasa yang membesar-besarkan sesuatu hal atau keadaan. Selain itu, Jeniri Amir (2013) berpendapat bahawa gaya bahasa hiperbola digunakan untuk menegaskan sesuatu gambaran, sikap, suasana yang jelas untuk pembaca. Md. Sidin Ahmad Ishak & Mohd Saleeh Rahamad (2008) mengatakan bahawa gaya bahasa hiperbola adalah kata yang digunakan dengan berlebih-lebihan untuk dilihat jelas dengan sesuatu perkara.

Terdapat beberapa teks yang menggunakan unsur gaya bahasa hiperbola. Gaya bahasa hiperbola yang diperoleh di dalam teks dapat dilihat melalui perkataan yang digunakan oleh penulis dalam penggunaan kata yang berlebih-lebihan dalam menegaskan kata agar dapat difahami oleh pembaca.

Petikan 13

Air yang mengalir sungguh jernih dan di tebing sungai pula ditumbuhi bunga yang pelbagai jenis dan warna. sungguh cantik dan harum wangian kuntuman bunga-bunga di sana.

(Angela Engkuan, 2018: 54)

Berdasarkan gaya bahasa hiperbola ini membawa maksud pernyataan dibuat secara berlebih-lebihan dalam usaha menekankan sesuatu pandangan, idea atau peristiwa. Menurut Keraf (1981) mengatakan bahawa gaya bahasa hiperbola adalah seperti gaya bahasa yang mengandungi pernyataan yang berlebih-lebihan dan membesarkan sesuatu perkara. Gaya bahasa hiperbola yang dapat dilihat pada perkataan harum wangi. Hal ini dikatakan demikian kerana, penggunaan kata harum wangi itu menggambarkan satu perkara yang berlebih-lebihan dalam sebuah peristiwa. Penggunaan kata harum dan wangi ini menggambarkan maksud yang sama. Penggunaan kedua-dua perkataan tersebut menggambarkan gaya bahasa hiperbola yang membesar-besarkan sesuatu hal dan keadaan.

Petikan 14

Kandondan mengecilkan matanya, memandangkan sandangau dari hujung kepala hingga ke kaki. Dia menggelengkan kepalanya, lalu ketawa berdekah-dekah.

“Hei, perempuan kerdil... Kau sedar keadaan diri kau itu? Bagaimanakah kau hendak mengetam sedangkan rumpun padi pun lebih tinggi daripada kau? Mengetam serumpun padi mungkin sampai esok pun kau tidak akan selesai!” kata kandondan lalu ketawa terbahak-bahak. .

(Angela Engkuan, 2018: 87)

Gaya bahasa hiperbola adalah perbandingan yang melampau dan ada yang menjadi tidak logik. Menurut pandangan Fadzri Aris et al. (2013) mengatakan hiperbola adalah sejenis kiasan yang digunakan untuk membesarkan atau berlebih-lebihan daripada maksud yang sebenar. Berdasarkan gaya bahasa hiperbola yang digunakan dapat menimbulkan satu perkataan yang berlebih-lebihan. Hal ini dikatakan demikian kerana, penggunaan ayat

ketawa berdekah-dekah menggambarkan satu watak yang ketawa yang berlebihan. Penggunaan kata ini dapat memukau hati pembaca untuk membaca karya tersebut. Penggunaan kata ketawa berdekah-dekah itu menjadikan pernyataan yang disampaikan menjelaskan secara berlebih-lebihan dalam menekankan pandangan, idea atau peristiwa.

Petikan 15

Kindaman tidak berani untuk bertanya lagi kerana suaminya kelihatan sangat dingin

(Angela Engkuan, 2018: 118)

Gaya bahasa hiperbola ini membawa maksud kepada satu pernyataan yang disampaikan secara berlebih-lebihan melalui peristiwa, pandangan atau idea. Gaya bahasa hiperbola merupakan gaya bahasa pertentangan dan mempunyai makna yang ingin disampaikan berlebih-lebihan. Hiperbola adalah satu gaya bahasa yang mempunyai kiasan yang melampau. Gaya bahasa hiperbola yang dapat dikemukakan pada teks *Magis Sang Manuk Bura* yang dihasilkan oleh penulis adalah pada perkataan sangat dingin. Perkataan sangat dingin pada gaya bahasa 15 bukan menunjukkan keadaan yang sejuk. Malahan menunjukkan keadaan yang suram akibat seorang suami yang tidak suka akan ditanya dengan soalan yang kurang menarik baginya. Penulis menghuraikan gaya bahasa hiperbola ini untuk menunjukkan kiasan yang ada pada penulisan di dalam teks ini agar dapat menimbulkan kesan penegasan terhadap sesebuah teks yang dihasilkan. Hal ini dikatakan demikian kerana, penggunaan kata sangat dingin menunjukkan maksud yang berlebih-lebihan. Penggunaan kata sangat dingin sebenarnya boleh digunakan dengan perkataan lain kerana perkataan dingin boleh memberi makna kepada keadaan sejuk, suram, takut dan sebagainya. Tetapi penggunaan kata pada gaya bahasa hiperbola ini

digunakan demi menunjukkan seorang isteri yang menghormati keputusan suaminya yang tidak menjawab soalan dan mengakibatkan si isteri diam. Hal ini dikatakan kerana, penggunaan kata sangat ini dapat menunjukkan sesuatu perkara yang berlebihan. Maksud yang disampaikan adalah bermaksud sangat sejuk. Penggunaan perkataan sangat dapat menunjukkan perkataan berlebih-lebihan.

Petikan 16

Celapa emas yang cantik bersinar itu dikeluarkan dengan berhati-hati daripada bungkusan tengkoloknya. Pemuda itu meletakkan celapa emas itu di tengah-tengah tanah rata dan lapang, lalu membuat permintaan.

(Angela Engkuan, 2018: 181)

Pada teks ini menggunakan gaya bahasa hiperbola adalah membawa kepada perlambangan kepada satu ayat yang melampau dan secara berlebih-lebihan. Gaya bahasa hiperbola yang dipaparkan pada gaya bahasa 16 mempunyai percanggahan kata dan melampau . penggunaan kata cantik bersinar untuk menunjukkan barang celapa emas itu sungguh menawan. Demi melihat celapa emas itu dikatakan terlampau cantik ia akan bercanggah dengan perkataan bersinar. Hal ini menunjukkan gambaran barangan yang bersinar menjadi barang yang cantik. Gaya bahasa hiperbola ini telah menimbulkan satu perkataan yang menjadi tidak logik. Hal ini dikatakan kerana, penggunaan kata pada ayat cantik bersinar telah menggambarkan satu benda yang menunjukkan sesuatu perkara yang sangat cantik. Penggunaan kata cantik bersinar menunjukkan satu barang yang sangat cantik dan bersinar.

Petikan 17

Anak-anak gadisnya bulan sahaja berwajah cantik molek, tetapi juga memiliki hati yang baik, sangat rajin dan sangat sayang kepada mereka berdua. Anak-anak gadisnya saling menyayangi dan bantu-membantu antara satu sama lain.

(Angela Engkuan, 2018: 204)

Gaya bahasa hiperbola yang membawa maksud pernyataan dibuat secara berlebihan yang menjadikan sesuatu perkara. Hal ini dikatakan kerana, perkataan yang membawa makna kepada berlebihan ini adalah pada perkataan cantik molek. Perkataan cantik molek ini adalah satu perkataan yang berlebihan kerana cantik dan molek lebih kepada perkataan yang berganda untuk menampakkan satu ayat yang berlebihan.

Petikan 18

Alangkah terperanjatnya Tanakwagu apabila mendapat kamar itu juga sudah ditempati oleh gadis yang sangat jelita, lebih jelita daripada gadis di kamar pertama hingga kamar keenam

(Angela Engkuan, 2018: 239)

Gaya bahasa hiperbola adalah satu gaya bahasa yang digunakan oleh penulis untuk menunjukkan satu ayat yang berlebihan. Gaya bahasa yang terdapat dalam teks *Magis Sang Manuk Bura* menggambarkan satu sikap wanita yang sangat cantik. Pada perkataan sangat jelita menunjukkan satu ayat yang lebih kepada pujian yang melampau. Berdasarkan gaya bahasa hiperbola yang dapat dilihat melalui bahasa yang digunakan melalui pertentangan. Berdasarkan teori pengkaedahan Melayu dapat diaplikasikan Pengkaedahan Keagamaan dalam pendekatan kemasyarakatan. Pengaplikasian

Pendekatan Kemasyarakatan ini dapat dilihat tentang indahnya ciptaan Allah bahawa dia menunjukkan gadis pada setiap bilik didapati sungguh cantik dan menawan.

4.3.2 Gaya Bahasa Paradoks

Gaya bahasa paradoks adalah gaya bahasa pertentangan yang membawa maksud kepada percanggahan. Gaya bahasa paradoks adalah pembentukan kata yang memberikan kesan gambaran yang bertentangan dengan kenyataan fakta. Gaya bahasa paradoks ini dapat dilihat pada pemikiran penulis yang meneliti karya yang menjadi pertentangan demi menjelaskan makna dan pemikiran yang di ungkapkan oleh pengarang kepada pembaca. Paradoks adalah satu unsur retorika yang dapat digunakan untuk menarik perhatian pembaca agar dapat menekankan kepada makna dan pemikiran masyarakat untuk lebih memahami maksud yang ingin disampaikan oleh penulis. Penulis menghasilkan karyanya dengan menggunakan makna tersirat agar tidak menyinggung mana-mana hati samada pembaca dan juga penulis. Penyusunan gaya bahasa paradoks ini dapat menjadikan gaya bahasa yang penuh dengan kesan yang ingin disampaikan demi menjelaskan makna serta idea pengarang dalam menghuraikan makna yang sebenar.

Menurut Nik Hassan Basri Nik Ab Kadir (2005) menjelaskan makna tentang paradoks adalah satu gaya bahasa yang berkait dengan pertentangan antara fakta dan juga realiti. Berdasarkan pengkaji lepas Nik Hassan Basri Nik Ab Kadir telah mendefinisikan makna sebenar tentang gaya bahasa paradok adalah membawa maksud kepada pertentangan perkataan yang dibawa dari fakta kepada kejadian yang sebenar. Mohamad Yazid Keya et

al (2015) juga mendefinisikan bahawa paradoks adalah gaya bahasa yang bercanggah dengan realiti dan fakta. Menurut Nik Hassan Basri Nik Ab Kadir dan Mohamad Yazid Keya et al mempunyai pendapat yang sama tentang definisi bagi makna gaya bahasa paradok. Paradoks adalah sesuatu yang bercanggah dengan pandangan yang dapat diterima oleh umum (Kamus Dewan,2016).

Gaya bahasa paradoks ini dapat dilihat pada teks *Magis Sang Manuk bura* karya Angela Engkuan yang mempunyai percanggahan antara fakta dan juga realiti. Sekiranya kita dapat dilihat tentang paradoks ia akan menjadikan khalayak menimbulkan perasaan teruja untuk memahami makna yang ingin disampaikan.

Petikan 19

“Dundorian tersentak. “Benar, kak. Sekarang adik baru terfikir. Bagaimana perempuan itu tiba-tiba muncul di tebing sungai, sedangkan tempat itu tiada kampung. Aku yakin, perempuan itu bukan manusia!”

Manuk Bura mendengar dengan teliti percakapan Manurogo dan Dundurion. Perempuan jadi-jadian daripada upih pokok nibung? Segera dia terkenang kejadian semalam. Patutlah tubuhnya menjadi gatal dan pedih ketika perempuan itu berada di tempat tidurnya!”

(Angela Engkuan, 2018: 35)

Melalui teks *Magis Sang Manuk Bura* karya Angela Engkuan mempunyai gaya bahasa paradoks yang dapat dilihat pada gaya bahasa 19. Menurut Abdullah Yusof (2014) menyatakan tentang gaya bahasa paradok adalah gambaran kepada suasana atau keadaan yang mempunyai perlawanan tetapi mengandungi kebenaran terhadap pendapat umum. Gaya bahasa paradoks adalah satu gaya bahasa yang kita merasakan satu perkara yang bercanggah dengan pemikiran kita. Kita dapat merasakan satu perkara yang tidak mungkin berlaku dalam kehidupan kita. Berdasarkan gaya bahasa paradoks yang dapat kita lihat antaranya “perempuan jadi-jadian daripada upih pokok nibung” sangatlah

tidak masuk akal. Hal ini dikatakan kerana, percanggahan antara realiti dan fakta. Kita dapat lihat bahawa perempuan adalah manusia berjantina wanita. Manakala upih pokok nibung adalah dahan atau pelepah lebar daripada pokok nibung. Jelas disini kita lihat bahawa ada pertentangan antara fakta perempuan dari pokok nibung. Pengarang menggunakan ayat perempuan jadi-jadian ini untuk mengundang perasaan terpesona terhadap ketajaman daya pemikiran pengarang.

Petikan 20

Ulat sebesar lengannya itu kelihatan sangat terkejut. Cebisan daun dan pelepah keladi berciciran jatuh dari mulut ulat besar itu. Maloheng yang sedang geram lalu mengangkat batang bambu, bersedia untuk menghambat ulat besar itu. Tiba-tiba ulat besar itu menjerit.

"Ampun ... aku minta ampun ... jangan pukul aku..."

(Angela Engkuan, 2018: 134)

Berdasarkan teks *Magis Sang Manuk Bura* karya Angela Engkuan dapat dilihat tentang gaya bahasa paradoks. Gaya bahasa paradoks ini dapat dilihat tentang gambaran suasana yang mempunyai berlawanan tetapi mengandungi kebenaran terhadap pendapat orang ramai. Gaya bahasa paradoks ini mempunyai percanggahan dengan pemikiran manusia yang menyebabkan kita sebagai manusia tidak dapat berfikir secara logik. Perkara yang dikarang oleh penulis telah menguji pemikiran pembaca untuk mendalami makna tentang gaya bahasa paradok. Gaya bahasa paradoks adalah mendefinisikan kepada percanggahan dari suatu perkataan. Kita dapat lihat bahawa gaya bahasa paradoks yang terdapat pada gaya bahasa 20 adalah ulat besar menjerit dan boleh bercakap. Hal ini kita bayangkan ulat yang bercakap itulah menunjukkan tidak logik dari pemikiran kita sebagai manusia kerana ulat merupakan haiwan. Bagaimanakah haiwan boleh bercakap. Kita dapat mengenalpasti tentang ulat yang boleh berdialog ini

menunjukkan percanggahan dengan pemikiran kita. Percanggahan dengan pemikiran kita ini akan memberikan pandangan kepada pembaca untuk berfikir dengan lebih mendalam untuk memahami perkara yang ingin disampaikan oleh pengarang.

Secara tuntasnya, gaya bahasa paradoks ini dapat dilihat melalui bahasa yang digunakan mempunyai percanggahan antara fakta dan realiti. Berdasarkan teori pengkaedahan Melayu yang dapat diaplikasikan di dalam gaya bahasa paradoks adalah pendekatan alamiah dan keagamaan. Hal ini dikatakan kerana, kedua-dua petikan yang dinyatakan dapat dikaitkan dengan pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan firasat. Pada petikan 19, pendekatan kemasyarakatan dapat dikaitkan dalam gaya bahasa paradoks ini kerana ianya menjadi lumrah hidup antara masyarakat. Di dunia hari ni, sememangnya ada orang yang bersifat kejam dan munafik dalam hidup untuk menjatuhkan orang lain demi kepentingan diri sendiri. Perihal ini sangatlah tidak wajar dalam ajaran Agama Islam kerana Allah SWT juga menasihatkan kepada hambanya untuk berlaku adil dan berkelakuan baik. Tuhan juga menjanjikan kepada setiap hambanya yang melakukan kebaikan akan turut menerima kebaikan di dalam setiap kehidupannya. Manakala, pada petikan 20 dapat dikaitkan dengan pendekatan firasat. Hal ini menunjukkan tentang binatang yang boleh bercakap. Kemungkinan binatang ini mempunyai hubung kait antara sumpahan atau perkara ghaib. Hal ini amat jelaslah bahawa gaya bahasa paradoks ini mempunyai percanggahan dengan pemikiran dan mengandungi pertentangan antara realiti dan fakta. Hal ini menunjukkan realiti membawa maksud kepada ulat dan fakta adalah boleh bercakap dan menjerit.

4.4 Gaya Bahasa Penyirnaan

Gaya bahasa penyirnaan adalah pengguguran sesuatu suku kata, frasa dan sebahagian ayat untuk menimbulkan kesan bunyi dan memudahkan pembaca untuk lebih memahami. Nik Hassan Nik Basri (2006) menjelaskan maksud gaya bahasa penyirnaan adalah pengguguran huruf sisipan yang berlaku pada perkataan atau menghilangkan huruf pada kata tengah perkataan. Menurut kamus dewan (2017) mengatakan penyirnaan adalah pengguguran atau penghapusan atau penghilangan. Penyirnaan ini membawa maksud kepada pemusnahan kata yang dapat dilihat pada ayat untuk memudahkan pembaca lebih memahami. Menurut Mohamad Yazid Kerya (2015) mengatakan gaya bahasa penyirnaan ini hanyalah berkait dengan satu gaya bahasa iaitu, sinkope.

4.4.1 Gaya Bahasa Sinkope

Gaya bahasa sinkope merupakan gaya bahasa singkatan bagi setiap sesuatu perkataan. Penggunaan gaya bahasa ini menjadikan perkataan yang digunakan lebih singkat tetapi masih boleh untuk pembaca memahami perkataan yang disampaikan. Sebagai contoh perkataan 'aku' menjadi singkatan kepada 'ku'. Penggunaan gaya bahasa sinkope ini tidak memudaratkan kepada pembaca untuk memahami kerana singkatan yang digunakan masih boleh untuk pembaca memahami maksud yang ingin disampaikan dengan lebih jelas.

Menurut pengkaji lepas Wan Akmal Qan Ismail (2023) mendefinisikan tentang gaya bahasa sinkope adalah perkataan yang dipendekkan atau pengguguran pada suku kata

daripada perkataan asal. Pengguguran suku kata akan menjadikan perkataan ieu pendek tapi masih membawa makna yang sama dan masih boleh difahami apa yang ingin disampaikan. Menurut Kamus Dewan (2016) sinkope adalah menggugurkan satu atau lebih huruf atau suku kata dari ayat sesuatu perkataan. Menurut Fadzri Aris et al (2013) mengatakan sinkope adalah singkatan bagi sesuatu perkataan. Menurut pandangan Fadzri Aris et al yang menjelaskan kata singkatan yang dibuat pada satu ayat sama ada semasa komunikasi atau ketika penyampaian melalui tutur kata atau tulisan.

Petikan 21

“Seharian? tidak, sansang.. kau sudah tujuh hari tidak pulang. Kami berasa bimbang tapi kami tidak berani pergi mencari kau... bimbang ada binatang buas di dalam hutang itu”.

(Angela Engkuan, 2018: 67)

Gaya bahasa sinkope merupakan singkatan sesuatu perkataan yang diubah menjadi lebih singkat. Gaya bahasa sinkope terdapat pada teks *Magis Sang Manuk Bura* mempunyai singkatan pada ayat kau. Hal ini dikatakan kerana, penggunaan ayat kau merupakan satu singkatan dari perkataan engkau. Penggunaan kata kau menunjukkan satu singkatan yang dapat dikenalpasti bahawa penggunaan gaya bahasa sinkope digunakan pada perkataan tersebut.

Petikan 22

“Tanggiling, boleh saya mengambil upah mengetam padi di ladang kamu?” tanya sandangau dengan penuh harapan.

Tanggiling tersenyum mengejek. “kamu ini hendak mengetam padi saya?” tanyanya.

(Angela Engkuan, 2018: 85)

Gaya bahasa sinkope adalah perkataan yang di singkatkan untuk memudahkan pembaca untuk lebih memahami. Hal ini dikatakan kerana, gaya bahasa sinkope lebih tepat kepada singkatan sesuatu perkataan yang menjadi lebih memahami. Gaya bahasa sinkope terdapat pada teks *Magis Sang Manuk Bura* mempunyai singkatan pada perkataan tanyanya. Perkataan tanyanya ini di singkatkan daripada perkataan tanya dia untuk memudahkan pembaca memahami ayat yang ingin disampaikan oleh penulis.

Petikan 23

‘jika beginilah perangai si tataru ini keringlah darah dalam badan aku ini habis dihisap olehnya. Tataru ini tidak bertimbang rasa padaku; hati Moloheng mulai mengeluh

(Angela Engkuan, 2018: 137)

Gaya bahasa sinkope adalah satu pengguguran dalam suku kata dalam perkataan. Gaya bahasa sinkope dapat dilihat pada teks *Magis Sang Manuk Bura* pada perkataan padaku. Hal ini dikatakan kerana, penggunaan perkataan padaku merupakan pengguguran huruf yang dapat dilihat pada huruf A. Pada asalnya, ayat yang digunakan dalam teks padaku tetapi pengguguran huruf A yang menjadikan ayat sebenar diubah. Ayat padaku sebenarnya daripada perkataan pada aku.

Petikan 24

“Anak-anak siapakah mereka ini, bang?” tanya Yumandak dengan perasaan teruja

(Angela Engkuan, 2018: 148)

Gaya bahasa sinkope adalah penguguran huruf pada sesuatu perkataan untuk singkatkan lagi sesuatu perkataan. Berdasarkan gaya bahasa sinkope ini mempunyai pengguguran huruf yang dapat dilihat pada perkataan ‘bang’. Pengguguran huruf A masih lagi dapat memahami maksud yang ingin di sampaikan oleh pengarang. Pengguguran huruf yang telah menjadikan sesuatu perkataan menjadi lebih singkat. Pada perkataan yang dikarya oleh penulis dengan singkatan perkataan bang. Perkataan bang telah disingkatkan kepada perkataan abang.

Petikan 25

“kau...tidak boleh lari daripada aku. Kau laki aku! Kau milik aku! Tidak lama lagi kita akan punya anak!” marah Kogiu itu, lantas turun dari pokok.

(Angela Engkuan, 2018: 192)

Gaya bahasa sinkope merupakan satu penggunaan kata yang mengurangkan suku kata dalam suatu perkataan atau frasa untuk menghasilkan kesan singkatan dalam sebutan. Gaya bahasa sinkope ini menjadi penghilangan huruf atau suku kata untuk menjadikan perkataan atau ayat menjadi lebih ringkas tetapi masih boleh untuk difahami. Pada gaya bahasa sinkope ini dapat dilihat pada penggunaan perkataan ‘kau’ telah diubah daripada perkataan ‘engkau’. Perkataan ini menjadikan perkataan itu singkat tetapi masih dapat difahami kerana tidak mengubah apa-apa maksud. Perkataan ‘engkau’ dan ‘kau’ mempunyai maksud yang sama kerana ia melambangkan orang yang kedua.

Berdasarkan gaya bahasa sinkope yang dapat dikaitkan dengan teori pengkaedahan Melayu adalah penkaedahan alamiah. Hal ini dikatakan kerana, penggunaan kata yang digunakan oleh pengarang telah menggugurkan suku kata atau frasa untuk menimbulkan kesan kepada pembaca untuk lebih memahami. Berdasarkan gaya bahasa sinkope pada petikan 25 dapat dikaitkan dengan pendekatan moral. Gaya bahasa sinkope ini dapat dikaitkan dengan pengkaedahan Alamiah yang berkaitan dengan Pendekatan moral. Pendekatan Moral ini dapat dikaitkan dengan kisah kehidupan orang yang bernyawa. Kisah ini juga menunjukkan sikap seekor orang Utan yang ingin hidup berpasangan. Tetapi dalam masa yang sama dia menggunakan manusia dan menyusuh menjadikan dia suaminya. Hal ini menjadi lumrah kehidupan yang sememangnya yang bernyawa hidup mempunyai keinginan dalam kehidupan berpasangan. Hal ini dikatakan kerana, Allah telah menciptakan di dunia ini mempunyai dua jantina iaitu, lelaki dan perempuan samada manusia dan juga haiwan. Jadi kita tidak hairan sekiranya Orang Utan tersebut ingin hidup berpasangan tetapi ia salah memilih manusia untuk menjadikan suaminya.

4.5 Gaya Bahasa Sindiran

Gaya bahasa sindiran adalah satu kata yang digunakan untuk mengejek. Menurut kamus dewan (2017) sindiran adalah perkataan yang digunakan untuk mengeji dengan cara halus dan tidak terang-terangan. Gaya bahasa sindiran ini adalah memberi ujaran melalui pertuturan untuk dituju kepada seseorang dengan bahasa kiasan dan penyampaian mempunyai makna yang bertentangan (Zainal Abidin Ahmad, 1965). Siti Norsyahida Mohd A Rashid et al.(2017) mengatakan bahawa gaya bahasa sindiran ini dikenali sebagai ragam bahasa yang dapat digunakan oleh seseorang untuk menyampaikan dengan kata-

kata halus dengan tidak mengguriskan hati seseorang. Gaya bahasa sindiran ini mempunyai ironi, sinisme, dan sarkasme.

4.5.1 Gaya Bahasa Ironi

Pengarang dalam teks *Magis Sang Manuk Bura* telah menerapkan gaya bahasa ironi. gaya bahasa ironi yang terkandung di dalam teks ini dapat melindungi makna untuk menyampaikan maksud yang berlainan. Gaya bahasa ironi adalah membawa maksud kepada berlawanan yang dapat diujarkan. Gaya bahasa ironi ini memberi perlawanan antara maksud penyampaian dan perasaan. Petikan di bawah dapat dilihat bahawa penyampaian yang sedih tetapi ia ikhlaskan apa yang berlaku. Gaya bahasa ironi ini dapat digunakan untuk menonjolkan harapan dengan kenyataan, dan antara suasana yang dikemukakan. Gaya bahasa ironi ini adalah bertujuan untuk menarik perhatian khalayak supaya mengenali tentang pertentangan antara yang dapat dilihat dari segi pertuturan yang berbeza dengan maksud yang berlainan. Gaya bahasa ironi juga dapat dikenali dengan bahasa yang terbalik.

Nor Hashimah (1992) ironi ialah setiap ujaran yang mengandungi unsur sindiran. Menurut kamus dewan (2016) mengatakan ironi adalah membawa kepada sesuatu yang mengemukakan sesuatu yang bertentangan dengan jangkaan menjadi hakikat. Rahman Shaari (1993), ironi ialah gaya bahasa yang mengatakan sesuatu dengan menggunakan hal lain yang berlawanan tuju agar orang yang dituju secara halus.

Gaya bahasa ironi dapat dilihat pada karya *Magis Sang Manuk Bura* yang dapat dikemukakan. Gaya bahasa ironi yang mempunyai unsur sindiran.

Petikan 26

“Aku serahkan saja kepada ibu. jika baik bagi ibu, maka baiklah juga bagiku”

(Angela Engkuan, 2018: 3)

Gaya bahasa ironi yang terdapat pada teks kajian yang dikaji adalah gaya bahasa sindiran yang menyatakan sesuatu tetapi mempunyai makna yang lain. Hal ini dikatakan demikian kerana, perwatakan Manuk Bura yang berserah kepada ibunya untuk mencarikan isteri kepada nya. Dalam pada masa yang sama dia menurut saja apa pilihan ibunya yang menjadikan dirinya redha akan jodoh yang telah ditetapkan walaupun pada masa yang sama beliau tidak pernah wujud perasaan untuk mencari calon isteri pada ketika itu.

Petikan 27

“Kalau begitu, apa kata abang saja yang berkahwin. carilah gadis yang sesuai untuk menjadi isteri abang” cadangan indaman dengan perasaan sedih

(Angela Engkuan, 2018: 108)

Gaya bahasa ironi membawa maksud bahasa sindiran yang mengatakan bahasa sesuatu tetapi yang mempunyai makna yang berbeza. Penggunaan gaya bahasa ironi ini mengakibatkan pengkarya menggunakan gaya bahasa ironi untuk menggerakkan imaginasi pembaca agar dapat memahami sudut hati ungkapan yang disampaikan dengan isi hati penyampai. Perbezaan maksud yang ingin disampaikan ini menjadikan penulis lebih mengenali gaya bahasa ironi yang mempunyai perbezaan makna dan sindiran.

Berdasarkan gaya bahasa ironi yang dapat diaplikasikan teori pengkaedahan Melayu adalah pengkaedahan keagamaan. Berdasarkan petikan 26 mengatakan Pengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu dengan menggunakan Pendekatan Seni di bawah Pengkaedahan Keagamaan sangat digalakkan kerana mempunyai nilai murni yang terdapat di dalam teks *Magis Sang Manuk Bura* yang dapat dilihat bahawa seorang anak yang patuh dan taat dengan keputusan ibunya. Symbolisme keagamaan dapat dilihat kerana sikap menghormati ibu bapa merupakan ajaran agama Islam yang banyak disebut dalam Al-Quran dan Hadis. Manakala, petikan 27 dapat dikaitkan dengan pendekatan kemasyarakatan. Lumrah kehidupan setiap manusia mesti ingin merasakan kebahagiaan. Setiap manusia mempunyai perasaan untuk mendirikan rumahtangga. Perkahwinan dalam islam juga disarankan sekiranya mempunyai kebaikan dan dapat memupuk nilai-nilai penting dalam islam seperti nilai kepercayaan, nilai kejujuran dan nilai kesetiaan. Pendekatan kemasyarakatan ini dapat dilihat mempunyai nilai-nilai moral dan etika sosial yang dapat membentuk perilaku bermasyarakat yang baik.

4.5.2 Gaya Bahasa Sinisme

Gaya bahasa Sinisme adalah satu sindiran yang disampaikan secara terang-terangan lebih kepada ejekan. Menurut pengkaji lepas Wan Nur Akmal Wan Ismail (2023) mendefinisikan sinisme adalah sindiran yang tajam dan bersifat ejekan melalui keikhlasan hati orang yang menyampaikan. Keraf (2007) menjelaskan tentang makna sinisme adalah sindiran yang tulus dari hati seseorang. Sinisme ini lebih senang untuk difahami adalah sinis. Kamus Dewan (2016) mengatakan sinis adalah satu sikap yang suka menceritakan atau mengejek atau memandang rendah terhadap kekurangan sesuatu sama ada orang, kawasan persekitaran, dan lain-lain.

Petikan 28

“Kundinding, boleh saya mengambil upah mengetam padi di ladang kamu?”

“Orang kerdil macam kau ini mahu mengetam padi?” tanya Kundinding. Dipandangnya Sandagau sambil tergelak.

“ Lebih baik kau balik ke rumah ... makan dan tidur sahaja. Orang macam kau ini mana mampu mengetam padi di ladang aku yang luas itu,” kata Kundinding sambil mencemikkan bibirnya.

(Angela Engkuan, 2018: 84)

Gaya bahasa sinisme ini amatlah jelas terapar pada watak seorang yang mengejek perempuan kerdil. Sifat mengejek yang dapat dilihat adalah lebih kepada mengejek sifat fizikal seseorang yang terbantut akan pertumbuhan badan. Masyarakat pada hari ini sangatlah suka memandangkan fizikal seseorang. Tingkah laku yang terdapat pada sifat Kundinding itu sangatlah tidak wajar kerana ia merupakan sifat mementingkan diri dan menghina orang lain. Pendekatan moral dapat dikaitkan dengan gaya bahasa sinisme ini kerana ia berkaitan dengan kehidupan. Hal ini kita dapat lihat semakin ramai manusia yang suka memandangkan rendah akan kekurangan orang lain. Kita dapat lihat manusia kini lebih gemar memandangkan fizikal seseorang berbanding pengalaman seseorang dan manusia juga berhak untuk diberi peluang agar mereka dapat belajar tentang perkara-perkara tertentu. Pendekatan moral ini kita dikaitkan dengan kehidupan seseorang yang dipandang rendah akibat fizikalnya yang kerdil dan terbantut akibat tumbesaran. Allah SWT tidak suka akan manusia yang mempunyai sifat sedemikian kerana akan menjadikan seseorang yang mementingkan diri sendiri dan akan dibenci oleh masyarakat.

4.6 Gaya Bahasa Perulangan

Gaya bahasa perulangan adalah mengulang-ulang perkataan, frasa, kata dan suku kata pada sesuatu ayat. Menurut kamus dewan (2017) perulangan adalah perkara yang diulang-ulangi. Menurut Za'ba (2002) mengatakan gaya bahasa perulangan adalah perulangan sebagai mengulang sesuatu kata atau ayat yang bertujuan untuk memperkukuhkan lagi maksud yang ingin disampaikan. Gaya bahasa perulangan ini dihasilkan akan memberi kesan kepada penulisan dan akan menimbulkan irama dalam karya (Nor Fazzira Mohd Zamri etal, 2022). Gaya bahasa perulangan ini terdiri daripada gaya bahasa asonasi, gaya bahasa aliterasi dan gaya bahasa epifora. Menurut Mana Sikana (1998) menegaskan bahawa perulangan bertujuan untuk memperkukuhkan makna serta memberi kesan penegasan kepada aspek bunyi agar kerap digunakan dalam penghasilan bunyi bahasa.

4.6.1 Gaya Bahasa Anafora

Gaya bahasa anafora adalah satu perulangan perkataan pada awal baris atau secara berturutan di awal baris. Perulangan perkataan di awal baris dapat menimbulkan kesan irama dan rentak melodi yang indah untuk memberi kelembutan kepada pembaca dan pendengar. Gaya bahasa anafora bertujuan untuk memberi kesan penegasan kepada makna tertentu yang dapat pada penulisan karya. Gaya bahasa anafora ini memberi kesan tertentu dan ada juga bertujuan untuk menarik perhatian khalayak untuk menghayati penulisan yang dihasilkan oleh pengkarya.

Menurut Nik Hassan Nik Basri (2005) mengatakan anafora adalah gaya bahasa yang mengulang-ulang perkataan sama pada setiap baris yang pertama atau pada awal setiap ayat. Gaya bahasa anafora dalam teks kajian adalah estetika untuk mewujudkan kesan kesedihan dan kesusahan (Muhammad Haji Salleh, 2006). Menurut Rahman Shaari (1989) mendefinisikan anafora sebagai pengulangan kata pada awal baris untuk menegaskan sesuatu perkara.

Petikan 29

“Tidak asa makanan. Aku sendiri pun sedang lapar. Pergilah kauminta daripada orang lain”

“tidak mengapalah, Kandandon. Saya minta maaf ... saya cuba nasib di tempat lain,” kata Sandangau lalu melangkah.

(Angela Engkuan, 2018: 87)

Berdasarkan gaya bahasa anafora yang dapat dikemukakan dengan ayat pengulangan ‘tidak’ telah diulang berturut-turut pada kedua-dua dialog yang telah diungkapkan oleh Kandandon dan Sandangau. Gaya bahasa anafora adalah perulangan perkataan pada awal baris. Menurut teks *Magis Sang Manuk Bura* mempunyai teks yang menunjukkan perulangan perkataan ‘tidak’ yang menjadikan perkataan tersebut sebagai gaya bahasa anafora. Hal ini dikatakan kerana, perulangan perkataan tidak pada kedua-dua dialog yang di tuturkan menjadikan perkataan tersebut menjadi perulangan kata di awal baris. Perulangan kata di awal baris ini semestinya mempunyai kesan keindahan kepada audien sama ada pembaca atau pendengar. Pengarang menghasilkan tulisan ini untuk mewujudkan rasa estetika ketika menghayati cerita yang disampaikan. Perulangan perkataan ‘Tidak’ yang terdapat dalam teks *Magis Sang Manuk Bura* ini dapat memberi kesan keindahan kepada makna yang ingin disampaikan oleh penulis. Unsur anafora yang terdapat pada teks ini bertujuan untuk memberi penegasan kepada mesej yang

disampaikan oleh penulis kepada pembaca. Teori pengkaedahan Melayu yang digunakan pada teks ini dapat dikaitkan dengan pendekatan kemasyarakatan. Hal ini dikatakan demikian kerana, penggunaan pendekatan kemasyarakatan adalah untuk menggambarkan sikap masyarakat yang berlagak dan tidak mahu untuk membantu sesama sendiri dan suka memperendah-rendahkan orang lain.

4.6.2 Gaya Bahasa Asonansi

Gaya bahasa asonansi adalah perulangan bunyi huruf vokal. Sesebuah penulisan mestilah menggunakan huruf vokal untuk menjadikan penulisan senang dibaca. Adanya huruf vokal pada penulisan dapat menjadikan penulisan lebih menarik dan senang untuk difahami. Perulangan huruf vokal ini amatlah memberi kesan kepada sesebuah penulisan untuk menjadikan sesebuah penulisan lebih estetik dan dapat menarik perhatian khalayak untuk menghayati keindahan unsur bunyi yang dilontarkan.

Menurut Rosnani Md Zain et al (2019), mendefinisikan gaya bahasa asonansi adalah perulangan bunyi vokal yang sama. Nik Hassan Nik Basri (2006) mengatakan terdapat enam jenis bunyi vokal Melayu yang diperolehi seperti a,e,i,o,u di dalam penulisan untuk menghasilkan bunyi yang indah. Gaya bahasa asonansi tidak membawa maksud tetapi ianya memberi kesan dalam setiap perbicaraan (Rahman Shaari, 1993).

Petikan 30

Maka bermula hari itu, kura-kura pun sering memainkan bangkau daripada tulang Si Beruang. Kura-kura sangat menyukai Bangkau itu. Bangkau itu sentiasa dibawa ke mana sahaja dia pergi.

(Angela Engkuan, 2018 : 164)

Gaya bahasa Asonansi ini dapat dilihat pada teks *Magis Sang Manuk Bura* yang mempunyai perulangan bunyi huruf vokal *a, e, i, o, dan u*. Perulangan pada ayat yang dikemukakan adalah mengandungi perulangan huruf vokal 'a'. Kehadiran bunyi huruf vokal untuk menarik pembaca agar dapat menghayati dengan lebih mendalam tentang makna dan perasaan. Bukan itu sahaja, kehadiran bunyi vokal juga dapat memberi kesan keindahan dengan mengundang perasaan kepada pendengar untuk menghayati kesan keindahan yang halus ingin disampaikan oleh penulis agar dapat membaca dengan lebih tekun dan menarik. Perulangan gaya bahasa asonansi ini telah menunjukkan perulangan bunyi huruf vokal. Pengaplikasian teori yang dapat dikaitkan dengan teks *Magis Sang Manuk Bura* karya Angela Engkuan ini adalah kehidupan moral yang menunjukkan sikap kura-kura yang menyayangi bangkai si beruang walaupun dia sendiri yang mengjerat si beruang untuk dibakar. Beruang mati akibat dibakar oleh kura-kura kerana benci akibat si beruang bersikap sombong. Si kura-kura membuat tipu helah dengan membakarkan diri demi membuktikan kekuatan diri masing-masing. Pendekatan moral yang dapat dilihat sikap seperti si hura-kura tidak dapat dijadikan contoh kerana akan merosakkan masa depan dan juga masyarakat. Hal ini dikatakan kerana, masyarakat pada hari ini lebih mementingkan diri sendiri demi kepentingan sendiri walaupun melihat orang lain sakit. Pendekatan moral ini dapat diberi pengajaran kepada masyarakat yang membaca teks ini untuk lebih bersikap bertoleransi sesama sendiri.

4.6.3 Gaya Bahasa Aliterasi

Gaya bahasa aliterasi adalah perulangan bunyi huruf konsonan pada kata atau perkataan di setiap baris. Selain perulangan bunyi huruf vokal pada gaya bahasa asonansi, kehadiran gaya bahasa aliterasi juga mempunyai keindahan pada setiap ayat yang mempunyai perulangan huruf konsonan dengan melahirkan kesan kelembutan dalam irama dan rentak setiap ayat yang dituturkan. Kehadiran bunyi gaya bahasa aliterasi ini memberi kesan kepada setiap gambaran yang digambarkan oleh pengarang untuk menghayati kesan kehalusan perasaan dan pengalaman penulis.

Menurut Fadzri Aris et al (2013) mendefinisikan aliterasi ialah pengulangan bunyi huruf konsonan yang sama pada setiap baris. Aliterasi adalah sejenis gaya bahasa perulangan bunyi konsonan pada awal ayat atau perkataan (Mohd Azam Sulong et al, 2013). Rahman Shaari (1993) menjelaskan unsur aliterasi memberi kesan kepada lisan tetapi ianya tidak memberi makna.

Petikan 31

Puteri Nubung menyesal dengan kata-katanya. Anaknya semakin merengek-rengok. Dengan perasaan berat hati, Puteri Nubung mengambil pakaian sakti itu, lalu disarungkan ke tubuhnya. Sejurus pakaian itu lengkap dipakainya, tubuh Puteri Nubung perlahan-lahan terangkat naik. Anaknya ketawa girang melihat ibunya terapung-apung di udara.

(Angela Engkuan, 2018 : 71)

Berdasarkan kepada gaya bahasa aliterasi ini dapat dilihat perulangan huruf vokal 'n' pada keseluruhan baris. Perulangan huruf konsonan ini dapat memberi kesan keindahan

kepada mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang. Unsur aliterasi ini dapat menimbulkan kesan imaginasi penyajak dalam menghasilkan penulisannya. Penulisan yang dihasilkan oleh penulis mestilah mempunyai makna yang tersendiri untuk pembaca menghayati karya yang dihasilkan. Perulangan huruf konsonan juga dapat memberi penulis menjadikan karya-karyanya menjadi sebuah karya yang sempurna untuk dibaca oleh pembaca agar dapat menimbulkan kesan-kesan yang indah kepada pembaca. Pengaplikasian teori pengkaedahan Melayu yang dapat dikaitkan dengan teks ini adalah berkaitan dengan pendekatan kemasyarakatan. Hal ini dikatakan kerana, penggunaan pendekatan kemasyarakatan adalah untuk menggambarkan sikap seorang ibu yang meninggalkan anaknya demi memberi ajar tentang kelakuan si bapa yang menyembunyikan pakaiannya yang mengakibatkan dia tidak dapat pulang ke negeri kayangan untuk berjumpa dengan orang tua mereka.

4.7 Kesimpulan

Kesimpulannya, pada bahagian ini adalah perbincangan tentang dapatan kajian yang diperoleh daripada hasil maklumat yang di kumpul dengan merujuk objektif kajian. Objektif kajian yang pertama adalah Mengenalpasti gaya bahasa dalam teks *Magis Sang Manuk Bura*. Yang kedua, Bincangkan gaya bahasa dalam teks *Magis Sang Manuk Bura* dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu.



BAB 5

RUMUSAN, CADANGAN DAN PENUTUP

5.1 Pengenalan

Bahagian kelima ini merupakan gambaran secara menyeluruh yang paling terakhir dalam bahagian penutup yang dapat dilihat secara ringkas dan padat mengenal kajian yang dijalankan. Selain itu, pengkaji menceritakan analisis kajian yang diperoleh dengan lebih terang untuk mendapatkan objektif kajian yang sempurna. Seterusnya, kandungan bagi rumusan ini meliputi tentang kefahaman cerita rakyat boleh mengaplikasi teori dan unsur gaya bahasa yang terdapat dalam cerita rakyat. Bab kelima ini mengkaji turut akan mengemukakan dan membincangkan tentang cadangan kajian ia dapat memberi suatu manfaat kepada orang ramai serta dapat menjana pemikiran ke arah yang lebih baik. Akhir sekali, pengkaji juga menghasilkan penutup secara ringkas.

5.2 Rumusan

Berdasarkan hasil penyelidikan yang telah dilaksanakan, pengkaji dapat merumuskan bahawa kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah tidak secara meluas. Pengkaji akan memfokuskan kepada cerita rakyat yang terisi dengan kepelbagaian cerita yang menarik dan seronok untuk dibaca. Cerita rakyat yang dihuraikan dapat memberi kefahaman tentang genre cerita rakyat untuk menjadi satu sifat yang bergerak. Cerita rakyat sangatlah senang untuk difahami kerana ia disampaikan melalui penyebaran dari mulut ke mulut. Cerita rakyat yang dipilih oleh pengkaji untuk mengkaji tentang cerita rakyat sabah untuk lebih mengenali cerita daripada orang-orang zaman dahulu. Cerita rakyat dari orang sabah ini telah di kumpul dan dibukukan bertujuan untuk menjadi sebuah cerita yang dapat disampaikan kepada generasi akan datang.

Selain itu, pengkaji mengkaji tentang cerita rakyat yang berjudul *Magis Sang Manuk Bura* karya Angela Engkuan (2018). Pengkaji telah mengemukakan tentang gaya bahasa yang terkandung di dalam teks yang dipilih. Cerita rakyat ini mengandungi unsur keindahan yang dapat menjadikan karya menjadi kemas dan mudah untuk difahami. Gaya bahasa yang digunakan dalam teks *Magis Sang Manuk Bura* ini menjadikan karya penulisan kreatif dan dapat memberi pengajaran kepada karya penulisan bukan kreatif. Kajian ini telah membincangkan tentang objektif kajian yang dinyatakan oleh pengkaji tentang mengenalpasti gaya bahasa dalam *teks Magis Sang Manuk Bura* dan bincangkan gaya bahasa dalam *teks Magis Sang Manuk Bura* dengan mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu. Pengkaji telah membataskan sebanyak sebuah buku yang memfokuskan kepada general rakyat. Buku yang dipilih oleh pengkaji mempunyai 19 buah cerita rakyat sabah dan mengandungi sebanyak 276 halaman bercetak. Pengkaji menjalankan kaedah

kualitatif dengan membuat rujukan perpustakaan dan kaedah rujukan teks. Berdasarkan analisis kajian yang dijalankan memperoleh gaya bahasa seperti gaya bahasa metafora, gaya bahasa hiperbola, gaya bahasa personifikasi, gaya bahasa anafora, gaya bahasa ironi dan sebagainya.

5.3 Perbincangan

Berdasarkan kajian yang telah dihasilkan oleh pengkaji didapati bahawa cerita rakyat pada masa kini kurang mendapat perhatian dan ia hanya tertumpu kepada beberapa individu yang hanya berlatarkan tentang sastera sahaja. Masyarakat pada hari ini lebih fokus tentang cerita rakyat kepada sosio budaya masyarakat melalui etika dan moral. Cerita rakyat pada masa kini kurang dititik beratkan kepada gaya bahasa kerana cerita rakyat kurang menjadi tarikan kepada masyarakat kini kerana dianggap cerita rekaan. Bukan itu sahaja, cerita rakyat kurang gemar dibaca kerana kurangnya bentuk pendedahan dari masyarakat sekarang dan kekurangan pengkaji tentang cerita rakyat. Hal ini dikatakan demikian kerana, cerita rakyat kurang menjadi tarikan kerana ramai yang menganggap sastera adalah satu topik yang membosankan dan hanya perlu memfokuskan kepada buku semata-mata. Sememangnya sastera perlu membaca tetapi ianya lebih menarik untuk mengkaji tentang buku-buku yang mempunyai nilai dan keindahan yang tersendiri. Genre cerita rakyat juga dalam konteks gaya bahasa harus diterapkan untuk melihat keindahan penggunaan gaya bahasa.

Selain itu, cerita rakyat semestinya banyak memaparkan kepelbagaian aspek yang jelas dapat dilihat menerusi paparan yang mempunyai makna. Cerita rakyat yang dikaji ini berkaitan dengan gaya bahasa yang dikemukakan antara satu sama lain. Pengkaji

menghasilkan analisis data tentang gaya bahasa yang terkandung di dalam cerita rakyat yang dipilih oleh pengkaji. Sebagai contoh, gaya bahasa perbandingan, gaya bahasa pertentangan, gaya bahasa penyirnaan, gaya bahasa sindiran dan gaya bahasa perulangan. Sememangnya cerita rakyat telah ramai yang dikaji oleh pengkaji lepas tetapi tidak ramai pengkaji mengkaji tentang aspek gaya bahasa. Pemilihan topik ini sangat berkelainan dengan pengkaji lain untuk memperoleh idea dan pendapat melalui penulisan untuk analisis kajian.

Seterusnya, kajian ini dapat dilihat pada cerita rakyat yang dipilih oleh pengkaji untuk menemukan dengan beberapa gaya bahasa. Berdasarkan bab empat telah menganalisis tentang gaya bahasa adalah suatu paparan yang dapat dilihat pada keindahan bahasa yang digunakan oleh penulis di dalam cerita rakyat. Pada masa kini, kekurangan pengkaji dalam mengkaji gaya bahasa dalam cerita rakyat juga turut terkesan kerana gaya bahasa dalam cerita rakyat tidak dapat dikembangkan. Hal ini dikatakan demikian kerana, pengkaji lebih menitik beratkan tentang nilai moral dalam cerita rakyat, nilai murni dalam cerita rakyat, dan sebagainya. Pengkaji pada hari ini kurang minat untuk mengkaji tentang gaya bahasa kerana bagi pengkaji baharu ianya susah difahami dan tidak senang untuk mengkaji keindahan bahasa.

5.4 Cadangan

Dalam kajian ini, sememangnya objektif telah tercapai dengan menonjolkan gaya bahasa yang terdapat pada teks yang dipilih. Pengkaji juga perlu menyatakan tentang cadangan yang harus dilakukan oleh pengkaji akan datang untuk mengkaji gaya bahasa yang terdapat dalam cerita rakyat agar terdapat penambahan di masa akan datang. Pengkaji berharap agar pengkaji baru untuk meneruskan kajian tentang gaya bahasa. Hal ini dikatakan demikian kerana, kita sebagai masyarakat Melayu perlu memartabatkan bahasa kita dengan menggemukkan keindahan bahasa yang terdapat pada puisi, prosa, cerpen, novel, cerita rakyat dan sebagainya. Hal ini perlu ditekankan tentang gaya bahasa yang sempurna untuk menjadikan teks yang unggul. Kita masyarakat Melayu perlu membangunkan bahasa kita dengan meneliti keindahan bahasa yang terdapat dalam penulisan kita. Sebagai contoh, teks yang mempunyai gaya bahasa dapat dijadikan sebuah teks yang sempurna untuk menjadi tarikan serta akan menimbulkan sebuah perasaan kepada pembaca untuk menjadikan sebuah karya menjadi lebih menarik.

Selain itu, pengkaji juga turut berharap agar pengkaji baharu perlu mendedahkan kajian ini ke masa hadapan demi anak-anak muda untuk mengenali tentang gaya bahasa. Ramai yang menganggap gaya bahasa adalah perkara yang kecil tetapi tidak bagi orang sastera. Penggunaan gaya bahasa sangatlah wajar dalam penulisan untuk menjadikan sebuah karya yang menarik. Penggunaan gaya bahasa juga dapat menarik minat pembaca untuk menghayati sesebuah karya yang dibaca. Kajian ini dijalankan agar pengkaji akan datang terus mengkaji dan memperbanyakkan lagi kajian tentang gaya bahasa di Malaysia.

Seterusnya, pengkaji ingin mencadangkan agar perbanyakkan kajian tentang gaya bahasa di Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana, pengkaji baru perlu menyahut cabaran untuk mengkaji tentang gaya bahasa yang terdapat di dalam cerita rakyat dan novel-novel di Malaysia. Pada masa kini, kita dapat lihat banyak kajian yang berkaitan gaya bahasa hanyalah menjadi tumpuan dari negara jiran. Gaya bahasa telah menjadi kajian yang sedikit berbanding negara Indonesia. Gaya bahasa yang dikaji di Malaysia sangat kurang menjadi tarikan. Dengan ini pengkaji baru perlu menyahut cabaran untuk mengkaji topik gaya bahasa ini agar dapat berkembang dengan lebih banyak dan dapat menjadi panduan kepada generasi baharu yang masih baru berjinak dalam dunia sastera agar mereka lebih mengetahui banyak pengetahuan dan dapat berkembang dengan lebih berjaya.

5.5 Penutup

Secara keseluruhannya dapat pengkaji merumuskan tentang kajian ini yang memfokuskan terhadap cerita rakyat *Magis Sang Manuk Bura* karya Angela Engkuan. Pengkaji mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu. Teori yang digunakan adalah untuk mengkaji tentang gaya bahasa yang terkandung di dalam teks *Magis Sang Manuk Bura*. Teks yang dipilih mempunyai banyak nilai-nilai yang dapat dicontohi serta memberi tumpuan kepada pemikiran masyarakat. Kajian yang dijalankan ini dapat mengkaji tentang keindahan bahasa di dalam sesebuah teks. Cerita rakyat ini tidak pernah dikaji oleh mana-mana pengkaji pengkaji berharap agar pengkaji masa akan datang terus mengkaji tentang cerita rakyat sabah ini agar dapat dikembangkan dalam bidang sastera.

RUJUKAN

- Abdul Halim Bandan, (1999). *Cerita Rakyat Kaum Bajau Semporna, Sabah: Suatu Analisis Citra Masyarakat*, Tesis Sarjana Sastera. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia.
- Afidatul Syazwani Afandi (2022) *Unsur Magis Sebagai Proses Katarsis Melalui Gaya Bahasa Pengarang Dalam Hikayat Pilihan Berdasarkan Model GTRFK*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Universiti Malaysia Kelantan.
- Arbai'e Sujud, Liliy Salwani, Razali & Nik Rafidah, Nik Muhammad Affendi(2011) *Fenomena Sosial dalam Cerita Rakyat Kanak-Kanak / Pendeta: Jurnal Bahasa, Pendidikan dan Sastera Melayu*,2 (1), 138-151.
- Balveen Kaur, Mary Fatimah Subet (2019). *Ironi dalam Bahasa Kiasan Punjabi: Analisis Semantik Inkuisitif*. Trends in Undergraduate Research, 2(1), f1-7
- Eiffa Yuhani Roslan (2022) *Unsur Nilai Dalam Teks Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu Oleh Hashim Awang (1989)*. Tesis Sarjana Sastera, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Universiti Malaysia Kelantan.
- Hashim Awang.(1989). *Kajian Sastera: Suatu Pendekatan Melayu*. Dewan Sastera, Disember, 60 -63.
- Hazrul Mazran Rusli (2018) *Adaptasi Kesusasteraan Rakyat Cerita Jenaka Melayu Dalam Karya Seni Cetakan Kontemporari*. Tesis Sarjana. Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Jamail Masador, A.Halim Ali, Azhar Wahid (2023). *Kepercayaan Lama Dalam Budaya Bukan Benda Masyarakat Kimaragang Menerusi Cerita Rakyat Terpilih*. Rumpun Jurnal Persuratan Melayu, 11(1), 57 - 74.
- Johari Yahya (2015). *Pantun peribahasa Melayu: analisis daripada perspektif teori pengkaedahan Melayu* Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia.
- Kaithiri Arumugam, Rohaya Md Ali (2019). *Buku kanak-kanak: Analisis unsur Estetika: Fakulti Bahasa dan Komunikasi. Universiti Utara Malaysia* 10, 151-165.
- Khazri Osman et al (2020). *Keindahan gaya bahasa simile dalam hadis Ashrat Al-Sa'ah*. Fakulti Pengajian Islam,Universiti Kebangsaan Malaysia
- Maizatul Akma Shamsuddin (2022). *Unsur Budaya Dalam Teks Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu* Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaysia Kelantan.
- Mary Fatimah Subet (2018). *Analisis teori relevans dalam metafora*. Jurnal Bahasa, 18(1), 159188.
- Mastura Binti Othman (2022). *Nilai-nilai Kemanusiaan Dalam Novel Srengenge Karya Shahnnon Ahmad: Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu*. Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Universiti Malaysia Kelantan.

- Minah Sintian (2019). Nilai-nilai kearifan lokal dalam cerita rakyat Kadazan dusun. Dlm. Kesusasteraan & Kebudayaan Borneo. Tanjung Malim: Fakulti Bahasa dan Komunikasi. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohamad Yazi kerya and Fatahiyah Mohd Ishak, and Wan Roslina Wan Ismail (2015) Gaya bahasa dalam teater tradisional Mek Mulung. Universiti Teknologi MARA, ICOMHAC2015 eproceedings, 16-17
- Mohammad Fadzeli Jaafar (2006). Aspek gaya bahasa dalam teks sastra Melayu berunsur Islam. Jurnal Pengajian Umum, Bil, 7, 53-66.
- Mohd. Azhar Su. (2005). Gaya bahasa dalam novel remaja Khairuddin Ayip. Tesis Ijazah Master Sastra. Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Sharifudin Yusop (2015). Cerita rakyat Melayu: Suatu analisis pancaran jati diri masyarakat Melayu sebagai cerminan kebudayaan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)* 03(2015), 91-100
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2015). Seuntai Nilai-Nilai Murni dalam Himpunan 366 Cerita Rakyat Di Malaysia. Tesis Sarjana Sastra. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Mohd Firdaus Che Yaacob et al (2017). Cerminan Moral Positif dalam Cerita-cerita Rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*.
- Mohd Firdaus Che Yaacob, & Nasirin Abdillah (2017). Penggunaan Multimedia Ke Arah Memartabatkan Cerita Rakyat Masyarakat Melayu. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 5 (2), 21-35.
- Mohd Firdaus Che Yaacob, & Nasirin Abdillah, (2017). Penerapan nilai murni dalam Cerita Rakyat Melayu suatu aplikasi teori pengkaedahan Melayu: Analisis nilai kasih sayang dan nilai keadilan dalam masyarakat Melayu. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 5(2), 94-107.
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) *Nilai-nilai murni dalam naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Universiti Malaysia Kelantan.
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu. *Jurnal Peradaban Melayu*, 2(16), 1-12.
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2022). Akal Budi Dalam Cerita Rakyat di Tumpat Kelantan: Satu Penelitian Terhadap Pengkaedahan Alamiah. *Jurnal Melayu*. 21(1), 129-144
- Mohd Firdaus Che Yaacob et al (2022). Kajian mengenai nilai murni melalui keunikan dialek Kelantan dalam cerita rakyat Melayu di Kelantan. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 10(1).
- Mohd Nazri Abdul Rahman et al (2021). Pedagogi Responsif Budaya Menerusi Cerita Rakyat Untuk Kemahiran Literasi Awal Kanak-Kanak. *Sains Insani*. 6(1), 91-98
- Mohd Nazri Abdul Rahman et al (2017). Cerita rakyat orang asal Sabah sebagai medium pembelajaran asas literasi: Analisis keperluan. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 5(4), 26-30.
- Muhammad Irfan Waquuddin Hasanudin, Mohd Affiq Affandy Azlizan, Muid Norizam Jamian (2021). Cerita Rakyat Bawang Putih Bawang Merah Versi Malaysia & Indonesia: Perbandingan Latar Budaya. *Jurnal Wacana Sarjana*, 5(3), 1-21.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah, Mohd Firdaus Che Yaacob ((2021). Cerminan Nilai-Nilai Islam Dalam Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Pendekatan Takmilah. *Journal of Business and Social Development*. 9(1), 51-62
- Muhammad Qawiem Hamizan et al (2021). Dokumentasi Tradisi Lisan dalam Cerita Rakyat untuk Orang Melayu di Sarawak untuk Persembahan Teater. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*, 2(2), 34-41
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff et al (2021). Masyarakat Orang Asli Jakun di Rompin, Pahang: Kajian terhadap pemuliharaan cerita lisan (Jakun Orang Asli

community in Rompin, Pahang: A study on the preservation of oral stories).
Geografia, 17(2).

- Muhamad Firdaus Kamaruzaman (2023) Fenomena Sosial Dalam Teks Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu. Projek Tesis Akhir Tahun, Universiti Malaysia Kelantan.
- Muhammad Azrul Deraman (2011) Nilai-nilai kemanusiaan dalam cerita rakyat hasil koleksi Zakaria Hitam. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan.
- Muhammad Haji Salleh. (1995). *Beyond The Archipelago: Selected Poems*. Ohio: University Press.
- Muhammad Irfan Waqujuddin Hasanudin, Mohd Affiq Affandy Azlizan, Muhd Norizam Jamian(2021).Cerita Rakyat Bawang Putih Bawang Merah Versi Malaysia & Indonesia: Perbandingan LatarBudaya. *Jurnal Wacana Sarjana*,5(3),1-21.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah(2022). Sastera Rakyat Sebagai Medium Didaktik Kepada Golongan Desa. *PENDETA*, 13(1), 103–114.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah, Mohd Firdaus Che Yaacob ((2021). Cerminan Nilai-Nilai Islam Dalam Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Pendekatan Takmilah. *Journal of Business and Social Development*.9(1), 51-62
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah, Mohd Firdaus Che Yaacob Kawalan Sosial Dalam Cerita Rakyat Melayu Di Pasir Mas, Kelantan. *Malay, Arabic and English Literature (ICMAEL 2022)*, 138
- Muhammad Qawiem Hamizan et al (2021). Dokumentasi Tradisi Lisan dalam Cerita Rakyat untuk Orang Melayu di Sarawak untuk Persembahan Teater. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*, 2(2), 34-41.
- Muharam Awang & Shaiful Bahri Md. Radzi (2020). Indah lagi mengasyikkan: Gaya bahasa pertautan UsmanAwang dalam puisinya. *International Journal of the Malay Worldand Civilisation*, 8(3), 33- 42.
- Mumtaz Begum Aboo Backer. (2023). Cerita Rakyat, Trans-lokaliti Dan Pembinaan Nilai Sosial Oleh Kanak-kanak: Folk Stories, Trans-locality And Construction Of Social Values By Children. *Jurnal Gendang Alam(GA)*, 13 (1)
- Nadia Ishak, Kamariah Kamarudin (2019). Aspek dakwah dalam Novel Suriati Berdasarkan Pendekatan Dakwah Teori Pengkaedahan Melayu. *Malay Literature*, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 32(1), 116-144.
- Naizalaila Mustapha (2019) Analisis Cerpen Terpilih Karya Zurinah Hassan MenggunakanTeori Pengkaedahan Melayu. Tesis Sarjana Muda Sastera, Universiti Malaysia Kelantan (UMK).
- Nazri Bin Atoh, Zubir Bin Idris (2013). Simile sebagai Kesantunan Berbahasa dalam Syair Siti Zubaidah: Simile as a Language Modesty in Syair Siti Zubaidah. *Jurnal Bahasa, Pendidikan dan Sastera Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia*, 4, 78-95.

- Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir (2005). Pengajaran gaya bahasa dalam bahasa Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 16, 37-54.
- Norzatul Iqma, Mohd Noor (2020) Nilai Kemelayuan dalam Himpunan Drama Melayu Popular Terpilih di Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu. Tesis Sarjana Muda Sastera, Universiti Malaysia Kelantan (UMK).
- Noorzatul Hidayah Mohd Hanipah, Daeng Haliza Daeng Jamal, & Nasiri Abdillah, (2021). Ritual Dalam Cerita Rakyat Di Mukim Bebar, Pekan Pahang, Malaysia. *International Journal of Creative Future and Heritage* (TENIAT), 9(1), 18–29.
- Nor Sahara Mesman (2022). Manifestasi Penciptaan Pantun Berlagu dalam Cerita Rakyat Negeri Pahang. *Jurnal Peradaban Melayu*, 17(1), 27-34.
- Norawi Kata, A. Halim Ali, Ghazali Din (2022). Kesepaduan Gaya Bahasa Dan Pemikiran Dengan Perutusan Agama Dalam Kumpulan Puisi Sewaktu Pesawat Runduk. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 10(2), 54-69
- Norhayati Idris (1999). Gaya bahasa perbilangangan adat perpatih, Tesis Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia.
- Noorzatul Hidayah Mohd Hanipah et al (2021). Ritual Dalam Cerita Rakyat Di Mukim Bebar, Pekan Pahang, Malaysia. *International Journal of Creative Future and Heritage* (TENIAT), 9(1), 18–29.
- Nur Ezatull Fadtehah Hedel, Mary Fatimah Subet (2020). Peristiwa Aneh dalam Cerita Rakyat “Hikayat Nakhoda Muda”: Analisis Semantik Inkuisitif. *Asian People Journal (APJ) Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak*, 3(2), 147-160.
- Nur Hanis Athirah Rosazlan (2023) Sajak Sebagai Medium Mendidik Masyarakat: Satu Penelitian Terhadap Puisi Terpilih Zurinah Hassan Berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu. Tesis Sarjana Sastera, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.
- Nur Hanis Mohd Ramlee (2023) Unsur Patriotisme Dalam Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa : Satu Kajian Berdasarkan Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu. Tesis Sarjana Muda Sastera, Universiti Malaysia Kelantan.
- Nur Safiah, Mohmad Zakir (2020) Nilai-Nilai Keislaman Menerusi Cerpen-Cerpen Terpilih dalam Seuntai Rindu Firdaus Karya Ana Balqis: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu. Tesis Sarjana Muda Sastera, Universiti Malaysia Kelantan (UMK).
- Normaliza Abd Rahim et al (2016). Wacana cerita rakyat melayu dalam kalangan pelajar Korea. *Jurnal Kemanusiaan*, 25(1), 12-21.
- Roslina Abu Bakar, Arba'ie Sujud (2013). World-View Dan Sistem Politik Masyarakat Melayu: Penelitian Terhadap Cerita Rakyat Melayu: *Jurnal Bahasa, Pendidikan dan Sastera Melayu*, 4(1), 143–161.
- Rosmani Omar et al (2019). Daripada Cetak Kepada Digital: Rekonstruksi Cerita Rakyat di Malaysia. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(2), 291-319.
- Rosnani Md Zain, Nik Rafidah Nik Muahamad Affendi (2019). Unsur Estetika Bahasa Dalam Novel-Novel Pemenang Sayembara Fiksyen Sains Dan Teknologi Dari Tahun 2012 Sehingga 2017 Aesthetic Language in the Winner of Fiction Science and Technology Novels from 2012 to 2017. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)*, 30, 189-212.
- Shamsudin Othman, Ghazali Lateh (2016). Penggunaan gaya bahasa sastera dalam pengajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(1), 59-64.
- Siti Aishah Jusoh et al (2021). Unsur Spiritual dalam Cerita Lisan Melayu. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature* 12(2), 67-79
- Siti Munirah binti Sayuti (2023) Unsur islam dalam cerpen Antologi Sejadah Ibadah Karya Radzemah Bolhassan satu pengaplikasian teori pengkaedahan melayu. Tesis Sarjana Muda Sastera, Universiti Malaysia Kelantan.
- Siti Zuhaidah Zakeria, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2014). Konflik dalam Cerita Rakyat dan Kesannya kepada Kanak-Kanak. *Jurnal bahasa, Pendidikan dan*

Sastera Melayu, 5(1), 185-206.

- Siti Zuhaidah Zakeria & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi(2016). Kesenambungan warisan budaya masyarakat Melayu Pantai Timur dalam cerita rakyat untuk kanak-kanak. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu*, 4(1), 93-103.
- Suhaini Md Noor & Mohd Faizal Musa (2014) Konflik dalam Cerita Rakyat dan Kesannya kepada Kanak-Kanak: Conflicts in Folklores and The Impact Towards Children. *PENDETA*, 5, 185-206.
- Syaidul Azam Kamarudin, Arbai'e Sujud (2017). Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*.
- Syarah Aqilah binti Zulfakar(2023) Polemik dalam teks Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia: suatu pengaplikasian teori takmilah. Tesis Sarjana Muda Sastera, Universiti Malaysia Kelantan.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan, Mohd Firdaus Che Yaacob (2023). Akal Budi Orang Melayu menerusi Cerita-cerita Rakyat: The Common Sense of the Malays through Folk Stories.*Jurnal Bahasa, Pendidikan dan Sastera*, 14(2), 56-70.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan, Mohd Firdaus Che Yaacob (2022). Interaksi Sosioekonomi Dalam Cerita Rakyat Kilatan Emas Mencetus Revolusi Kepemimpinan Terhadap Kanak-Kanak Dan Remaja. *MAHAWANGSA*.
- Wan Akmal Wan Semara. (2005). Unsur puitika dalam puisi Melayu tradisional. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Wan Khairul Faiz, Wan Kamarull Ariffin (2019) Analisis Cerpen-Cerpen Terpilih Di Dalam Kumpulan Cerpen Bidadari Burung Dengan Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Tesis Sarjana Muda Sastera, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Universiti Malaysia Kelantan (UMK).
- Zainal Abidin Ahmad.(1965). Ilmu Mengarang Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

BIODATA PENULIS



Nama diberi Noorarfah Binti Mohd Noor. Lahir pada 18 september 2000 di Kota Bharu, Kelantan. Beliau merupakan anak keempat dari lima orang adik-beradik. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Kota. Beliau melanjutkan pengajian ke Sekolah Menengah Kebangsaan Kota dengan memperoleh Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Pelajaran Tinggi Malaysia (STPM). Beliau meneruskan pengajiannya ke Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Hobi beliau adalah memasak dan bersukan. Beliau bercita-cita untuk menjadi seorang guru. Pada tahun 2023, penulis merupakan pelajar tahun akhir yang menjalankan tesis tentang gaya bahasa berdasarkan cerita rakyat Sabah. Semoga impian saya untuk meneruskan lagi kajian ini dapat tercapai. Semoga segala niat dan impian tercapai dan dapat membanggakan hati kedua ibubapa serta dapat berbakti kepada mereka.